ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD

USTAZ
ASHAARI
MUHAMMAD

IMAN DAN PERSOALANNYA

Cetakan Pertama Julai 1983. Cetalcan Kedua Disember 1983. Cetakan Ketiga April 1986, Cetakan Keempat September 1987, Cetakan Kelima Mac 1988, Cetakan Keenam Ogos 1989, Cetakan Ketujuh Ogos 1991. Cetakan Kelapan Jun 1993.

Diterbitkan **oleh**
Penerbitan Hikmah, 163-A. Jalan Aminuddin Baki.
Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur

Layout DTP
dan Rekabentuk **Kulit oleh**
Unit Rekabentuk.
Bhg. Pengeluran Minda Syeikhul Arqam,
Kuala Lumpur.

Muka taip teks: Ties Roman, 11 poin

Dicetak oleh
Percetakan CS
Kuala Lumpur

Kandungan

Prakata

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه وولاه .

DENGAN NAMA ALLAH Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Puji dan syukur pada Allah SWT, rahmat dan keredhaan Allah pada Rasul-Nya Muhammad SAW, semoga selamatlah kita semuanya berserta hamba-hamba-Nya yang baik. Di hadapanmu ialah IMAN, sebuah syarahanku yang telah kubukukan. Anggaplah ia sebagai hadiah dariku, buat kenangan dan pusaka peninggalan yang mampu kuabadikan padamu. Pergunakanlah sebaik-baiknya sebagai satu-satunya hadiah yang kukira paling berharga bagi hidupku dan hidup-mu di dunia apalagi di Akhirat.

Iman ialah punca tenaga, tempat lahirnya segala-gala yang kita perlukan dalam hidup ini. Iman ialah hartamu yang akan mengkayakan hatimu. Iman ialah kekuatanmu yang akan menguatkan jiwamu. Iman ialah pendidikan yang akan menjadikan engkau manusia yang berakhlak mulia dan berbudi tinggi. Iman ialah sahabatmu yang karib dan setia, yang sentiasa bersama di waktu suka dan duka.

Iman ialah pembimbingmu yang akan memandumu kepada kebahagiaan hidup yang kauharap-harapkan. Iman ialah penyuluhmu yang terang-benderang, yang akan menyelamatkanmu dari kegelapan dan kesesatan. Iman ialah pengawalmu yang sentiasa bersedia untuk menjagamu'dari serangan musuh lahir dan batin. Iman ialah pemeliharamu, yang akan menghalangmu dari terpesona dan tertipu dengan hasutan dan bujukan nafsu dan syaitan.

Iman ialah pendorongmu yang akan mengarahkanmu supaya sentiasa berjuang di atas landasan yang dibenarkan' oleh Tuhan. Iman ialah tenaga penggerak yang tidak akan membenarkan engkau berpeluk tubuh melihat maksiat dan kederhakaan pada Tuhan.

Kalau engkau memiliki iman, engkau sesungguhnya' telah menguasai segala-galanya. Sebaliknya kalau engkau ketiadaan iman, maka engkau telah kehilangan segala-galanya pula.

Kerana itu tidaklah salah rasanya kusarankan engkau supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan iman. Masa, tenaga, fikiran, jiwa, harta, nyawa dan apa saja hakmu jangan sayang untuk kaukorbankan sebagai tebusan pada iman. Sebenamya harga pengorbananmu itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan nilai iman yang engkau perolehi. Dalam surah At-Taubah Allah berjanji denganmu:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dan memberikan Syurga untuk mereka.

(At Taubah: 111)

Allah akan menggantikan segala pengorbanan itu dengan Syurga, istana emas yang kelazatannya tidak mungkin tergambar oleh hati, tidak mungkin terkata oleh lidah ‘dan tidak mungkin tertulis oleh pena. Sesuatu yang hat-us kauingat bahawa jalan yang kusarankan ini adalah jalan kefakiran dan kepapaan tetapi agung! Kerana jalan itulah yang pemah ditempuh oleh para anbia dart mursalin.

Biarlah dalam hidup yang sementara ini kita rasa kepahitan dan kepiluan kerana dalam hidup yang kekal nanti kita tidak mungkin merasa pilu atau suka bila yang satu dari dua itu kita mesti kecapi. Resapilah kembali ilmu keimanan, kebenaran, keberanian dan keadilan kerana kau telah ditugaskan untuk memimpin bangsa-bangsa di dunia. Kemajuan dan kemanusiaan jangan dibiarkan berjalan tanpa pegangan dan pedoman wahyu. Dunia dan manusia jangan dibiarkan hanya mendengar kebohongan dan kepalsuan. Pembangunan bangsa dan negara jangan dilepas dari unsur iman dan akhlak mulia. Itulah tugasmu sekarang dan akan datang.

Dengan berkat ketinggian dan kemuliaan dan berkat Nabi Muhammad SAW keluarga dan sahabat baginda, para anbia dan mursalin serta guru tareqatku Syeikhul Muhammad Suhaimi r.h, semoga Allah menjadikan buku ini bermanfaat pada kita dan seluruh mukminin dan mukminat. Semoga juga Allah menerimanya sebagai afnal soleh dariku, untuk kuhadiahkan pahalanya kepada Allahyarhamhu ayahanda dan Allahyarhuma bondaku serta almarhum bapa saudaraku Lebai Ibrahim yang telah banyak berkorban untuk memelihara dan mendidikku.

Tidak lupa kusebutkan di sini almarhum guruku yang dicintai Sohibul Fadzilah Al Syeikh Mahmud Al Bukhari Al Hafiz, Syeikh Khalil, Haji Abdul Hakim, Ahmad Dahlan

dan lain-lain semoga Allah menyampaikan pahala amalku ini padanya, sebagai membalas jasanya padaku yang tidak terkira. Semoga Allah memberikan mereka semua balasan Syurga.

Akhirnya kupohon dari Allah Al Karimul Mannan, taufiq dan hidayah untuk menjadikan buku ini sesuai dan benar sebagaimana yang dikehendaki-Nya dan semoga kita semua lebih giat dalam mengendalikan tugas yang dipikulkan-Nya.

Wabillahil Hidayah wat Taufikq
Wassalam.

Al Abdul Muznibu,

Ustaz Haji Ashaari Muhammad

Muqaddimah

DI ANTARA banyak-banyak nikmat yang Allah anugerahkan pada kita, ada satu nikmat yang paling bernilai dan sangat penting iaitu iman. Maknanya semua nikmat-nikmat lain seperti kesihatan, kepandaian, kecantikan, kemasyhuran, harta benda, wang ringgit, pangkat darjat, anak-pinak dan lain-lain yang sedang kita nikmati, tidaklah semahal dan sepenting iman. Tapi dalam kekecohan krisis nilai hari ini, ramai orang telah menganggap bahawa iman tidak penting. Ini dapat dibuktikan dengan melihat sikap hidup mereka. Semua program harian hanya bertujuan mencari keuntungan duniawi, dengan melupakan kepentingan iman. Bentuk kehidupan orang beriman bukan sahaja dianggap kolot dan ketinggalan zaman tetapi ditentang habis-habisan.

Kehidupan di Akhirat yang sering dimimpikan oleh orang-orang beriman, telah mereka lupakan, malah sesetengahnya merasa ragu tentang kedatangannya. Maka hiduplah manusia hari ini dengan berpandukan akal fikiran dan nafsu syaitan semata-mata. Akibatnya, masyarakat manusia kini sedang hanyut dilambung gelombang kerakusan nafsu dan syaitan. Tidak sedikit yang sudah menjadi mangsa dalam perangkap yang ditempahnya. Tanpa iman individu atau masyarakat manusia tidak mungkin akan mendapat ketenangan dan kebahagiaan hidup yang sebenar dan abadi. Di dunia akan dihimpit oleh kegelisahan dan kekalutan hidup,

manakala di Akhirat akan Allah benamkan ke dalam api Neraka.

Oleh itu hendaklah kita sedar bahawa iman itu sangat penting dan perlu dimiliki. Ia perlu dicari sebagaimana kita mencari harta benda. Ia tidak mungkin datang sendiri tanpa usaha dan ikhtiar dari kita, sepertilah duit tidak pemah datang sebelum kita berusaha mendapatkannya. Sudah menjadi Sunnatullah, sesuatu yang berharga adalah susah untuk dicari dan dimiliki. Umpama mutiara atau intan berlian dan emas permata, sangatlah payah mencari dan mendapatkannya. Manusia terpaksa berkorban nyawa, menyelami lautan dan membelah bumi kerananya. Kalau tidak begitu, terpaksa pula mengumpul duit bertahun-tahun lamanya kerana membeli barang berharga itu. Kadang-kadang manusia mati sebelum memperolehi barang yang sangat diingini itu. Begitu susahnya bagi kita mendapatkan sesuatu yang berharga.

Tetapi perkara yang tidak berharga, tidaklah susah mendapatkannya. Misalnya pasir, batu atau tanah. Di mana-mana sahaja kita boleh mendapatkannya, tanpa usaha ikhtiar yang berat dan susah. Kadang-kadang kita tidak berhajat pun untuk mengambilnya tapi ia pula yang mahu mengikut kita, dengan melekat pada baju atau kasut kita. Iman, nilainya melebihi nilai intan atau berlian.

Justeru itu mendapatkannya adalah lebih susah ‘dari mendapatkan mutiara dan intan berlian. Manusia wajib-menggadai semua nikmat-nikmat lain untuk mendapatkan iman yang setinggi-tingginya. Jika tidak; usah mimpi iman itu akan datang dan masuk bertakhta di hati. Mungkin boleh disebut dan diingat selalu tetapi tidak mungkin boleh dirasai dan dimiliki. Iman sebenamya bukan di mulut. Tidak juga pada akal tetapi tersemat kuat di hati dan di jiwa manusia. Iman juga bukan bersandarkan pada amalan-amalan lahir seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain walaupun perkara itu diperintah tetapi iman ada pada amalan-amalan hati. Ini dapat difahami dari sepotong Hadis yang berbunyi:

مَا فَضَلَكُمْ أَبُوْ بَكْرٍ بِصَلَاةٍ وَلَا صِيَامٍ وَإِنَّمَا فَضَلَكُمْ
بِشَيْءٍ وَقَرَ فِيْ صَدْرِهِ

Terjemahan: Bukanlah lebihnya Abu Bakar dari kamu sebab banyaknya puasa dan banyaknya sembahyang, tetapi yang melebihkan Abu Bakar ialah iman yang tersemat di dadanya.

Seterusnya baginda bersabda:

وَلَوْ وُزِنَ إِيْمَانُ أَبِيْ بَكْرٍ بِإِيْمَانِ الْعَالَمِيْنَ سِوَى النَّبِيِّيْنَ
وَالْمُرْسَلِيْنَ لَرَجَحَ

Terjemahan: Kalau iman itu ditimbang, maka timbangan iman Abu Bakar adalah melebihi timbangan semua manusia di dunia ini.

Kedua-dua Hadis di atas membuktikan bahawa iman adalah wujud tersendiri bebas dari ikatan dan kongkongan luar. Tempatnya di hati manusia dan bertindak sebagai tenaga penggerak yang boleh mengarahkan manusia kepada apa yang dikehendakinya. Amalan-amalan lahir seperti sembahyang dan lain-lain tidak mestinya sebagai simbol adanya iman di dalam hati manusia. Sembahyang adakalanya dari arahan iman dan ada ketikanya bukan dorongan iman. Ini difirmankan sendiri oleh Allah SWT:

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَٰكِن قُولُوٓا۟
أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ
وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَٰلِكُمْ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahan: Orang Arab Badwi itu berkata, "Kami telah beriman." Katakanlah pada mereka, "Kamu belum beriman." Tapi kamu katakanlah, "Kami

telah tunduk (Islam)." Kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu. Dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, ***'Dia tidak akan mengurangi sedikit pun pada (pahala) amalanmu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.***

(Al Hujurat: 14)

Jelaslah bahawa iman terpisah daripada amalan lahir. Walaupun hubungan keduanya agak rapat tetapi kedua-duanya tetap terpisah. Yang satu ada di luar dan yang lain ada di dalam hati manusia. Dari itu menjadi tugas kita untuk mempastikan bahawa kita wajib memiliki kedua-duanya. Bagaimanapun imanlah yang lebih diutamakan. Iman bukan sahaja akan menjamin kekalnya amalan-malan lahir seseorang tapi akan bertindak sebagai sumber kebahagiaan manusia di dunia dan Akhirat. Iman ialah segala-galanya; ketenangan, kekuatan, hiburan, kekayaan, kelapangan dan semuanya yang diidam-idamkan manusia. Malah iman ialah kehidupan kita. Matinya zaman kegemilangan Islam adalah berpunca dari lenyapnya iman dari hati umat Islam. Hina dan lemahnya kita hari ini pun adalah kerana tipisnya iman yang kita warisi.

Oleh itu, demi kebangkitan Islam yang kita harapkan kini, berjuanglah untuk mencari dan menambahkan iman. Berikrarlah untuk berkorban apa saja untuk iman. Relakan diri untuk diperalatkan dalam perjuangan merebut iman. Dan supaya semua itu mudah dilakukan yakinlah bahawa Allah sentiasa mengawasi kita dan bila-bila masa sahaja Dia boleh memanggil kita untuk dipersoalkan tentang semua yang kita lakukan semasa menjalani hidup yang diamanahkan-Nya. Di hari itu, tiada apa yang akan melindungi kita melainkan iman. Allah berfirman:

Terjemahan: Di Hari Qiamat harta dan anak-pinak tidak berguna lagi. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang sejahtera bersih dan beriman.

(Asy Syuara: 88 - 89)

1
Iman

IMAN ialah asas penting, yang menjadi tapak tempat berdirinya peribadi mukmin. Kalau manusia diibaratkan seperti sepohon pokok, maka iman ialah akar tunjang bagi pokok itu. Kalau pula manusia diibaratkan seperti sebuah rumah, maka iman ialah tapak di mana terdirinya rumah itu.

Demikianlah pentingnya iman dalam usaha melahirkan seorang manusia yang sempuma lagi diredhai Allah SWT. Tanpa iman, seseorang itu akan sama seperti pokok yang tidak berakar tunjang atau rumah yang ketiadaan "foundation". Maknanya, seseorang yang tiada iman tidak akan ada kekuatan untuk berdepan dengan hidup. Dia pasti gagal.

Kalaupun ada tanda-tanda Islam melalui ibadah lahir, tetapi ibadah itu tidak akan berfungsi apa-apa sewaktu manusia yang tiada iman berdepan dengan persoalan-persoalan hidup. Lagi banyak ibadah, lagi cepat gagalnya, sepertilah lagi besar pokok yang tidak berakar tunjang, lagi cepatlah tumbangnya atau lagi besar ,rumah yang didirikan di atas lumpur, lagi cepatlah robohnya.

Datang ujian kecil pun orang yang tiada iman sudah goyang. Apalagi ketika berdepan 'dengan ujian-ujian yang besar, hanyut dan karamlah dia. Sejarah telah membuktikan ini dalarn berbagai-bagai bentuk. Seorang wali Allah dengan "karamah-karamah" yang luar biasa, pengikut-pengikut berpuluh ribu dan ibadah pun seperti ibadah nabi-nabi, tetapi di akhir hayatnya telah kafir, kerana telah berjaya ditipu oleh syaitan hanya dengan seteguk arak dan seorang perempuan.

Di zaman kita ini pun banyak berlaku orang-orang yang mulanya gigih, serius dan banyak ibadab serta lantang pula suaranya memperkatakan Islam, tetapi hanya Allah uji dengan isteri atau gaji atau pangkat atau pengikut atau alam sekitar jahiliah, sudah pun lemah, takut, malas dan akhirnya ibadah dan perjuangan hilang bersama hilangnya suara dan pegangan.

Dan sering pula berlaku dalam masyarakat kita dewasa ini, orang-orang yang kita namakan ulama, kerana banyaknya ilmu dan ibadah mereka seperti sembahyang, puasa, haji, zikir, hafal Quran, tetapi sering kecundang bila berdepan dengan ujian-ujian hidup. Apabila diuji, mereka jadi pemarah, keluh-kesah, hasad dengki, bakhil, gila dunia, sombong, gila puji, pendendam dan lain-lain sifat yang sangat ditegah dan dibenci oleh Allah SWT. Sebab yang paling penting kenapa itu semua boleh berlaku ialah kerana lemahnya iman.

Faktor-faktor lainnya turut bertindak hanya kerana faktor penting itu yang mendahului. Iman yang benar dan kuat umpama mutiara yang tersimpan di dasar laut, walau sekentang mana pun ribut dan ombak menghempas, ia tetap tahan, kukuh dan tidak berganjak.

Jadi orang yang kuat iman walau sehebat mana pun ujian ia tetap yakin, tenang, sabar dan redha, tidak terlintas sedikit pun dihatinya untuk melanggar syariat dan meninggalkan perjuangan dan jemaah Islamiah

Islam dapat tegak dan kekal dalam peribadi atau masyarakat-masyarakat manusia hanya kerana ada dan kuatnya iman. Tanpa iman yang kuat, Islam hanyalah satu simbol lahiriah yang diamalkan sebagai satu amalan tradisi dan kebiasaan semata-mata. Sebaliknya iman yang kuat akan menghasilkan peribadi yang benar-benar kuat dan Islamik.

Islam ialah amalan lahir. Iman ialah amalan hati (batin). Kalau iman kuat, Islam pasti kuat. Tetapi kalau Islam yang kuat belum tentu imannya kuat. Ini mesti diperhatikan betul-betul. Jangan kita jadi orang yang kuat beramal sahaja tetapi

lemah imannya, sebaliknya jadilah orang yang kuat‘beriman dan kuat beramal. Allah menjanjikan keuntungan itu hanya tertentu bagi orang-orang yang beriman dan beramal.

Firman Allah SWT:

Terjemahan: Demi masa, sesungguhnya manusia itu semuanya berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

(Al ‘Asr: 1-3)

Allah menyebutkan iman itu dahulu, sebagai syarat bahawa amalan yang didahului atau didorong oleh iman sahaja yang akan dinilai. Rasulullah turut mengingatkan ini dengan sabda baginda:

إِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ
إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Terjemahannya: Allah tidak melihat kepada rupamu dan hartamu (gambaran lahir) tetapi Dia melihat hati kamu dan amalan kumu.

(Riwayat: Muslim)

Sebanyak mana pun amalan lahir, seperti sembahyang, puasa, menutup aurat, zikir, doa, sedekah berjuang dan berjihad tidaklah ada erti apa-apa di sisi Allah.

Dalam mengertikan Hadis ini ada orang berkata: “Buat jahat pun tidak mengapa asalkan hati baik, sebab Allah bukan memandang amalan lahir tapi melihat amalan hati.”

Kalau dihuraikan maksud perkataan mereka itu, bolehlah kita katakan tinggal sembahyang pun tak apa, dedah

aurat pun tidak mengapa, maksiat pun tidak mengapa. Yang penting hati baik. Untuk mengetahui betul atau tidak kenyataan itu cuba jawab soalan ini: "Baikkah hati orang yang tidak sembahyang dan menderhaka pada Tuhan?"

Menderhaka kepada ibu bapa pun 'kita anggap jahat, apalagi kalau menderhaka kepada Allah. Orang yang sembahyang pun Allah tidak jamin baik, apalagi orang yang langsung tidak sembahyang. Tutup aurat pun Allah tidak terima kalau niat tidak kerana Allah, apalagi kalau langsung tidak menutup aurat.

Pernah berlaku di zaman Rasulullah, seorang Sahabat turut serta berhijrah dari Makkah ke Madinah. Sahabat ini berhijrah bukan kerana menunaikan perintah Allah, tetapi beliau ingin berkahwin dengan seorang perempuan yang tinggal di Madinah. Kebetulan masa pemergiannya sama dengan hijrah. Bila perkara ini diberitahu kepada Rasulullah, baginda tents bersabda:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِىءٍ مَا نَوَى،
فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ الَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ الَى
اللهِ وَرَسُوْلِهِ. وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيْبُهَا اَوِ
امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ الَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Terjemahannya: Sesungguhnya sah amalan itu dengan niat. Sesungguhnya bagi setiap orang dinilai dari apa yang diniatkan. Sesiapa yang hijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah dinilai kerana Allah dan Rasul-Nya. *Dan sesiapa yang hijrah kerana keduniaan yang diidamkan, atau perempuan yang ingin dikahwininya maka hijrahnya dinilai kerana itulah.*

(Riwayat: Al Bukhari dan Muslim)

Hati yang baik ialah hati yang beriman dart ikhlas beramal kerana Allah. Adakah orang yang tinggal sembahyang, mencuri atau dedah aurat itu diniatkan kerana Allah? Mustahil. Bawalah alasan apa sahaja, yang jelas dia cuba "loyar buruk" dengan Allah. Orang-orang begitu, kalau tidak bertaubat, di Akhirat nanti tahulah dia siapakah dia yang sebenar dan di mana tempatnya. Allah menyatakan ini dengan fit-man-Nya:

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِۖ فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا

Terjcmahan: Maka datanglah sesudah mereka pengganti-pengganti yang jahat yang meninggalkan sembahyang dan memperturutkan hawa nafsu, maka mereka kelak akan menemui kesesatan.

(Maryam: 59)

Saya tegaskan sekali lagi bahawa, orang-orang yang beriman sudah tentu akan beramal. Tetapi orang yang beramal belum tentu benar-benar beriman. Dan orang lain yang langsung tidak beramal, lagi lemahlah imannya atau langsung tiada iman. Sebab itu Allah sering mengingatkan bahawa amalan yang akan diterima-Nya hanyalah amalan dari orang-orang yang beriman. Di antara firman-firman Allah yang menunjukkan demikian ialah:

Terjemahan: Maka siapa yang mengerjakan amal soleh, sedang dia beriman, maka usahanya itu tidak diabaikan dan sesungguhnya Kami menuliskan amalannya itu untuknya.

(Al Anbia: 94)

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itu penghuni Syurga, mereka kekal di dalamnya.

(Al Baqarah: 82)

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْـًٔا

Terjemahan: Kecuali orang yang bertaubat, berrman dan beramal soleh, maka mereka itu akan masuk Syurga dan tidak dianiaya sedikit pun.

(Maryam: 60)

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh akan memperolehi Syurga yang penuh kenikmatan.

(Luqman: 8)

Berpandukan ayat-ayat itu, faham dan sedarlah hendaknya kita tentang pentingnya iman itu mendahului amalan.

amalan yang baik. Orang yang mengaku beriman tetapi tidak mahu beramal adalah penipu. Orang yang beramal tetapi tidak beriman adalah tertipu. Sebab itu Rasulullah SAW memberi amaran keras pada orang yang tidak beriman di samping menyanjung tinggi orang yang beriman. Sabda baginda yang bermaksud:

> ***Dua rakaat sembahyang orang beriman adalah lebih baik dari 2000 rakaat sembahyang orang yang tidak beriman.***

Dengan Hadis ini mudah-mudahan sedarlah kita betapa sia-sianya kerja yang tidak didorong oleh iman. Dari itu eloklah bersiap-siap untuk memeriksa hati sendiri, apakah beriman atau tidak. Cara pemeriksaan itu hendaknya sistematik dan ihniah, bukan agak-agak tanpa panduan.

Di dalam .bab-bab berikut, saya cuba bentangkan panduan itu, setakat yang diizinkan Allah.

2

Takrif Iman

IMAN pada loghah (bahasa yang biasa digunakan hari-hari) bererti percaya. Sebab itu orang yang beriman dikatakan orang yang percaya. Siapa yang percaya maka dia dikatakan beriman. Tidak ada huraian tentang apakah cara dan syarat percaya itu. Yang kedua takrif iman menurut istilah syariat Islam ialah seperti disabdakan oleh Rasulullah SAW yang berbunyi:

اَلإِيْمَانُ مَعْرِفَةٌ بِالْقَلْبِ وَقَوْلٌ بِاللِّسَانِ وَعَمَلٌ بِالأَرْكَانِ

***Terjemahan:** Iman ialah mengenal dengan hati diucapkan dengan lidah dun mengamalkan dengan jasad (anggota lahir).*

(At Tabrani)

Dengan Hadis itu kita diberitahu bahawa iman ialah keyakinan yang dibenarkan oleh hati, diucapkan dengan mulut (lidah) dan dibuktikan dengan amalan. Ringkasnya orang yang beriman ialah orang yang percaya, mengaku dan beramal. Tanpa tiga syarat ini, seseorang itu belumlah dikatakan beriman yang sempuma. Ketiadaan satu sahaja dari yang tiga itu, sudah lainlah nama yang Islam berikan pada seseorang itu, mungkin fasik, munafik atau kafir.

Cuba kita lihat apa jadi pada seseorang yang tidak memenuhi syarat-syarat beriman itu:

1. Seseorang yang mengucapkan الله Y I إله Y dan yakin dengannya, tetapi tidak beramal atau amalannya tidak sempurna sebagaimana yang dikehendaki adalah mukmin yang fasik atau mukmin ***asi*** (derhaka). Di Akhirat nanti tempatnya di Neraka, Cuma oleh kerana imannya yang sedikit itu sah, maka ada juga peluang untuknya ke Syurga, yakni sesudah teruk kena seksa.

2. Seseorang yang yakin, tetapi tidak mahu mengikrarkan &I Y I +l! Y sama ada beramal atau tidak, adalah seorang kafir. Ada juga qaul yang memfasikkan sahaja, tetapi menurut qaul yang lebih jelas, ia adalah kafir. Matinya tidaklah boleh dikuburkan di tanah perkuburan Islam, dan di Akhirat nanti akan kekal terseksa dalam Neraka.

3. Seseorang yang mengucapkan tiada Tuhan melainkan Allah kemudian beramal dengan tuntutannya (sedikit atau banyak) tetapi keyakinannya dicelahi oleh keragu-raguan adalah orang munafik. Ragu-ragu di sini bukan sahaja pada Allah, tetapi mungkin pada Rasul, malaikat, kitab, Hari Qiamat atau qadha dan qadar.

Saya berikan beberapa contoh bagaimana ragu-ragu itu boleh berlaku:

1. Ragu tentang kerasulan salah seorang dari nabi dan rasul yang wajib diimani. Katalah bila dikaji riwayat hidup Nabi Ayub a.s. dia ragu-ragu tentang kenabiannya. Waktu itu walau sebanyak mana pun ucapan tiada Tuhan melainkan Allah dan amalan-amalannya, tetaplah ia sebagai munafik.

2. Ragu tentang kebenaran satu dari ayat-ayat Quran. Katalah di dalam ayat berikut:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا
وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

***Terjemahan:* Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, akan Allah lepaskan dari kesusahan hidup dan diberi-Nya rezeki dari sumber yang tidak diduga**

(At Thalaq: 2-3)

Ketika dia membacanya, dia jadi ragu. "Mana boleh," katanya, "rezeki mesti dicari dengan ikhtiar dan usaha, dia tidak. datang sendiri, secara tidak diduga. Ini mungkin bukan ayat Quran!" Kalau begitu, dia termasuk dalam golongan munafik, walaupun dia mengucap dua kalimah syahadat dan beramal dengannya.

3. .Ragu-ragu tentang qadha dan qadar dari Allah. Misalnya satu hari anaknya mati dilanggar kereta. Dengan sedih dan marah, terlintas di hatinya, "Kalau tidak kerana kereta ini, tentu anak aku tidak mati." Kalau keyakinannya tidak dibaharui dan tidak bertaubat, tetaplah ia sebagai munafik.

Kita kiaskanlah dalam soal-soal yang lain. Saya ingin mengulangkan di sini bahawa keragu-raguan itu mungkin dalam bentuk jahil, ***syak, dzan*** atau ***waham.*** Dan hukum munafik ini jatuh pada orang yang ragu-ragu tetapi telah mengucapkan dua kalimah syahadah.

Orang-orang munafik dengan ertinya yang lain ialah orang-orang yang melahirkan suasana Islam tetapi menyembunyikan kekufuran, maknanya mereka berpura-pura Islam pada lahirnya tetapi hati mereka tidak menerima Islam. Orang munafik hakikatnya adalah orang kafir. Malah bahayanya orang munafik kepada orang Islam adalah lebih

dari bahaya yang mungkin didatangkan oleh orang-orang kafir. Sebab orang kafir jelas musuh, sedang orang munafik tidak dapat dikesan kerana tiada bezanya ia dengan orang Islam. Bolehlah kita ibaratkan orang munafik sebagai musuh dalam selimut atau gunting dalam lipatan.

Allah menerangkan ciri-ciri orang munafik dengan firman-Nya:

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ ۖ وَإِن يَقُولُوا
تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ ۖ يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ
هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ ۚ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ ۖ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ

Terjemahan: Dan apabila kamu melihat mereka, tubuh-tubuh mereka menjadikan kamu kagum dan apabila mereka berkata, kamu (tertarik) mendengar perkataan mereka (namun demikian) mereka adalah seakan-akan kayu yang tersandar (yakni tidak memahami kebenaran). Mereka mengira bahawa tiap-tiap teriakan yang keras ditujukan kepada mereka, mereka itulah musuh (yang sebenarnya), maka waspadalah terhadap mereka, semoga Allah membinasakan mereka. Bagaimanakah mereka sampai dipalingkan (dari kebenaran)?

(Al Munafiqun: 4)

وَمِنَ النَّاسِ مَن يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَيُشْهِدُ اللَّهَ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ

Terjemahan: Dan di antara manusia ada orang yang ucapannya tentang kehidupan dunia menarik

hatimu, dan dipersaksikannya kepada Allah (atas kebenaran) isi hatinya, padahal ia adalah penentang yang paling keras.

(Al Baqarah: 204)

Justeru itu di Akhirat nanti Allah akan menimpakan pada munafik seksaan yang pedih. Firman-Nya:

بَشِّرِ ٱلْمُنَٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Terjemahan: Khabarkanlah pada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat seksaan yang pedih.

(An Nisa: 138)

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ
مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka, dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka.

(An Nisa: 145)

Demikian Allah hinakan orang-orang munafik, lebih hina dari orang kafir sendiri, iaitu orang yang tidak pemah mengucap dua kalimah syahadah, tidak percaya langsung di hati, dan juga beramal, adalah orang kafir, iaitu kafir jati. Di Akhirat kelak selama-lamanya dalam Neraka. Firman Allah:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahan:** **Sesungguhnya binatang-binatang (makhluk) yang paling buruk di sisi Allah ialah orang kafir kerana mereka itu tidak beriman.

(Al Anfal: 55)

Sekarang biar saya terangkan pula di manakah titik tolak atau garis sempadan yang menjadikan seseorang itu beriman atau tidak. Untuk itu kita ikuti apa yang diriwayatkan oleh Sayidina Umar Ibnu Khattab:

عن عمرالخطاب قال: بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُوْلِ
الله صلى الله عليه وسلم ذَاتَ يَوْمٍ اذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ
شَدِيْدُ بَيَاضِ الثِيَابِ شَدِيْدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لاَيُرَى
عَلَيْهِ أثَرُ السَّفَرِ وَلاَ يَعْرِفُهُ مِنَّا اَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ الَى
النَّبِيْ صلى الله عليه وسلم فَأسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إلى رُكْبَتَيْهِ
وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخذَيْهِ وَقَالَ: يَامُحَمَّدُ أخْبِرْنِي عَنِ
الاسْلاَمِ، فَقَالَ رَسُوْلُ الله صلى الله عليه وسلم: اَلاسْلاَمُ
اَنْ تَشْهَدَ اَنْ لاَ الهَ الاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُوْلُ الله،
وَتُقِيْمَ الصَّلاَةَ وَتُؤْتِيَ الزَكَاةَ وَتَصُوْمَ رَمْضَانَ وَتَحُجَّ
الْبَيْتَ انِ اسْتَطَعْتَ الَيْهِ سَبِيْلاً، قَالَ: صَدَقْتَ؛
فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْألُهُ وَيُصَدِّقُهُ، وَقَالَ: فَأخْبِرْنِي عَنِ
الايْمَانِ، قَالَ: أنْ تُؤْمِنَ بِالله وَمَلاَئكَتِه وَكُتُبِه وَرُسُلِه
وَالْيَوْمِ اْلآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِه وَشَرِّه، قَالَ:
صَدَقْتَ، قَالَ: فَأخْبِرْنِي عَنِ الإحْسَانِ، قَالَ: أنْ
تَعْبُدَ اللهَ كَأنَّكَ تَرَاهُ فَإنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإنَّهُ يَرَاكَ،
قَالَ: فَأخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: مَا الْمَسْؤُوْلُ عَنْهَا

بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا، قَالَ: أَنْ تَلِدَ الأَمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ، ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْنَا مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مَنِ السَّائِلُ؟ قُلْتُ اللهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ.

Terjemahan: Daripada Umar Al Khattab r.a. berkata: Pada suatu hari ketika kami duduk di samping Rasulullah SAW, tiba-tiba muncul seorang lelaki di hadapan kami yang pakaiannya terlalu putih dan rambutnya terlalu hitam, tidak terdapat padanya tanda-tanda orang yang bermusafir tetapi tidak seorang pun daripada kami mengenalinya. Dia mendekati Nabi SAW, dengan duduk menyandarkan lututnya bertemu dengan lutut Rasulullah dan kedua tapak tangannya diletakkan ke atas kedua peha Rasulullah. Dan dia terus bertanya: "Wahai Muhammad, khabarkan padaku mengenai Islam." Maka Rasulullah SAW bersabda, "Islam ialah kamu mengucapkan pengakuan (syahadah):

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ

dan kamu dirikan sembahyang, dan kamu keluarkan zakat dan kamu berpuasa (dalam bulan) Ramadhan dan menunaikan haji di Baitullah jika berkemampuan ke sana." 'Benarlah kamu," Kata-katanya itu menghairankan kami kerana dia yang bertanya dan dia juga yang membenarkannya.

Dan seterusnya dia bertanya lagi, "Khabarkan padaku mengenai iman." Rasulullah bersabda, "Bahawa kamu beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya, Hari

Akhirat dan ketentuan baik dan buruknya (qadha dan qadar) dari Allah." "Benar," dia mengakuinya dan bertanya lagi: "Khabarkan padaku apa itu ihsan?" Rasulullah berkata, "Ihsan ialah kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, jika tidak sesungguhnya Dia sentiasa memerhatikan kamu."

"Benar," jawab lelaki itu.

Tanyanya lagi, "Ceritakan padaku mengenai Hari Qiamat?" Rasulullah menjawab, "Orang yang ditanya mengenainya tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya." "Kalau begitu terangkan kepadaku tanda-tandanya." Baginda bersabda, "Ketika hamba-hamba melahirkan tuan-tuannya dan kamu dapat melihat mereka yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan melarat bagaikan pengembala kambing berlumba-lumba mendirikan bangunan (mewah)." Kemudian itu dia pun beredar dan kamipun terdiam tidak terkata apa-apa. Lalu baginda bersabda, "Apakah kamu kenal siapa yang bertanya itu?" Aku berkata: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Baginda menjelaskan, "Dialah Jibrail, yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu ***mengenai agama."***

(Riwayat Muslim)

Dari dialog yang berlaku kita difahamkan bahawa sempadan bagi Islam atau tidaknya seseorang adalah pada kalimah: الله رسول محمد الله ***Y I*** إله ***Y (Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah).***

Apabila seseorang mengucapkan kalimah ini, jadilah ia seorang Islam. Tetapi ia belum boleh dikatakan beriman, walaupun ia sembahyang, puasa, zakat dan haji. Ini diberitahu sendiri oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَٰكِن
قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ
وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَٰلِكُمْ شَيْـًٔا إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahan: Orang Arab Badwi itu berkata, "Kami telah beriman." Katakanlah (pada mereka), "Kamu belum beriman." Tetapi kamu katakanlah, "Kami telah tunduk (Islam)," kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu, dan jika kamu *taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Dia tidak akan mengurangi sedikit* pun *(pahala) amalanmu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Al Hujurat: 14;

Ayat ini Allah wahyukan kepada Rasulullah ketika beberapa orang Arab Badwi datang kepada Rasulullah dan mengatakan, "Kami telah beriman," hanya kerana telah mengucapkan لا إله إلا الله dan melakukan amalan-amalan yang diperintahkan. Dari ayat ini bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa:

1. Seseorang Islam belum tentu beriman, tetapi seseorang yang beriman sudah tentu Islam.
2. Islam boleh dikenali dengan amalan-amalan lahir, tetapi iman ialah amalan hati (batin).

Lanjutan dari ayat tadi, di surah Al Hujurat ayat 15 Allah menerangkan ciri-ciri iman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ

فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang sebenarnya beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar.

(Al Hujurat: 15)

Untuk menjadi orang yang beriman, ucapan itu mestilah dipelajari maksud dan tuntutannya, kemudian difahami, diyakini (tanpa ragu) dan dihayati untuk diamalkan.

Keraguan seseorang yang mengucapkan dua kalimah syahadah sama ada tentang maksud kalimah itu atau tentang lain-lain rukun iman boleh berlaku dengan empat bentuk:

1. *JAHIL* – Seseorang yang tidak tahu tentang satu atau banyak persoalan-persoalan iman.
2. SYAK – Keyakinan 50%, keraguan 50%.
3. DZAN – Keyakinan 75%, keraguan 25%.
4. ***WAHAM*** – Keyakinan 25%, keraguan 75%.

Apabila persoalan iman seseorang ada dicelahi oleh jahiI atau syak atau dzan atau waham, belumlah lagi ia dikatakan beriman. Sebaliknya, seseorang yang mengucapkan dua kalimah tauhid itu sebanyak 100% keyakinan, tanpa dicelahi oleh mana-mana satu dari empat, itulah dia orang yang beriman. Dan orang beginilah sahaja yang akan sanggup mengerjakan semua suruhan Allah dan meninggalkan semua larangan Allah.

Mengerjakan semua yang disuruh dan meninggalkan semua yang dilarang bukanlah satu sikap yang senang diperolehi. Ia hanya mungkin ada pada seseorang yang dua kalimah syahadatnya difahami dan diyakini sungguh-sung-

guh serta semua tuntutan-tuntutannya dihayati untuk dilaksanakan sepenuhnya. Di antara tuntutan-tuntutan dari kalimah syahadat itu ialah:

1. Mengabdikan din hanya pada Allah. Amalan-amalan dalam hidup sehari-hari kecil atau besar, penting atau tidak, semuanya dijadikan ibadah pada Allah dengan memenuhi lima syarat berikut:
   - i. Niat mesti betul (kerana Allah)
   - ii. Perlaksanaan mesti betul (mengikut syariat)
   - iii. Perkara yang dibuat sah menurut Islam
   - iv. Natijah betul (untuk Allah)
   - v. Tidak meninggalkan perkara asas seperti sembahyang, puasa dan lain-lain.
2. Tiada yang diredhai sebagai Tuhan melainkan Allah.
3. Tiada yang ditakuti melainkan Allah.
4. Tiada lain yang dicintai lebih dari menyintai Allah.
5. Tiada tempat menyerah diri melainkan pada Allah.

Apabila tuntutan-tuntutan ini ditunaikan dan dihayati sepenuhnya, barulah menjawab sabda Rasulullah SAW:

مَنْ قَالَ لاَ إِلٰهَ الاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

***Terjemahan:* Siapa yang mengucapkan لا إله ا لا الله masuk Syurga.**

Jaminan Syurga ini ialah apabila ucapan kalimah syahadah yang diucapkan diiringi oleh keyakinan yang waja, jiwa taqwa dan tindakan menunaikan semua tuntutan-tuntutan yang terdapat di dalamnya.

Dalam suatu Hadis, Rasulullah SAW bersabda dengan maksudnya:

Seseorang yang mengucapkan لا إله ا لا الله akan memberi banyak faedah pada orangramai kalau dia menunaikan haknya. Sahabat-sahabat bertanya,

"Apakah hak kalimah itu, ya Rasulullah?"Jawab baginda, "Menegakkan أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ*."*

Sesungguhnya kalimah syahadah yang menjadi syarat Islam dan imannya seseorang itu mengandungi erti dan maksud yang luas. Setinggi mana iman seseorang adalah bergantung pada setinggi mana keyakinan dan sebanyak mana tuntutan-tuntutannya ditunaikan. Kalau tinggi keyakinan dan banyak tuntutannya ditunaikan, maka tinggilah imannya. Sebaliknya kalau kurang keyakinan, sedikit pula ttmtutannya ditunaikan, maka rendahlah imannya.

3

Kepentingan Iman

SETELAH kita huraikan dengan panjang lebar tentang takrif atau defmisi iman, sekarang kita lihat pula apakah pentingnya iman itu pada kita, dan keburukannya pada seseorang' yang ketiadaan iman. Allah SWT berlirman:

قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ ٱسْمَ رَبِّهِۦ فَصَلَّىٰ ﴿١٥﴾

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾

***Terjemahan:** Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang membersihkan dirinya (dengan beriman). Dan dia ingat nama Tuhannya lalu dia sembahyang. Tetapi* kamu *(orang kafir) memilih kehidupan duniawi. Sedang kehidupan Akhirat Iebih baik dan lebih kekal.*

(Al A'laa: 14-17)

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا

***Terjemahan:** Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwanya.*

(Asy-Syams: 9)

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ

فَٰعِلُونَ ٤ وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٥ إِلَّا عَلَىٰٓ
أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ٦
فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ٧ وَٱلَّذِينَ هُمۡ
لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ٨ وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمۡ
يُحَافِظُونَ ٩ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡوَٰرِثُونَ ١٠ ٱلَّذِينَ
يَرِثُونَ ٱلۡفِرۡدَوۡسَ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ١١

Terjemahan: Sesungguhnya, beruntunglah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang yang khusyuk dalam sembahyang. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perkataan dan perbuatan) yang tidak berguna. Dan orang-orang yang menunaikan zakat. Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang mereka miliki maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Maka barangsiapa mencari lain dari itu, mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, yakni yang akan mewarisi Syurga Firdaus mereka kekal di dalamnya.

(Al Mukmin: I-11)

Dengan ayat-ayat di atas, Allah SWT sebenamya menjawab pertanyaan bagaimana cara mencari keuntungan atau kebahagiaan dalam hidup iaitu dengan beriman. Ertinya, iman ialah sumber kebahagiaan hidup yang sebenar. Tanpa

iman manusia tidak akan mengenal erti kebahagiaan yang sebenamya.

Manusia-manusia hari ini yang hidup berpandukan akal dan nafsu semata-mata, tidak mahu menerima hakikat bahawa imanlah satu-satunya jalan yang dapat membawa kebahagiaan hidup yang hakiki. Sebaliknya mereka telah membuat berbagai-bagai andaian dalam usaha mencari kebahagiaan hidup. Di antara pendapat-pendapat mereka ialah:

1. Kebahagiaan itu ada pada harta benda dan Wang ringgit. Sebab itu kita saksikan hari ini manusia berlumba-lumba meninggikan taraf ekonomi, menambahkan harta benda dan menimbunkan wang ringgit. Mereka semua impikan rum& besar, kereta menjalar, televisyen warna, kerusi empuk, pinggan mangkuk mewah, peti ais dan lain-lain peralatan yang mewah dan moden. Pada mereka itulah simbol kebahagiaan yang tidak boleh tiada.

2. Kebahagiaan itu ada pada pangkat darjat dan kemasyhuran. Sebab itu dapat kita saksikan hari ini manusia bertolak-tolak untuk naik dan untuk terkenal. Ada sahaja peluang untuk itu, pasti tidak dilepaskan walaupun terpaksa menipu, menindas, khianat, rasuah, merosakkan orang lain dan sebagainya. Yang penting dia mahu dikenali ramai dan disebut sebagai orang yang berjawatan.

3. Kebahagiaan itu ada pada ilmu pengetahuan yang tinggi. Sebab itu telah jadi satu tradisi manusia hari ini bahawa hidup adalah untuk mencari ilmu pengetahuan setinggi-tingginya. Siapa yang paling tinggi ilmunya kononnya dialah yang paling bahagia, sebaliknya siapa yang tiada ilmu itulah orang yang paling celaka. Kerana itu manusia telah berkorban sungguh-sungguh untuk ilmu; tenaga, masa, fikiran, Wang ringgit dan harta benda habis dibuang untuk tujuan itu. Matlamat mereka ialah membeli sijil, diploma atau ijazah

yang kononnya akan menjadi simbol kebahagiaan yang sangat diharap-harapkan.

Demikian tiga contoh yang menunjukkan bahawa manusia hari ini langsung tidak menerima hakikat bahawa imanlah punca kebahagiaan yang sejati. Saya katakan begitu kerana dalam kesungguhan mereka untuk membanyakkan harta atau meninggikan pangkat atau mencari ilmu tadi, mereka sampai mengabaikan perintah dan larangan Allah. Sembahyang yang menjadi tiang agama dan sumber iman itu, telah dilupakan oleh majoriti umat kini yang kebanyakannya sibuk mencari kebahagiaan hidup melalui cara di atas atau yang lainnya. Kalaupun ada yang masih sembahyang hanyalah kerana kebiasaan atau terpaksa, yang mana sembahyang itu tidak lagi berfungsi apa-apa kerana itu kehidupan cara Islam, mereka abaikan dan peraturan-peraturan Islam mereka ketepikan.

Benarkah kebahagiaan itu ada pada wang ringgit atau pangkat darjat atau ilmu pengetahuan? Dan salahkah pula firman Allah yang menjamin kebahagiaan itu ada pada mereka yang beriman?

Untuk menjawabnya, kita lihat sahaja pengalaman-pengalaman yang telah dan sedang berlaku. Di Amerika, negara yang penuh dengan orang-orang kaya, berpangkat dan bijak pandai, makin hari makin ramai yang bunuh diri. Lebih ramai orang masuk ke hospital sakit jiwa daripada yang masuk ke universiti dan kolej di sana. Kenapa? Kenapa orang bunuh diri dan sakit jiwa? Kerana tidak bahagia! Adakah mereka itu orang miskin, rendah dan bodoh? Tidak. Mereka adalah bintang-bintang filem dan penyanyi terkenal, professor, doktor, pegawai-pegawai kerajaan, mahasiswa-mahasiswi dan lain-lain yang semuanya kaya, terkenal dan bijak pandai. Kerana tidak dapat menjawab persoalan hidup yang mencekik, mereka terus merana hingga membawa kepada bunuh diri.

Di negara kita yang segala-galanya masih lemah kini, mungkin kurang sesuai untuk dijadikan bukti bahwa kekayaan, pangkat dan ihnu pengetahuan sebenamya bukan tempat letaknya kebahagiaan hidup. Cuma umat Islam di negara ini boleh dicontohkan sebagai orang-orang yang tertipu kerana kebanyakan kita berkiblat ke barat. Orang barat tidak sembahyang maka mereka pun tidak mahu sembahyang. Kerana kata mereka, “Tak sembahyang pun boleh kaya dan bahagia, buat apa sembahyang?”

Mereka masih menganggap orang-orang barat itu bahagia, sedangkan pada hakikatnya orang-orang barat sekarang sedang mencari ketenangan melalui yoga, hening cipta (meditation), kontrol jiwa dan menganut “agama tabi’i” (nature) iaitu dengan mengambil beberapa minit setiap hari untuk tafakur, mengenang kesalahan diri, menyesalinya serta cuba melupakan semua masalah hidup.

Dan yang anehnya, umat kita ini ada juga yang meniru cara-cara orang barat mencari ketenangan itu dan melupakan sembahyang yang Allah perintahkan, yang bertujuan memberi ketenangan abadi pada manusia.

Umat kita, kerana jahil tentang agama sendiri, turut mencebik mulut kalau kita katakan bahawa kebahagiaan itu terletak pada iman. Sungguh mereka tidak setuju. Kerana pada mereka, seseorang yang beriman bukanlah orang kaya, orang berpangkat atau orang bijak. Dan mereka katakan pula apabila orang itu beriman, tidaklah boleh dia menjadi kaya, berpangkat dan bijaksana. Kerana itu umat Islam kini cukup takut untuk beriman. Padahal Islam maha suci dari apa yang mereka sangkakan.

Allah SWT berfirman:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ

وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ

وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَٰلِكَ مَتَاعُ
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِندَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

Terjemahan: *Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emus dan perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (Syurga).*

(Ali Imran: 14)

Allah sendiri menganjurkan dalam firman-Nya:

Terjemahan: *Dan tuntutlah kurniaan Allah pada kamu untuk kebaikan Akhirat dan janganlah kamu lupa habuan kamu di dunia.*

(Al Qisas: 77)

Cukuplah ayat-ayat di atas membuktikan bahawa tidak ada pun dalam Islam suruhan mengenepikan kehidupan dan keperluan duniawi. Allah sendiri yang memasukkan dalam hati hamba-hamba-Nya keinginan kepada wang ringgit, pangkat darjat dan ilmu pengetahuan. Masakan pula Allah mahu menghalang semua keinginan-keinginan itu. Sebenarnya Allah cuma mengingatkan supaya keinginan-keinginan itu disalurkan pada landasan yang sesuai dan baik, sebagai-' mana yang telah diperintahkan. Dan Allah juga menegaskan bahawa tanpa iman, keinginan-keinginan itu tidak sedikit pun menjamin kebahagiaan hidup.

Sudah menjadi Sunnatullah bahwa kemiskinan itu walau diperangi mati-matian pun tidaklah akan lenyap dari dunia ini. Begitu juga dengan kebodohan, kelemahan, kesusahan, kerendahan dan apa sahaja kekurangan-kekurangan hidup pasti tidak dapat dihapuskan 100% dari muka bumi ini. Sebab itu Allah yang Maha Mengetahui lagi Pengasih Penyayang itu, tidak mensyaratkan kebahagiaan pada kesenangan dan kemewahan duniawi tetapi kebahagiaan adalah pada iman. Orang kaya atau miskin akan bahagia kalau beriman. Sebaliknya orang kaya pun tidak bahagia kalau tidak beriman, apalagi orang miskin. Demikianlah seterusnya.

Orang-orang yang beriman sentiasa tenang. Dia tidak susah kalau berharta, maknanya tidak takut harta itu akan habis atau hilang, tidak juga cemaskan harta itu kalau-kalau tidak bertambah, dan tidak kecewa kalau cita-cita tidak tercapai. Orang yang beriman, tidak juga susah kalau miskin. Dia berusaha dan berikhtiar juga untuk kaya, sebab inginkan kekayaan adalah fitrah, tetapi dia cukup yakin bahawa usaha dan ikhtiar tidak akan memberi bekas kalau tidak dengan izin Allah. Kerana itu dia boleh tenang. Tidak keluh-kesah dan memandang ringan akan ujian itu kerana dia yakin segala yang terjadi adalah pemberian Tuhan, dan tidak akan ada seorang manusia pun, malah seluruh kuasa dunia, yang boleh mengubahnya.

Tersebut suatu kisah, seorang wali Allah bertapa di dalam gua yang terletak berhampiran dengan suatu medan peperangan. Suatu hari, wali Allah itu keluar ke pintu gua dan didapatinya ada seorang manusia terbaring berlumuran darah, betul-betul di hadapan pintu guanya. Dari pakaian orang itu dapatlah si wali mengagak bahawa orang itu ialah askar, yang cedera parah dalam peperangan. Beliau lalu mengangkat pemuda itu masuk ke tempat tinggalnya dan dirawat semampunya. Dengan izin Allah pemuda itu akhimya sedar, sembuh dan sihat. Tinggallah mereka berdua dalam gua itu.

Suatu hari pemuda itu menghampiri si wali itu dan mengajukan soalan:

"Sekian lama saya saksikan bapa, hidup dalam gua yang sunyi ini, jauh dari keseronokan hidup manusia, terlalu miskin dan papa, tiada pula teman, tetapi pada wajah bapa ada ketenangan yang tidak pemah saya saksikan pada manusia-manusia lain. Apakah rahsia hidup bapa?"

Si wali mengangguk-angguk dan bangun dari duduknya sambil berkata, "Mari ikut bapa, kita cari jawapannya."

Mereka keluar dari gua dan berjalan menuju ke hutan belantara. Tiba di suatu kawasan, pemuda itu tiba-tiba memegang tangan orang tua itu dan menariknya sambil berkata, "Bapa, kita tinggalkan tempat ini. Saya dapati ada bekas tapak-tapak kaki harimau yang masih baru!" Pemuda itu cemas.

"Jangan takut nak! Mari ikut bapa," si wali tetap tenang.

"Tidak bapa, tidak!" Pemuda itu menarik tangan orang tua itu dan cepat-cepat mereka berjalan pulang. Di dalam gua orang tua itu berkata:

"Anak begitu takut pada harimau hanya kerana anak ternampak bekas tapak kakinya. Kenapa anak tidak mahu takut pada Allah hanya dengan melihat alam ini? Langit yang tinggi tanpa tiang, bumi yang luas dengan hutan belantara, laut dan sungai, siang dan malam, hujan dan panas dan semua isi bumi ini adalah tanda-tanda wujud dan kuasanya Allah SWT."

Pemuda tadi terpegun mendengamya dan tidak dapat berkata apa-apa. Orang tua itu pun menyambung bicaranya:

"Bapa tinggalkan dunia luar yang sibuk itu, hidup dalam gua ini dengan niat mahu mengisi sepenuh masa mengingati dan mengabdikan diri kepada Allah. Bapa mahu bersyukur sebanyak-banyaknya atas nikmat yang Allah kurniakan dan kalau boleh ingin membalas nikmat-nikmat itu dengan menghambakan diri sepenuhnya pada Allah. Ketenangan yang anak saksikan pada bapa ialah lambang kebahagiaan

yang bapa rasai kerana dapat berkorban untuk Allah yang Maha Pemurah dan Penyayang itu."

Pemuda itu akbimya tinggal menetap bersama orang tua itu, mencari kebahagiaan melalui hidup yang sederhana tetapi bererti.

Demikian satu contoh bahawa tanpa bantuan harta benda dan wang ringgit pun keimanan yang kuat itu sudah memberi kebahagiaan hidup pada manusia.

Satu contoh lain saya bawakan untuk membuktikan bahawa dengan iman manusia dapat menyelamatkan dirinya di dunia dan di Akhirat, seperti berikut:

Di antara orangramai yang sedang bertawaf mengelilingi kaabah, ada seorang perempuan yang kelihatannya tidak rehat-rehat langsung berjalan tawaf mengelilingi rumah suci itu. Jalannya tunduk dan perlahan, wajahnya tenang dan aman, mulumya tidak berhenti-henti menyebut Allah.

Ada seorang lelaki yang memerhatikan keadaan perempuan itu. Kerana kagum dengan sikapnya, lelaki itu pun memberanikan diri untuk bertanya, "Maafkan saya puan, kerana ingin bertanya sesuatu."

Kerana khusyuknya perempuan itu terperanjat dengan teguran itu dan berhenti memerhati orang yang bertanya itu.

"Apa sebabnya puan tidak letih-letih bertawaf? Puan juga khusyuk sekali. Wajah puan pula menggambarkan ketenangan yang luar biasa."

Kerana melihat kesungguhan orang itu bertanya, perempuan itu pun mendekatinya dan berkata:

"Saya sebenamya seorang yang malang. Saya ada suami dan empat orang anak. Tetapi semuanya telah tiada, dijemput Allah kembali pada-Nya. Peristiwa kematian itu berlaku di suatu hari raya korban, suami saya telah menyembelih kambing untuk korban. Perbuatan menyembelih itu diperhatikan oleh anak saya kedua, yang belum begitu cerdik.

"Satu hari, ketika bermain-main dengan adiknya, anak saya telah membaringkan adiknya itu dan disembelihnya se-

bagaimana ayahnya menyembelih kambing. Memancut-mancut darah adiknya, yang menjerit kesakitan. Dia jadi takut, lalu lari sekuat-kuat hati, meninggalkan adiknya yang hampir mati itu. Suami saya, dalam keadaan kelam-kabut itu mengejar anak yang lari, dengan harapan menyelamatkannya dari tersesat di padang pasir dan dimakan serigala. Lama dari kejadian itu suami dan anak itu tak pulang-pulang. Saya yakin kedua-duanya mati di padang pasir yang kering kontang itu. Namun saya tunggu juga. Berdoa semoga mereka pulang.

"Suatu hari, kerana kegelisahan dan kesedihan yang makin menjadi-jadi, saya biarkan anak kecil saya yang baru merangkak-rangkak bermain sendiri. Dia tiba-tiba mencapai bekas air panas yang menggelegak. Tertumpahlah air itu menyiram seluruh badannya. Menjerit melolonglah anak itu hingga akhimya mati. Saya hampir-hampir gila.

"Alangkah hebatnya ujian yang menimpa. Anak perempuan saya yang sudah berkahwin, pulang menziarahi adiknya yang mati. Kerana sedih dan terperanjat melihat badan adik yang masak oleh air panas, dia pengsan lalu mati.

"Alangkah sedihnya. Di mana lagi hati nak saya sandarkan? Ke mana hidup nak saya arahkan? Antara keinginan untuk mati dan hidup itu saya bawa hati ke sini, mempersembahkan pada Allah beban yang terlalu berat saya rasakan. Semoga Dia sudi meringankan. Dan sekarang saya tenang. Yang tinggal buat saya di dunia ini untuk dicintai dan dirindui hanyalah Allah. Akan saya habiskan masa yang masih tinggal untuk taat dan berbakti pada Allah semata-mata. Insya-Allah."

"Akuilah saudara bahawa ujian hidup berbagai bentuknya dan datang tanpa diundang. Kalau tiada iman, manusia pasti karam dan tenggelam serta mati lemas di dalamnya."

Perempuan itu kemudian pergi meneruskan ibadahnya, meninggalkan lelaki itu menyapu air mata kesedihan.

Satu contoh lagi saya bawakan untuk menunjukkan bahawa dengan iman banyak dari masalah hidup ini dapat diselesaikan. Seorang suami yang ingin melihat isteri-isterinya hidup dalam ketenangan telah memanggil isteri-isterinya itu mengelilinginya dan berkata:

"Usahlah kamu semua berlumba-lumba untuk mendapat kasih sayang aku. Kerana kalaupun aku mengasihi kamu, tidaklah dapat aku memberi apa-apa kepada kamu selain daripada apa yang diizinkan Allah padaku. Tapi berlumba-lumbalah kamu untuk mendapatkan kasih sayang Allah. Kerana apabila Allah mengasihimu, Dia akan menjadikan aku dan seluruh makhluk langit dan bumi turut mengasihi kamu. Dan waktu itu, bukan saja aku, tetapi 'dunia' ini ada dalam genggaman kamu."

Perempuan adalah manusia yang sangat halus perasaannya dan cukup sensitif. Maka perasaannya sangatlah mudah dimainkan dan mudah dirosakkan. Lebih-lebih lagilah kalau mereka dimadukan, akan mudahlah perasaan itu terhiris dan kesakitan. Penawar yang hanya mungkin dapat melegakan kesakitan ini ialah iman, yang terangkum dalam kata-kata si suami di atas. Dan kalau ubat itu tidak diperolehi, tidak akan ada satu doktor pun di dunia ini yang dapat menyelamatkan perempuan itu dari serangan penyakit jiwa yang dahsyat.

Dengan contoh-contoh di atas dan lain-lain cerita hidup manusia yang sering kita dengar, saya tegaskan sekali lagi bahawa imanlah satu-satunya kekuatan yang boleh menjamin bahagia hidup untuk manusia, di dunia dan Akhirat. Tanpa iman, wang yang banyak, pangkat yang tinggi dan ilmu yang luas tidak akan bererti apa-apa kepada manusia ketika ia berdepan dengan masalah-masalah hidup. Ia hanya menjadi kemudahan hidup tetapi bukan satu kebahagiaan. Dan tanpa iman orang-orang miskin dan hina akan menderita dua kali ganda dari sepatutnya. Tetapi dengan iman, kemiskinan dan kelemahan hidup masih dapat mendatangkan ketenangan, apalagilah kalau kaya dan berpangkat, akan

berganda-ganda ketenangan itu menyinar kehidupan manu- .
sia.

Mungkin ada orang berkata, orang yang beriman pun nampaknya selalu keluh-kesah dan hilang pertimbangan. Saya hanya dapat mengatakan mungkin iman itu belum cukup sempuma. Kita lihat sabda Rasulullah untuk mengukur sejauh mana iman dapat menyelamatkan kita:

1. Tiga macam sifat yang ada pada orang yang telah merasai kelazatan iman:
   - i. Tidak ada sesuatu yang lebih dicintainya dari Allah dan Rasul-Nya.
   - ii. Menyintai sesuatu hanya kerana Allah.
   - iii. Takut berbalik dari keimanannya seperti ia takut dimasukkan ke dalam api.

2. Tiga perkara yang dapat dirasai oleh orang yang merasa kelazatan iman:
   - i. Tidak membantah sesuatu yang benar.
   - ii. Tidak berdusta walau dalam kesulitan.
   - iii. Yakin bahawa apa yang berlaku adalah dari Allah dan tidak boleh dihindarkan.

Dengan enam sifat di atas, seorang manusia akan sentiasa senyum dalam kehidupannya Senyum, syukur, sabar dan redha ia waktu-waktu senang atau susah. Dia tidak akan takut, tidak dukacita, tidak gelisah, tidak bimbang, tidak kecewa dan tidak pemah tahu apa itu putus asa.

Apabila itu semua dimiliki, itulah dia kebahagiaan hidup yang sebenamya. Dan kalau itu semua tidak ada, tiadalah kebahagiaan dalam erti yang sebenar.

Seseorang yang tidak bahagia di dunia, jangan harap untuk bahagia di Akhirat. Tidak bahagianya ia di dunia adalah kerana ia tidak menempuh jalan-jalan yang akan membahagiakan dia di Akhirat. Sebaliknya seorang yang menempuh jalan-jalan kebahagiaan di dunia, akan sampai ke

Akhirat dengan selamat dan sempurna. Ia akan bahagia di dunia, apalagi di akhirat. Kita tatap sekarang ayat-ayat suci dari Allah yang menerangkan peri bahagianya orang beriman di Akhirat nanti dan betapa sengsaranya mereka yang tidak beriman.

يَٰعِبَادِ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمُ ٱلْيَوْمَ
وَلَآ أَنتُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٦٨﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا
وَكَانُوا۟ مُسْلِمِينَ ﴿٦٩﴾ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ أَنتُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ
تُحْبَرُونَ ﴿٧٠﴾ يُطَافُ عَلَيْهِم بِصِحَافٍ مِّن ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ ۖ
وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ وَأَنتُمْ فِيهَا
خَٰلِدُونَ ﴿٧١﴾ وَتِلْكَ ٱلْجَنَّةُ ٱلَّتِىٓ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ
تَعْمَلُونَ ﴿٧٢﴾ لَكُمْ فِيهَا فَٰكِهَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٣﴾
إِنَّ ٱلْمُجْرِمِينَ فِى عَذَابِ جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ﴿٧٤﴾ لَا يُفَتَّرُ عَنْهُمْ وَهُمْ
فِيهِ مُبْلِسُونَ ﴿٧٥﴾ وَمَا ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٧٦﴾
وَنَادَوْا۟ يَٰمَٰلِكُ لِيَقْضِ عَلَيْنَا رَبُّكَ ۖ قَالَ إِنَّكُم مَّٰكِثُونَ ﴿٧٧﴾ لَقَدْ
جِئْنَٰكُم بِٱلْحَقِّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَكُمْ لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٨﴾ أَمْ أَبْرَمُوٓا۟ أَمْرًا
فَإِنَّا مُبْرِمُونَ ﴿٧٩﴾ أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ
وَنَجْوَىٰهُم ۚ بَلَىٰ وَرُسُلُنَا لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ ﴿٨٠﴾

Terjemahan: Hai hamba-hamba-Ku, tiada kekhuatiran terhadapmu pada hari ini, dan tidak pula kamu bersedih hati. (Iaitu orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami) dan adalah mereka dahulu orang-orang yang menyerah diri. Masuklah kamu ke dalam Syurga, kamu dengan isteri-isteri kamu dengan digembirakan.

Diedarkan kepada mereka piring-piring dari emas, dan piala-piala (dari emas juga) dan di dalam Syurga itu terdapat segala apa yang diingini oleh hati dan sedap (dipandang) mata dan kamu kekal di dalamnya. Dan itulah Syurga yang diwariskan kepada kamu disebabkan amal-amal soleh yang dahulu kamu kerjakan. Di dalam Syurga itu ada buah-buahan yang banyak untukmu yang daripadanya kamu makan.

Sesungguhnya orang-orang yang berdosa, kekal di dalam azab Neraka Jahannam. Tidak diringankan azab itu dari mereka dan mereka di dalamnya berputus asa. Dan tidaklah Kami menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri. Mereka berseru, "Hai Malik, biarlah Tuhanmu membunuh saja kami." Dia menjawab, "Kamu akan tetap tinggal (di Neraka ini)." Sesungguhnya Kami telah benar-benar membaca kebenaran kepada kamu tetapi kebanyakan dari kamu benci pada kebenaran itu. Bahkan mereka telah menetapkan satu tipu daya (jahat), maka sesungguhnya Kami menetapkan pula. Apakah mereka mengira bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar) dan utusan-utusan (malaikat) Kami selalu mencatit di sisi mereka.

(Al Zukhruf: 68-80)

4

Peringkat-Peringkat Iman

FALSAFAH sekularisma yang diamalkan hari ini telah mengasingkan manusia kepada kelas-kelas tertentu mengikut pangkat darjat dan harta kekayaan. Siapa sahaja yang kaya dan tinggi pangkatnya. dianggap mulia dan terhormat serta layak diberi sanjungan. Sebaliknya pula siapa sahaja yang miskin dan rendah pangkatnya terus dianggap hina, tidak berguna dan patut diketepikan.

Inilah sistem yang sedang kita laksanakan dan jayakan bersama sekarang ini. Hasilnya, melalui pengalaman kita bersama juga, kita telah membuat kesimpulan bahawa meletakkan manusia sebagai hina atau mulia melalui miskin atau kayanya mereka adalah tidak patut, tidak adil dan tidak logik. Sebabnya:

1. Ia mewujudkan jurang yang memisahkan orang miskin dan tidak berpangkat dengan orang kaya dan berpangkat. Jurang ini juga membiakkan rasa tidak hormat-menghormati dan saling tidak percaya-mempercayai antara kedua-dua golongan. Maka hidup suburlah sifat hasad dengki dan dendam kesumat di dalam jiwa kedua pihak. Akibatnya, seperti-mana yang kita saksikan hari ini, masyarakat dipenuhi berbagai-bagai kes jenayah.

2. Apabila wang ringgit dan pangkat darjat yang diperlumbakan, maka budi luhur dan akhlak mulia akan diabaikan. Hasilnya kehidupan manusia menjadi liar dan kejam, seliar haiwan-haiwan yang tidak berakal.

3. Tamadun yang diasaskan hanya melalui Wang ringgit dan pangkat darjat hanya melahirkan manusia yang pasif, penakut dan panjang angan-angan. Bukan sahaja jiwa dan fikiran mereka tidak merdeka, malah mereka cukup lemah untuk mempertahankan kedaulatan prinsip dan budaya bangsa dan agama.

Apa kata Islam dalam menghadapi soal ini dan mampukah Islam menyelesaikan masalah yang disebutkan di atas?

Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya semulia-mulia manusia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu.

(Al Hujurat: 13)

Sabda Rasulullah SAW:

عن ابى ذر رضى الله عنه قال ، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال لَهُ: أُنْظُرْ فَإِنَّكَ لَسْتَ بِخَيْرٍ مِنْ أَحْمَرٍ وَلَا أَسْوَدٍ إِلَّا أَنْ تَفْضَلَهُ بِتَقْوَى

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah berkata kepada Abu Zar: Lihatlah, sesungguhnya engkau tidak dinilai kemulian kerana kulit merah dan tidak juga kerana hitam sebaliknya mulianya kamu dengan sebab taqwa.

(Riwayat: .Ahmad)

Sabda Rasulullah SAW lagi:

اَلْمُسْلِمُوْنَ أُخْوَةٌ لَا فَضْلَ لِأَحَدٍ عَلَى أَحَدٍ إِلَّا بِالتَّقْوَى

Terjemahan: Orang mukmin itu bersaudara tidak ada kelebihan seseorang dari seseorang yang lain melainkan taqwa.

(Riwayat: At Tabrani)

Sabdanya lagi:

كُلُّكُمْ لِآدَمَ، وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ، لاَ فَضْلَ لِعَرَبِيِّ عَلَى عَجَمِيِّ إلاَّ بِالتَّقْوَى

Terjemahan: Kamu semua dari keturunan Nabi Adam, dan Adam itu ciptaannya dari tanah, tiadalah lebihnya orang Arab dari orang 'ajam (selain Arab) kecuali dengan sifat taqwa.

Menurut Islam, mulia hinanya manusia itu dikelaskan menurut taraf iman masing-masing. Siapa yang tinggi imannya dialah yang termulia dalam pandangan Islam. Siapa yang rendah imannya maka rendahlah dia dalam pandangan Islam. Dan siapa yang tiada langsung imannya maka dia itulah sehina-hina manusia menurut Islam.

Pengelasan yang didasarkan atas darjat keimanan begini adalah cara pengelasan yang paling tepat dan adil. Banyak sebab mengapa saya berkata demikian. Di antaranya ialah:

1. Iman adalah musuh ketat nafsu dan syaitan. Kerana itu iman tidak mungkin bekerjasama dengan nafsu dan syaitan. Segala sifat-sifat mazmumah seperti dengki, dendam, pemarah dan lain-lain akan terhapus bila iman bertakhta di hati. Jadi apabila kemuliaan manusia disukat dengan ketinggian iman, bukan dengan pangkat dan harta, sekaligus penyakit dengki, dendam dan lain-lain itu tidak akan merebak lagi dalam masyarakat. Bila yang diperebutkan ialah iman, manusia tidak akan bercakaran lagi. Bila yang diperlumbakan ialah iman, manusia tidak akan berampokan lagi. Kes cakar dan rampok yang banyak berlaku sekarang adalah

berpunca dari dengki dan dendam kesumat yang dinyalakan: oleh syaitan, untuk membantu nafsu gila pangkat dan harta yang direbut dan diperlumbakan masyarakat kini.

2. Orang yang kuat imannya ialah orang yang baik akhlaknya. Apabila orang-orang begini diberi penghormatan sebagai orang yang termulia dalam masyarakat, secara tidak langsung ahli-ahli masyarakat seluruhnya akan terdidik untuk menerima dan mengamalkan kehidupan beragama dan berakhlak mulia.

3. Penyatuan umat dalarn erti yang sebenar ialah bersatunya mereka yang mempunyai fahaman, keyakinan dan cita-cita yang **sama** Bila Islam mengelaskan manusia menurut nilai iman, maknanya Islam mahu mengumpul dan menyatukan orang-orang yang beriman dalam satu kumpulan. Apabila ini terlaksana akan banyaklah kepentingan-kepentingan masyarakat Islam dapat ditegakkan.

Sememanglah, lain orang lain taraf imannya. Ertinya taraf iman seseorang tidak akan sama dengan taraf iman yang dicapai oleh seseorang yang lain. Kerana itu, Islam membezakan iman kepada lima peringkat. Seorang Islam tidak akan terkeluar dari salah satu dari lima ini:

1. **Iman Taqlid**
2. **Iman Ilmu**
3. **Iman Ayan**
4. **Iman Hak**
5. **Iman Hakikat**

Supaya senang untuk kita mengetahui di peringkat iman manakah kita berada, elok saya terangkan maksud dan sifat tiap-tiap jenis iman itu secara teori ilmiah menurut Islam.

1. IMAN TAQLID

Iman taqlid ialah iman ikut-ikut. Dengan istilah yang biasa, iman taqlid ialah iman pak turut. Maknanya orang yang memiliki iman taqlid, ialah orang yang beriman dengan semua rukun iman hanya secara menurut-nurut orang lain; apa orang kata, dia pun kata.

Pegangan Islamnya tidak kuat, prinsip Islamnya tidak kukuh. Dia tidak ada alasan yang kuat mengapa dia beriman. Kalau ditanya, "Apa bukti wujudnya Allah?" Dia hanya mampu menjawab, "Saya dengar orang semua kata ada, saya pun kata adalah!"

Begitu taraf keyakinan orang yang memiliki iman taqlid. Dia tidak ada hujah untuk membuktikan keyakinannya; tidak ada dalil untuk menerangkan apa yang diyakininya.

Siapa agaknya orang-orang yang memiliki iman taqlid ini? Kita mungkin mengagak segelintir orang-orang bodoh-dungu, yang tidak sekolah dan yang tidak ada kepentingan apa-apa dalam masyarakat. Bukan begitu! Yang sebenamya majoriti umat Islam hari ini, baik berpangkat atau tidak, miskin atau kaya, bodoh atau bijak, adalah orang-orang yang beriman taqlid. Sepertilab agama Islam yang mereka anut itu hanya kerana kebetulan dilahirkan oleh ibu bapa yang beragama Islam, maka iman itu juga hanya ada kerana terdorong dan terpaksa oleh kebiasaan dan keadaan sejak lahir. Contohnya, kita tanyalah mereka:

"Apa dalil Allah itu bersifat samak (mendengar)?"

"Apa dalil malaikat itu ada?"

"Apa dalil Muhammad itu Rasulullab?"

"Apa dalil Al Quran itu *kitabullah?"*

"Apa dalil qada dan qadar itu dari Allah?"

Mereka hanya akan memberi jawapan dalam bentuk senyuman. Kerana mereka sebenamya tidak tahu. Mereka tidak pemah memikir dan mempelajarinya! Kalau ada pun belajar, hanyalah sambil lewa, waktu terdesak dan tidaklah untuk dihayati. Masa, tenaga dan Wang ringgit mereka habis

diuntukkan pada mengkaji ilmu-ilmu lain sahaja. Mereka lebih tahu tentang anatomi seekor kuman yang amat seni, dari mengetahui tentang Allah yang Maha Besar. Mereka lebih mahir tentang bentuk bumi yang sulit dan rumit dari suasana Qiamat yang dahsyat. Mereka lebih yakin pada teori-teori sains dari janji-janji Allah yang termaktub dalam Al Quranul Karim.

Akibatnya, majoriti umat Islam hari ini tidak sayang pada Islam. Tidak cinta pada Allah dan tidak taat pada hukum-hukum-Nya. Malah secara membabi buta menentang dan memusuhi agama mereka sendiri.

Sifat orang-orang yang beriman taqlid terhadap agama Islam sepertilah sifat daun pisang kering yang bergerak mengihrt arah pergerakan angin. Kalau angin kuat ke utara, ke utaralah mereka, sebaliknya kalau angin mengarah ke selatan, ke selatanlah mereka. Kalau musim joget lambak, berjoget lambaklah mereka. Kalau musim maulud, bermaudlah mereka. Dan kalau musim dakwah, berdakwah pulalah mereka. Bukan mereka tidak tahu betapa Islam tidak suka pada sikap begitu, tetapi iman yang ada tidak mampu membendung keinginan nafsu liar itu. Mereka juga tidak sanggup berdepan dengan ujian hidup.

Patut sangatlah disedari bahawa kalau keadaan begini dibiarkan berkekalan, umat Islam akan jadi rendah dan hina di mata musuh. Jadi mudahlah untuk dibeli dan dijual, diperkotak-katikkan sebagai alat buat menjayakan sistem hidup dan ideologi mereka.

Mengikut *qaul yang* paling jelas, iman taqlid ini tidak sah. Tetapi ada satu *qaul* yang memberikan kelonggaran dengan mengatakan bagi seseorang yang sangat bodoh, yang kalau belajar pun memang tidak boleh dapat, maka munasabahlah ia beriman taqlid. Jadi dalam keadaan ini iman taqlid adalah sah. 'Tetapi bagi orang-orang yang pintar, cerdik dan mampu berfikir, hanya dia tidak belajar agama, maka beriman taqlid, tidaklah sah imannya. Maknanya Allah tidak iktiraf dia sebagai orang yang beriman.

Apabila iman tidak diterima, maka seluruh amalan-amalamrya juga tidak akan diterima. Sembahyang, puasa, zakat, haji, jihad, zikir, wirid dan ibadah-ibadah lain walau sebanyak dan sebesar mana pun, tidaklah akan dinilai oleh Allah. Kalaulah orang itu mati dalam keadaan taqlid, tidak pun berniat untuk menuntut ilmu, menambah iman, maka matilah ia sebagai mati orang kafir. Tempatnya dalam Neraka, kekal abadi selama-lamanya.

2. IMAN ILMU

Iman ilmu ialah iman yang berdasarkan ilmu. Ilmu di sini ialah ilmu keimanan yang ada digariskan dalam agama Islam. Ilmu-ilmu lain walau sebanyak mana pun tidaklah boleh menghasilkan iman ilmu. Jadi seseorang yang beriman ilmu ini ialah seseorang yang telah mempelajari secara rasmi tentang Allah, malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi, Hari Qiamat dan lain-lain yang diwajibkan mengimaninya. Apabila ilmunya itu difahami betul-betul dan diyakini sungguh-sungguh, jadilah ia seorang yang mencapai taraf iman ilmu.

Had paling minima yang patut dipelajari oleh seseorang bagi membolehkan ia berada di taraf iman ilmu ialah:

- 20 sifat yang wajib bagi Allah dengan dalil-dalil ***aqli*** (akal) dan ***naqli*** (Quran) secara ijmali (secara ringkas, tanpa kupasan yang terperinci).
- 20 sifat yang mustahil bagi Allah dengan dalil-dalil ***aqli*** dan ***naqli*** secara ijmali.
- 1 sifat yang harus bagi Allah dengan dalil-dali1 ***aqli*** dan ***naqfi*** secara ijmali.
- 4 sifat yang wajib bagi Rasul, 4 sifat yang mustahil bagi Rasul dan satu sifat yang harus bagi Rasul dengan dalil-dalil ***aqli*** dan ***naqli*** hanya secara ijmali.

Di dalam 50 sifat (41 sifat ketuhanan dan 9 sifat kerasulan) yang tersebut di ataslah tersimpulnya عقائد الايمان (kesimpulan iman). Kalimah لا إله الا الله محمد رسول الله yang menjadi syarat Islam dan imannya seseorang itu adalah didasarkan atas perkara-perkara penting yang disenaraikan di atas.

Di dalam dua kalimah syahadat itulah terdapat kesimpulan iman. Apabila seseorang mengucap kalimah itu dengan ilmu dan fahaman seperti yang dimaksudkan di atas, maka jadilah imannya sebagai iman ilmu.

Orang yang beriman ilmu, keyakinannya berasas dan kuat bertunjang pada fikirannya. Iktiqad orang iman ilmu disertai dalil yang kuat serta pegangan yang kukuh. Kerana itu mereka ini tidak mudah digoyang atau dihanyutkan oleh fahaman-fahaman lain. Mereka bukan sahaja tidak akan tunduk pada idea-idea yang anti-ketuhanan, tetapi juga mampu menentang idea-idea itu dengan hujah-hujah yang menjadi keyakinan mereka selama ini. Fikiran mereka tidak akan menerima sebarang keraguan dan was-was yang cuba ditimbulkan oleh mana-mana pihak pun. Mereka benar-benar berada dalam fikiran tauhid yang mantap dan unggul.

Siapakah orang-orang ini? Supaya adil, biar saya katakan bahawa mereka kebanyakannya terdiri dari pelajar-pelajar dan bekas-bekas peajar sekolah-sekolah yang member-i keutamaan pada ilmu agama dan ketuhanan. Sekolah-sekolah yang didirikan khusus untuk mendalami pengajian agama dan ketuhanan, yang bersumberkan Quran dan Sunnah. Hanya golongan itu yang dapat mendalami agama secara teratur dan lengkap. Itu pun tidak semua dari mereka yang boleh diterapkan keyakinan beragama itu. Ramai yang lalai lalu dihanyutkan oleh arus sekularisma yang kuat mencabar!

Barang siapa yang beriman ilmu, imannya hanya berada dalam fikiran, tidak dalam hatinya. Segala apa yang diyakini masih dalam bentuk pengetahuan, bukan dalam bentuk ke-

jiwaan. Dia masih dalam fikiran Islamiah, tidak dalam jiwa Islamiah. Dia belum betul-betul kenal Allah, baru setakat tahu adanya Allah (mengetahui dengan akal, mengenal dengan hati). Kerana itu dia tidak merasai adanya Allah dan tidak takut pada Allah. Hatinya tidak ada hubungan dengan Allah, tidak terpaut pada Allah, hatinya tidak merasai kebesaran Allah. Maka ia tidak kasih dan tidak rindu pada Allah. Kalau ada pun ingatamrya pada Allah, hanyalah sekali-sekala, di waktu-waktu dan dipaksa-paksa.

Pendek kata, mereka masih berani menderhakai Allah. Banyak suruhan Allah yang tidak dikerjakan di samping banyak larangan Allah yang dibuat. Mereka masih tergamak membuat dosa. Apakah mereka tidak sedar? Mereka sedar. Segala kederhakaan itu mereka lakukan dalam sedar. Mereka tahu mereka berdosa. Tetapi kenapa dibuat juga? Sebab kekuatan iman ilmu yang mereka miliki tidak mampu melawan nafsu dan syaitan yang merajai hati mereka. Iman yang ada tidak sekuat nafsu yang menggila. Kerana itu mereka selalu tersadai dalam kelemahan dan dosa.

Mari kita lihat beberapa bukti yang menunjukkan orang-orang yang beriman ilmu tidak mampu melawan nafsu:

1. Ahli-ahli agama bergelar mufti, kadhi, imam, tuan guru, ustaz, ustazah dan lain-lain kebanyakannya terlibat dalam riba. Kalaupun tidak mengasaskan sistem riba, tetapi mereka memberi bantuan moral dan material kepada sistem riba, yang diasaskan dan diperjuangkan oleh kapitalis. Ikutilah syarahan-syarahan mereka, pasti mereka mengutuk pemberi dan penerimaan riba tetapi dalam perlaksanaan hidup mereka, nama mereka turut tersenarai sebagai pemberi riba. Kenapa ini berlaku? Nafsu dan syaitan mengajak mereka mengaut keuntungan dan kemudahan duniawi yang terdapat dalam sistem riba. Walaupun mereka tahu pekerjaan itu salah, tetapi kekuatan tahu tentu tidak sehebat kekuatan mahu. Maka secara sedar mereka menderhaka pada Allah.

2. Golongan yang sama juga, yakni golongan yang mana pengajian tauhid mereka begitu tinggi. Kerana pengetahuan yang tinggi, mereka cukup berani mengkritik dasar dan sistem pelajaran sekular yang dilaksanakan di sekolah-sekolah dan di kolej-kolej serta universiti-universiti di dalam dan di luar negeri, kononnya tidak Islamik.

Akan tetapi ketika menghantar anak ke sekolah, mereka menghantarnya ke sekolah-sekolah yang kononnya mereka benci itu. Dari sekolah-sekolah rendah, hingga menengah terus ke universiti-universiti tempatan atau seberang laut, mereka berlumba-lumba bersama orang lain, membantu dan menjayakan sistem sekular. Anak mereka tidak diajar dengan Al Quran dan Hadis, tidak juga tentang iman dan Islam. Anak mereka turut terdidik dengan kehidupan materialistik dan akhlak liar. Bukan mereka tidak sedar tetapi mereka biarkan dan relakan. Maknanya mereka sengaja membelakangkan kehendak Islam. Sebabnya tidak lain, melainkan kerana nafsu dan syaitan yang inginkan kekayaan dan jawatan, sampai membelakangkan Islam. Akhimya terjebaklah mereka dalam kancah kesesatan dan kederhakaan pada Tuhan.

3. Golongan ahli agama juga, yang telah sampai ke taraf B.A., M.A., dan Ph.D., kerana cukup tahu selok-belok agama tetapi telah turut serta dalam kegiatan mendedahkan aurat dan pergaulan bebas yang menjadi-jadi dewasa ini. Mereka baca ayat Al Quran dan Hadis yang menyuruh tutup aurat. Mereka syarahkan aurat lelaki antara pusat dan lutut dan aurat perempuan seluruh tubuh badan. Tetapi anak isteri, mereka biarkan mengikut perkembangan fesyen. Mereka terima falsafah jahiliah yang memandang cantik dan sesuai pada pakaian yang tidak menutup aurat, yang setengahnya separuh bogel. Mereka ikut serta kegiatan "anti-sorok" yang dicanangkan oleh golongan anti, agama, yang mahu melihat perempuan sentiasa terdedah. Kenapa? Kerana nafsu mengajak begitu dan syaitan mendorong ke situ. Kekuatan iman

yang ada tidak mampu melawan kekuatan bisik-hasut oleh syaitan dan nafsu. Hasilnya menderhakalah mereka pada Tuhan. Berdosalah. Maka Nerakalab yang Allah balaskan.

Sebagai bukti yang lebih jelas biar saya dedahkan satu cerita benar yang sedang dan telah berlaku hari ini. Ketika berpeluang melawat ke salah sebuah negara Islam di Timur Tengah dahulu saya ditemui oleh pelajar-pelajar Malaysia di sana. Salah seorang dari mereka, iaitu pelajar jurusan syariat telah memberitahu saya bahawa seorang dari pensyarah beliau yang mengajar ilmu feqah dan bergelar professor adalah seorang yang tidak sembahyang.

Satu lagi sifat yang ada pada golongan iman ilmu ialah tidak sabar ketika berdepan dengan ujian. Tidak redha dengan ketentuan, ketika Allah uji dengan kesusahan dan kerumitan hidup, mereka cemas, gelisah, hilang pertimbangan dan bertindak di luar syariat. Sebaliknya ketika Allah uji dengan kesenangan dan keseronokan hidup, mereka lupa daratan, juga hilang pertimbangan serta mudah terjebak dalam tipuan nafsu dan syaitan.

Satu jalan yang boleh menyelamatkan orang-orang beriman ilmu dari seksa api neraka ialah dengan membanyakkan taubat, menyesal atas kelemahan serta mohon keampunan dan kasihan belas dari Allah SWT. Kalau Allah maafkan sebelum mati, insya-Allah terselamatlah ia dari api Neraka. Jika tidak, pasti berlakulah janji Allah yakni golongan iman ilmu dimasukkan ke dalam Neraka dulu sebelum ke Syurga.

Cukuplah tiga contoh terbesar buat panduan kita mengenali sifat iman ilmu. Dengan contoh itu saya bukan menuduh ahli-ahli agama kita semua beriman ilmu. Saya dan siapa sahaja tidak boleh tahu apakah taraf iman yang ada di hati orang lain. Cuma, contoh-contoh tadi menerangkan bahawa apabila seseorang yang ada pengetahuan agama, tetapi masih sengaja melanggar perintah Allah maka dia berada ditaraf iman ilmu. Dan kerana kebetulan keadaan begitu adalah pengalaman kita sendiri dan ada di hadapan mata

kita, tentu tidak salah saya menyebutkan di sini. Malah akan menjadi kesalahan dan kecuaian saya jika perkara sepenting 'ini tidak disebutkan di sini. Rasulullah SAW mengingatkan ini dengan sabda baginda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذٰلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

***Terjemahannya:** Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah menegahnya dengan tangannya. Sekiranya tidak berkuasa maka tegahlah dengan lidahnya. Jika kamu tidak* juga *berkuasa hendaklah menegah dengan hati. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman;*

(Riwayat: Muslim).,

Orang-orang yang mengetahui tentang agama, tahu tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim, sedar pula tentang akibat yang akan menimpa kalau tanggungjawab itu diabaikan tetapi terus berdiam diri, tidak bertindak melaksanakan tugas itu, akan sentiasa mendapat kemurkaan dari Allah.

Firman Allah:

***Terjemahan:** Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan* sesuatu *yang tidak kamu lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah bila kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan.*

(As Saf: 2-3)

Penyakit sosial yang dahsyat menimpa umat Islam hari ini sebahagian besarnya akibat kecuaian pendokong-pendokong agama menunaikan amanah yang dipikulkan padanya. Kerana golongan yang diharapkan mewarisi perjuangan Rasulullah telah tidak memperjuangkan apa yang diwarisinya itu, maka berlakulah apa yang Allah janjikan dan ini pemah disabdakan oleh Rasulullah sebagai menjawab soalan Zainab:

يَا رَسُوْلَ اللهِ أَنُهْلَكُ وَفِيْنَا الصَّالِحُوْنَ؟ قَال: نَعَمْ إِذَا كَثُرَ الْخُبْثُ

Terjemahan: Wahai Rasulullah, apakah kami akan dimusnahkan juga sedangkan bersama kami masih ada orang soleh (ulama)? Sabda Rasulullah: %a jika maksiat berluasa.

(Riwayat Muslim)

Orang-orang yang beriman ilmu peranannya dalam menegakkan agama belum boleh diharapkan. Imannya itu belum cukup kuat untuk ia betul-betul berani dan mampu menentang berbagai fahaman dan amalan anti-Tuhan yang telah berakar umbi dalam masyarakat kita.

Patut sangatlah kita ingati apa yang diingatkan oleh pengarang *"Matan* Zubad" dalam nazamnya yang berbunyi:

فَعَالِمٌ بِعِلْمِهِ لَمْ يَعْمَلَنْ ٧ مُعَذَّبٌ مِنْ قَبْلِ عُبَّادِ الْوَثَنِ

Terjemahannya: Orang yang alim tetapi tidak beramal dengan ilmunya akan diazab lebih dahulu dari penyembah berhala.

Rasulullah SAW telah bersabda:

يَكُوْنُ فِيْ آخِرِ الزَّمَانِ عُبَّادٌ جُهَّالٌ وَعُلَمَاءٌ فُسَّاقٌ

Terjemahan: Akan berlaku di atas kamu di akhir zaman ahli-ahli ibadahnya jahil dan alim ulama fasik.

Sabda Rasulullah lagi:

اِذَا زَلَّ الْعَالِمُ زَلَّ العَالَمُ

Terjemahan: Apabila tergelincir orang alim, tergelincirlah alam.

3. IMAN AYAN

Peringkat iman yang ketiga ialah iman ayan. Tarafhya lebih tinggi dari taraf iman ilmu. Maknanya orang yang beriman ilmu, kemudian rajin mengerjakan ibadah-ibadah yang boleh menambahkan iman, akan meningkatkan imannya kepada iman ayan. Perlu diambil ingatan bahawa seseorang yang beriman taqlid akan meningkat ke taraf iman ilmu dengan cara belajar menambah ilmu. Tetapl seseorang yang beriman ilmu akan meningkat ke taraf iman ayan dengan cara mengamalkan ilmu-ilmu yang telah diketahuinya dengan, faham dan khusyuk.

Kalau iman ilmu, keyakinan cuma bertempat di fikiran, maka iman ayan keyakinannya bertempat di hati. Melalui' belajar, iman akan meresap ke fikiran, melalui ibadah yang: khusyuk serta memikirkan kebesaran Allah, iman akar) meresap ke hati. Seseorang yang mencapai taraf iman ayan, keyakinannya pada Allah, malaikat dan lain-lain telah memenuhi ruang fikiran dan ruang hatinya. Dia bukan setakat tahu tetapi kenal betul dengan Allah, malaikat dan lain-lain. Dia bukan setakat sedar dengan akal adanya Allah tetapi merasai dengan hatinya akan wujudnya Allah. Kerana itu dia mempunyai hubungan hati dengan Allah, sentiasa mengingati Allah. Orang beginilah yang Allah maksudkan dalam firman-Nya:

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ
جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Terjemahan: Mereka yang sentiasa mengingati Allah dalam waktu berdiri, waktu duduk dan waktu berbaring dan mereka sentiasa memikirkan tentang kejadian langit. dan bumi, seraya mereka berkata, "Wahai Tuhan kami, tidak Engkau jadikan semua ini dengan sia-sia Maha Suci Engkau, jauhilah kami dari azab Neraka.

(Ali Imran: 191)

Setiap kali mereka merenung melihat alam yang luas, dengan segala bentuk dan rupa, mereka berfikir tentang Allah, pencipta yang menjadikan semua itu. Lalu terasalah oleh hati mereka Maha Bijak, Maha Kuasa dan Maha Gagahnya Allah. Terasa juga kejahilan, kelemahan dan kehinaan diri di bawah penglihatan Allah. Justeru itu berbisiklah hati, mengajak diri menyembah, menyerah dan mengabdikan diri pada Allah tanpa syak dan ragu lagi. Sebahagian dari sifat ini ada Allah rakamkan dalam Al Quranul Karim:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمۡ يَرۡتَابُواْ
وَجَٰهَدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۚ
أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang sebenarnya beriman ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjihad dengan harta dan diri mereka

pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar.

(Al Hujurat:15)

Selanjutnya Allah menerangkan sifat orang-orang mukmin itu dalam Surah Al Anfal:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا
تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Terjemahan: Hanya sanya orang mukmin yang sebenar itu, apabila disebut sahaja nama Allah, gementarlah hati-hati mereka dan apabila dibaca ayat-ayat** Quran, **bertambahlah keimanan mereka dan hanya kepada Tuhan mereka (Allah) sahajalah mereka menyerah diri.

(Al Anfal: 2)

Sikap tawakal atau penyerahan pada Allah hanya mungkin lahir di hati orang-orang yang betul-betul kenal, takut dan harap pada Allah. Perasaan-perasaan itulah yang mendorong ia agar benar-benar menjadi hamba dan rela diperhambakan oleh Allah. Semua perintah Allah, kecil atau besar dipatuhi penuh taat. Dan semua larangan Allah sesuai atau tidak dengan nafsunya ditinggalkan penuh rela. Ini juga ada termaktub dalam Al Quran:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ
بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin bila dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar menghukum dengan adil di antara mereka ia lah "Kami dengar dan patuh. Mzreka itulah orang-orang yang beruntung"

(*An* Nur: 51)

Rasa taat tanpa syarat yang begitu tidak mungkin ada kalau seseorang itu belum sampai ke peringkat iman ayan. Ia tidak boleh dibuat-buat atau dipaksa-paksa. Ia adalah pemberian Allah sebagai hasil dari ikhlas dan istiqamahnya ibadah seseorang.

Di peringkat iman ayan, tidaklah 24 jam seseorang itu mengingati Allah. Ada juga sewaktu-waktu mereka lalai dan terbuat dosa kecil. Tetapi, setiap kali berlaku demikian, mereka sangat menyesal. Timbul rasa malu dan takut diazab oleh Allah. Ini memaksa mereka bertaubat dengan sebenar-benamya, di samping berjanji sungguh-sungguh tidak akan mengulang perbuatan terkutuk itu. Rasulullah SAW menggambarkan sikap ini dengan sabdanya:

اَلْمُؤْمِنُ يَرَىذَنْبَهُ كَجَبَلٍ فَوْقَهُ يَخَافُ اَنْ يَقَعَ عَلَيْهِ

Terjemahan: Orang mukmin itu menganggap dosa yang dilakukannya bagaikan gunung yang besar hendak menimpa mereka.

Di dalam Al Quran, banyak Allah ceritakan tentang sifat orang-orang yang beriman ayan ini. Saya perturunkan sebahagian darinya, secara ringkas untuk mudah difahami:

1. Khusyuk dalam sembahyang.
2. Berpuasa.
3. Berzakat.
4. Menunaikan fardhu haji bila mampu.
5. Redha menerima ketentuan daripada Allah.
6. Sabar menanggung ujian daripada Allah.
7. Bersyukur ke atas nikmat daripada Allah.

8. Menjauhkan diri daripada maksiat seperti zina, minum arak, judi, membunuh, cakap kotor, mengumpat, mengeji, memfitnah, mengadu-domba dll.
9. Sentiasa bermujahadah, melawan nafsu dan membuang sifat-sifat mazmumah seperti ujub, riyak, sombong, hasad dengki, dendam dll.
10. Berakhlak mulia seperti pemurah, rendah diri, tolak ansur, lapang dada, pemaaf, sabar dll.
11. Tidak mahu bermewah-mewah, cukup dengan apa yang ada dan sederhana sekali dalam hidup.
12. Berkasih sayang sesama mukmin, tegas dan keras dengan orang kafir.
13. Tidak pemah berputus asa dalam menghadapi persoalan hidup.
14. Sentiasa membetulkan diri dan nasihat-menasihati dengan penuh bijaksana, musyahadah dan muruqabah.
15. Suka membuat kebajikan dan tolong-menolong sesama manusia terutama sanak saudara, kaum kerabat dan sahabat-sahabat.
16. Bersungguh-sungguh melaksanakan perintah Allah, sekalipun menyusahkan diri sendiri.
17. Bersungguh-sungguh meninggalkan larangan Allah, sekalipun sangat bertentangan dengan nafsu.
18. Menjadi pejuang dan berjihad sebagai kerja tetap untuk sepanjang hayat.

Semua sifat-sifat di atas, didorong oIeh adanya hubungan hati dengan Allah. Hati yang sentiasa mengenang Allah dalam rasa takut dan harap. Orang-orang yang mempunyai hati yang begini, makin hari makin bertambahlah kesedarannya tentang kehebatan, keagungan, kemurahan dan kasih sayang Allah. Sebab masa yang Allah anugerahkan padanya digunakan untuk berfikir, mencari dan mengenali Allah. Matanya digunakan untuk melihat ayat-ayat Allah. Mulutnya digunakan untuk menyebut Allah. Telinganya di-

gunakan untuk mendengar tentang Allah. Kaki dan tangan digunakan untuk berbakti kepada Allah. Pendek kata semua kuasa yang Allah berikan padanya digunakan hanya untuk dan kerana Allah.

Orang-orang yang beriman ayan sangat membenarkan janji Allah bahawa Hari Qiamat pasti tiba. Mereka menanti ketibaan hat-i yang sungguh bererti itu dengan debar dan bimbang, macamlah seorang calon peperiksaan menanti keluamya keputusan peperiksaan yang diambilnya. Mereka cemas memikirkan nasib diri, apakah Allah terima semua amalannya dengan baik atau sebaliknya. Seakan-akan tidak sabar mereka menunggu keputusan Allah untuk menempatkan mereka di Syurga atau Neraka. Mereka sangat takut pada Neraka, sebab itu setiap kali terpandang alam ciptaan Allah, ingatan terus pada Neraka lantas berdoa, "Lindungilah kami, ya Allah, dari seksa api Neraka."

Seterusnya orang-orang yang beriman ayan sentiasa merasa diawasi. Penglihatan Allah yang tajam terasa menembus hati mereka menyebabkan mereka cukup berhati-hati dalam setiap pekerjaan. Ketika bersuara sama ada di hati atau di mulut mereka sedar bahawa Allah turut mendengar suara itu. Kerana itu percakapan dan fikiran mereka cukup dikawal supaya terselamat dari kemurkaan Allah.

Ketika melihat mereka sedar bahawa Allah mengawasi gerak mata mereka. Kerana itulah mereka kawal mata agar terpelihara dari memandang perkara-perkara yang dilarang Allah. Ketika mendengar juga mereka yakin bahawa Allah menyaksikan apa yang mereka dengar, kerana itu mereka sentiasa mengelak dari mendengar perkara-perkara yang dibenci Allah. Begitu juga kalau berdepan dengan ujian-ujian hidup mereka sangat tenang dan mampu pula merasakan pemberian Allah itu sebagai tanda penghapusan dosa atau sebagai tanda kasih sayang Allah pada mereka. Kerana itu mereka redha.

Gambaran hati orang-orang yang beriman ayan ini kalau mahu dimisalkan bolehlah saya contohkan begini:

Seorang mm-id sekolah dijemput makan sehidangan dengan guru besar sekolahnya. Selalunya seorang murid sangat sayang, hormat, malu, patuh dan takut pada guru besar. Dengan perasaan-perasaan yang begitu, mm-id tadi akan jadi tidak tentu arah sepanjang majlis makan itu. Gerak-gerinya dijaga sungguh. Matanya pun jadi jinak. Suaranya tidak terkeluar. Makannya sedikit. Fikirannya hanya pada guru itulah. Rasa-rasa guru itu melihatnya, mengawasinya, dan mengetahui lahir batinnya. Dalam keadaan begitu, bolehkah murid itu membuat perkara-perkara yang tidak digemati oleh gurunya itu?

Orang-orang yang beriman ayan, kerana perasaan yang begitulah maka dia tidak langsung terlibat dalam dosa. Kalau ada pun, adalah kerana dosa kecil yang terlalu terbatas, kerana tidak sengaja atau di luar sedar.

Allah SWT kerana memuji golongan orang yang beriman ayan ini telah menamakan mereka dengan berbagai-bagai nama yang baik :

1. Orang-orang soleh (orang-orang baik).
2. Golongan *Abrar* (orang-orang berbakti).
3. Orang-orang Muflihuun (orang-orang yang mendapat kemenangan) .
4. Golongan *Al Faizuun* (golongan yang mendapat kemenangan).
5. *Ashabul Yamiin* (orang-orang yang akan menerima suratan amal dari sebelah kanan di Padang Mahsyar nanti).

Mereka yang beriman ayan tidak akan disentuh api Neraka. Mereka ialah ahli-ahli Syurga. Tetapi golongan ini tidaklah segera ke Syurga. Kerana di dunia ini mereka banyak membuat perkara-perkara harus, maka mereka terpaksa dihisab di Padang Mahsyar nanti. Oleh kerana lamanya dihisab maka lambatlah ke Syurga. Tetapi mereka tidak akan ke Neraka. Kalau kita bandingkan nasib orang-orang

beriman ayan di Akhirat nanti samalah dengan nasib orang-orang jawatan kecil di dunia ini. Yakni orang-orang "division 3" seperti pegawai, guru, kerani dan lain-lain yang setaraf. Mereka ini -selamat, terjamin tetapi tidaklah semewah orang-orang yang lebih atas.

Golongan beriman ayan adalah golongan yang sudah layak diberi mandat untuk membangunkan kehidupan beragama pada diri, keluarga dan masyarakat. Dengan keimanan mereka jadi berani, kuat dan adil. Mereka sanggup menjadi perintis jalan keagamaan dan mampu memecah tradisi jahiliah yang kuat mencengkam manusia sekeliling.

Mereka tidak takut pada ejekan, cemuhan, fitnah dan penghinaan. Merekalah pejuang-pejuang dan penegak kebenaran yang ikhlas dan bersungguh-sungguh. Keimanan yang ada benar-benar menjadi benteng yang kuat dan kukuh, yang bersedia menyelamatkan mereka dari serangan musuh lahir dan batin.

Justeru itu kalau kita mahu menegakkan Islam dalam masyarakat, tegakkanlah dulu iman ayan dalam tiap-tiap individu masyarakat. Bila iman tertanam kuat di hati, datanglah apa sahaja perintah syariat, pasti diterima dan dilaksanakan. Tetapi sebelum iman itu masuk ke hati, jangan mimpi nafsu dan syaitan akan membiarkan manusia tunduk pada syariat dan kebaikan. Imam Bukhari ada menyebut:

Surah yang pertama sekali diturunkan ialah Surah Mufassal, yang menceritakan** Syurga **dan Neraka. Kemudian apabila telah ramai orang memeluk Islam, barulah diturunkan ayat tentang halal dan haram. Kalaulah sekiranya pertama sekali diturunkan ayat "Jangan kamu minum arak!" tentu mereka akan mengatakan, "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan arak." Dan kalau diturunkan ayat "Kamu jangan berzina" tentu mereka berkata, "Kami tidak akan meninggalkan perzinaan."

Satu hakikat yang mesti kita akui, bahawa hari ini telah bangun orang-orang yang sedar peri pentingnya Islam itu

diamalkan dan diperjuangkan. Mereka ini majoritinya bukan terdidik dengan didikan dan ilmu agama. Keimanan mereka kalau kita kaji secara terperinci masih di peringkat taqlid. Tetapi kemahuan mereka besar, semangat mereka berkobar-kobar. Kerana itu suara mereka lantang dan gemanya tersebar luas. Kita bimbang kalau-kalau Islam yang ingin mereka tegakkan bukan dari dorongan iman. Dan kalau begitu, tidak akan ke manalah perjuangan itu.

Apa ertinya rumah besar didirikan di atas lumpur? Bukankah lagi besar rumah, lagi cepatlah tumbangnya? Orang iman ilmu pun belum boleh diharapkan. Mereka hanya pandai bercakap, berforum, berseminar dengan kertas kerja yang berbagai-bagai rupa, tetapi dalam praktik hidup mereka' masih cuai dengan syariat, penuh dengan mazmumah dan lain-lain penyakit yang dibenci Allah. Kerana itu menjadi tugas kita bersama untuk menyatukan tenaga-tenaga muda ini. Kita lagang sebagai sepatutnya. Kemudian kita arahkan ke satu arah yang menjadi impian kita bersama. Insya-Allah.

4. IMAN HAK

Martabat iman yang akan dicapai oleh seseorang sesudah iman ayan ialah iman hak. Dengan istilah yang lain iman hak disebut iman sebenar. Seseorang yang mencapai iman hak ialah seseorang yang dapat melihat Allah dengan mata hatinya dalam sebarang apa yang ia lihat. Ertinya, iman hak menjadikan seseorang itu segera teringat kepada Allah setiap kali ia memandang atau terpandangkan apa sahaja ciptaan Allah. Ingatan itu bukan dibuat-buat atau dipaksa-paksa atau difikir-fikirkan terlebih dahulu. Ia datang secara spontan (automatik) sekaligus bersama rasa takut, hebat, puja, sanjung dan kasihkan Allah.

Supaya senang difahami, cuba gambarkan keadaan jika secara tiba-tiba kita terjumpa dengan seekor harimau yang garang dan bengis. Apakah kita jadi takut, gerun, menggigil, lemah sendi anggota dan cabut lari? Ini terjadi secara auto-

matik. Ataukah perasaan-perasaan itu datang sesudah difikir-fikir dan ditenung-renung harimau itu? Bagi orang yang mengenali harimau, tentu tidak.

Maka begitulah orang-orang yang beriman hak berdepan dengan alam. Terpandang sahaja keindahan alam, hatinya terus terbang ke alam ghaib, terpaut pada Allah dan karam dalam ingatan itu hingga terlupa pada apa yang di depan matanya.

Orang beriman hak tidak terpesona langsung pada keindahan dan keseronokan duniawi. Cintanya penuh pada Allah dan pada kehidupan Akhirat. Rabiatul Adawiyah merakamkan rasa hatinya ke dalam sebuah sajak berikut:

Dua cinta dalam cintaku pada-Mu
cinta rasa dan cinta kepunyaan-Mu
adapun cinta rasa itu
tiada diingatanku selain dari-Mu
adapun cinta kepunyaan-Mu
tabir-Mu yang tersingkap menampakkan wajah-Mu
jadi bukanlah bagiku pujian itu
tapi segalanya adalah untuk-Mu.

Di satu ketika yang lain, wanita wali Allah ini berbisik lagi pada Allah, kekasihnya dengan maksud:

Aku menyembah bukan kerana takutkan Neraka-Mu
tidak juga kerana harapkan Syurga-Mu
tapi kerana kemuliaan dan cintaku pada-Mu.

Dengan hati yang begitu orang-orang yang beriman hak ini tidak langsung dapat dilalaikan oleh nafsu dan syaitan. Katakanlah dia terpandangkan perempuan cantik, segera dia teringatkan Allah. Dia memuji Allah atas kebijaksanaan dan kekuasaan-Nya mencipta sesuatu yang indah dan cantik. Dia terasa hina dan lemah diri sebagai hamba yang diciptakan Allah. Terasa takut dan gerun dengan Neraka Allah dan se-

luruh perasaannya tertumpu pada Allah. Perempuan yang dipandangnya tadi tidak pun mengganggu hatinya, malah sudah tiada dalam penglihatannya.

Bagi orang-orang golongan ini nafsu mereka sudah benar-benar ditundukkan dan syaitan tidak lagi berani menghampiri. Diriwayatkan bahawa apabila Sayidina Umar r.a. melintasi suatu jalan maka syaitan tidak lagi akan melintasi jalan itu kerana takutnya pada Sayidina Umar. Kerana itu, orang-orang yang beriman hak tidak akan sedikit pun berbuat dosa. Tidak juga mengambil perkara-perkara yang diharuskan, yang memungkinkan banyaknya hisab di Akhirat kelak. Pada mereka, orang-orang soleh yakni mereka yang beriman ayan masih dianggap sebagai orang-orang jahat. Ini dapat kita fahami dari kata-kata mereka yang menganggap bahawa kebaikan orang-orang soleh itu sebagai kejahatan bagi orang-orang muqarrobin.

Dan pada mereka, menjadi orang soleh itu adalah satu seksa. Kenapa tidak? Orang soleh akan menghadapi banyak hisab, kerana itu lambat ke Syurga. Lambat ke Syurga itulah satu seksa.

Di Akhirat nanti semua orang ingin sampai ke Syurga, kampung asal lahirnya ayah bonda kita Nabi Adam a.s dan isteri. Rindu dan inginnya melihat dan merasa kehidupan Syurga melonjak-lonjak dalam hati orang-orang yang tahu yang dia akan ke sana. Apa kata kalau dalam perjalanan itu kita diganggu, diperiksa, digelidah dan dilambat-lambatkan? Terseksanya jiwa! Sementelahan pula masa di Akhirat sangatlah panjang. Satu hari di sana sama dengan seribu tahun di sini. Katakanlah seseorang itu kena hisab selama satu hari, maknanya dia terpaksa tunggu 1000 tahun. Alangkah lamanya! Sedang dalam tempoh itu orang-orang yang sudah lepas dapat menikmati buah-buahan dan minuman Syurga. Sudah berehat dan tidur di sana. Sudah dapat bidadari dan sudah dapat melihat wajah Allah SWT. Mengenangkan itu semakin terseksalah orang yang sedang dihisab tadi.

Orang-orang yang mencapai iman hak digelar Allah sebagai ***muqarrobin*** yakni orang-orang yang hampir dirinya dengan Allah. Merekalah yang kita kenali sebagai wali Allah. Sifat yang istimewa yang ada pada mereka ialah seperti Allah firmankan:

أَلَآ إِنَّ أَوْلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak pernah merasa takut dan dukacita.

(Yunus: 62)

Ekoran dari sikap itu mereka akan bertindak sebagai seorang yang:

- Zahid
- Ikhlas
- Waraq
- Menunaikan semua perintah Allah
- Tidak takut dengan bala Allah dan tidak gembira dengan nikmat Allah
- Tidak makan dipuji dan tidak hina bila dicaci.

Pendek kata segala masalah yang menimpa walau apa pun bentuknya sama sahaja pada mereka. Ujian-ujian yang biasanya tidak tertanggung oleh orang-orang awam tidak pun menjejaskan hati mereka. Kerana itu segala kesedihan, kesempitan, kegelisahan dan kekecewaan yang sering dirasakan oleh manusia biasa tidak pernah sedikit pun menganggu jiwa mereka. Dalam apa sahaja suasana, mereka tenang, lapang, lega dan bahagia. Iman hak menjadikan mereka sentiasa berada dalam kebahagiaan. Kebahagiaan hati tentu sekali lebih baik dari kesenangan wang ringgit dan pangkat darjat. Dengan kebahagiaan itu orang-orang muqarrobin sebenamya telah memperolehi syurga di dunia lagi. Kerana itu bagi orang-orang ini, dunia hanyalah alat permainan yang menipu daya. Ini sesuai dengan firman Allah:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَـٰعُ ٱلْغُرُورِ

Terjemahan: Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah mata benda (kesenangan) yang menipu daya.

(Ali tmran: 185)

Sayidina Ali k.w. pernah ketika sendirian di masjid berbisik memberitahu hatinya dengan katanya:

"Wahai dunia, kalau engkau hendak menipu, janganlah tipu aku. Tipulah orang lain."

Hati orang-orang muqarrobin tidak langsung terpaut pada dunia. Pada mereka dunia ini tidak ada nilai apa-apa pun. Harta benda, Wang ringgit, pangkat darjat, dan keseronokan-keseronokan lainnya pada mereka seperti najis atau bangkai.

Oleh itu bukan saja mereka tidak rebutkan, ingin pun tidak. Jangan pula disalahfahamkan kenyataan ini. Saya tidak katakan orang yang benci pada najis atau bangkai itu tidak pemah menggunakannya. Najis atau bangkai itu tidak dibiarkan melekat atau mengotori diri mereka, sebab itu mereka buang, menjadikan baja atau beri pada orang-orang yang memerlukannya atau disimpan sahaja di tempat yang boleh mengelakkan bahaya.

Sayidina Umar, Sayidina Usman dan Sayidina Abdul Rahman bin Auf adalah hartawan-hartawan Quraisy. Nabi Muhammad SAW sendiri asalnya adalah juga berharta. Tetapi harta baginda itu habis dikorbankan untuk berdakwah. Sayidina Abu Bakar juga mengorbankan semua hartanya untuk jihad fisabilillah. Sayidina Umar pula menyerahkan separuh hartanya untuk peperangan menegakkan agama. Sayidina Usman pun turut mengorbankan beribu-ribu ekor untanya, juga untuk kepentingan agama.

Dapatkah pengorbanan-pengorbanan sebesar itu dilakukan oleh orang-orang yang lemah iman seperti kita? Untuk

keluarkan 10% dari Wang gaji bulanan pun sudah terseksa apalagi untuk korbankan 50% dari harta benda yang ada. Kita cintakan dunia sama seperti orang muqarrobin cintakan Akhirat. Sebab itu kita telah berkorban untuk dunia kita seperti mereka berkorban untuk Akhirat. Tetapi yang anehnya, mereka yang bencikan dunia telah dapat menawan tiga'suku keluasan dunia dengan segala isinya sedangkan kita yang begitu ingin memilikinya sering putih mata! Itulah Sunnatullah. Firman Allah:

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ
وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا
وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ
أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ
فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ
وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ

Terjemahan: Katakanlah, jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu miliki, perniagaan yang kamu takuti kerugiannya dan rumah-rumah yang kamu sayangi, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan (dari) berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan kepu'tusan-Nya. Dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.

(At Taubah: 24)

Lebih kurang 1400 tahun dulu umat Islam kebanyakannya berada di peringkat iman hak dan dipanggil muqarrobin. Dalam sejarahnya, mereka telah menguasai, menawan dan

memperalat segala isi dunia untuk berbakti kepada Allah. Dan mereka berjaya. Tiga suku dunia tunduk menyerah.

Faktor terpenting kenapa kejayaan begitu besar telah mereka perolehi ialah kerana kekuatan iman yang mereka miliki. Hati yang beriman, yang cinta pada Allah, rindu pada Syurga dan takutkan seksa Neraka itu telah mendorong mereka untuk melaksanakan segala titah perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kerana itu mereka telah dapat menegakkan sebuah sistem pemerintahan yang benar-benar aman, makmur lagi diredhai Allah.

Maka jika kita bercita-cita untuk mengulangi sejarah se-agung itu, langkah pertama yang perlu diambil ialah per-tingkatkan iman tiap-tiap individu masyarakat ke taraf yang setinggi mungkin. Apabila hati dipenuhi iman, jiwa akan merdeka (bebas dari kongkongan nafsu, hasutan syaitan, dan tarikan dunia) dan Allah juga kasih pada kita, maka tidak akan ada suatu kuasa lagi yang boleh menggagalkan kita. Baru waktu itu kita dapat merancang dan mentadbir masya-rakat sesuai seperti yang dikehendaki Allah. Dan dari situlah Islam baru dapat kita tegakkan secara ***syumul*** dan sempuma.

5. IMAN HAKIKAT

Peringkat iman yang tertinggi, yang termungkin dicapai oleh manusia ialah iman hakikat. Untuk mencapai peringkat ini manusia tentulah telah melalui taraf iman ilmu, iman ayan dan iman hak, dan akhir sekali barulah mencapai iman haki-kat: Inilah iman yang kemuncak, taraf iman yang paling tinggi dan paling sempuma. Inilah taraf iman yang dimiliki oleh rasul-rasul, nabi-nabi, khulafa' ur Rasyidin dan wali-wali besar, yakni para kekasih Allah. Dengan iman ini mere-ka akan Allah tempatkan di Syurga yang tertinggi tanpa melalui sebarang hisab atau perkiraan.

Dalam kehidupan sehari-hari, mereka yang beriman hakikat tenggelam dalam kerinduan, asyik dan mabuk de-ngan Allah. Dua puluh empat jam mereka isi sepenuhnya

mabuk dengan Allah. Hati yang penuh rindu dan cintakan Allah menjadikan mereka lupa pada diri yang lahir, lupa makan minum dan tidak pedulikan orang lain selain Allah. Kadang-kadang kerana tidak tahan menanggung rindu itu mereka sampai mati, maka bertemulah dengan Allah, kekasih yang dirinduinya itu.

Di Akhirat, Allah tempatkan mereka di Syurga tertinggi. Merekalah golongan super-scale Akhirat. Hidup dalam Syurga yang maha indah dan maha lazat. Allah kumiakan sebagai membalas cinta dan pengorbanan mereka yang sungguh besar.

5

Cara-Cara Mendapatkan Iman

SETELAH kita tahu tentang iman dan peringkat-peringkat-nya, tentu timbul di hati keinginan untuk menambah dan mempertingkatkan iman kita yang sedia ada. Harus disedari bahawa kita dan majoriti umat kita bukanlah orang soleh, jauh sekali bertaraf ***muqarrobin..*** Kita paling tinggi baru ber-ada di peringkat iman ilmu. Kita baru setakat tahu tentang Allah, tidak lagi kenal Allah. Kita sedar Allah itu ada tetapi belum cinta pada-Nya. Akibatnya kita masih derhaka; ba-nyak lagi suruhan-Nya yang kita ingkari, larangan-Nya yang kita langgar. Maka jadilah kita orang-orang yang berdosa. Dan kalau kita mati dalam keadaan begini, ada kemungkinan Allah masukkan ke Neraka dulu.

Mendengar Neraka, patutlah timbul ketakutan di hati kita. Masakan mahu dan sanggup kita diazab sedemikian pedih dan hina. Tentu tidak. Jadi eloklah kita berazam kuat dari sekarang untuk sama-sama menyelamatkan diri dan keluarga kita dari api Neraka. Allah pun telah menyarankan ini dengan firman-Nya:

Terjemahan: Peliharalah dirimu dan keluargamu dari seksa api Neraka.

(At Tahrim: 6)

Faktor utama dan penting yang patut disediakan ialah kesedaran, kemahuan dan kesungguhan kita buat mencapainya. Tanpa faktor-faktor ini, syarahan dan ilmu sebanyak mana pun tidak akan mampu mengubah kita. Allah memberi amaran tentang ini dengan firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang terdapat pada sesuatu kaum sehinggalah mereka sendiri yang mengubah apa yang ada dalam diri (hati) mereka.

(Ar Ra'du: 11)

Sikap kita hari ini kalau tidak diubah adalah membahayakan. Kita hanya bersungguh-sungguh untuk mendapatkan Wang, harta, pangkat dan seumpamanya, yang belum tentu kita perolehi, dan kalaupun dapat belum tentu pula ianya akan membahagiakan kita. Dan dalam kesibukan itu, kita sampai terlupa untuk mencari iman, sesuatu yang sudah pasti akan menyelamatkan kita di dunia dan di Akhirat.

Kenapa kita tidak bersungguh-sungguh berusaha untuk mendapatkan iman? Apakah yang menghalang kita dari berbuat begitu? Apakah kerana kita kurang yakin bahawa dengan iman sahajalah kita dapat melepaskan dir-i dari kebencian Allah dan seksaan-Nya di Akhirat nanti? Ataukah kerana kita tidak begitu yakin tentang adanya Hari Pengadilan di Padang Mahsyar nanti? Kalau begitu, lebih dahsyatlah iman kita. Bukan lagi iman ilmu, tetapi iman orang kafir.

Firman Allah S.W.T:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ
قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya, jika kamu (Muhammad) tanyakan kepada mereka (orang kafir). siapakah yang mencipta langit dan bumi? Tentu mereka akan menjawab, "Allah." Katakanlah, "Segala puji bagi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

(Luqman: 25)

Firman Allah lagi:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ ٱلْعَزِيزُ ٱلْعَلِيمُ

Terjemahan: Dan jika kamu tanyakan kepada mereka, "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Nescaya mereka akan menjawab, "Semuanya diciptakan oleh yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

(Az Zukhruf: 9)

قُلْ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ
وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا يُجَارُ عَلَيْهِ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٨﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ قُلْ فَأَنَّىٰ تُسْحَرُونَ ﴿٨٩﴾

Terjemahan: Katakanlah (kepada orang kafir), "Siapakah yang di tangan-Nya berada kekuasaan atas segala sesuatu sedang Dia melindungi. Tetapi tidak ada yang dapat dilindungi dari azab-Nya jika kamu mengetahui." Mereka akan menjawab "Allah." Katakanlah , "(kalau demikian) maka dari jalan manakah kamu ditipu."

(Al Mukminun: 88 & 89)

***Terjemahan:** Dan sesungguhnya, jika kamu (Muhammad) tanyakan kepada mereka (orang kafir), siapakah yang mencipta langit dan bumi? Tentu mereka akan menjawab, "Allah." Katakanlah, "Segala puji bagi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."*

(Luqman: 25)

Firman Allah lagi:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ ٱلْعَزِيزُ ٱلْعَلِيمُ

***Terjemahan:** Dan jika kamu tanyakan kepada mereka, "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Nescaya mereka akan menjawab, "Semuanya diciptakan oleh yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.*

(Az Zukhruf: 9)

***Terjemahan:** Katakanlah (kepada orang kafir), "Siapakah yang di tangan-Nya berada kekuasaan atas segala sesuatu sedang Dia melindungi. Tetapi' tidak ada yang dapat dilindungi dari azab-Nya jika kamu mengetahui." Mereka akan menjawab "Allah." Katakanlah , "(kalau demikian) maka dari jalan manakah kamu ditipu."*

(Al Mukminun: 88 & 89)

Janganlah hendaknya kita biarkan fikiran kita ditipu selama-lamanya. Sedar dan yakinlah bahawa kian hari kita kian dekat pada Hari Qiamat sepertimana kian hari kita kian jauh dari dunia ini. Dan bagi sesiapa saja yang cerdik dan waras, dia akan sentiasa takut dan berdebar-debar menanti tibanya hari yang sangat dahsyat itu. Rasulullah telah memberitahu kita dalam sabda baginda:

أَكْيَسُ النَّاسِ اَكْثَرُهُمْ ذِكْرًا لِلْمَوْتِ وَاَشَدُّهُمْ اسْتِعْدَادًا لَهُ

Terjemahan: Orang yang paling cerdik ialah orang yang banyak mengingati mati dan terlalu membuat persiapan untuknya.

Orang yang paling cerdik ialah orang yang tidak akan melepaskan peluang untuk merebut sebanyak-banyak kebaikan yang terdaya, sementara ia masih diizinkan untuk terus hidup di atas dunia ini. Kelapangannya, kesihatannya, masanya, kekayaan dan hidupnya ini, dijadikan modal yang sebaik-baiknya untuk dia berusaha keras, menempah keuntungan hidup di Akhirat. Kalau begitu barulah sesuai dengan kehendak Rasulullah sepertimana sabda baginda:

اِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ، حَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سُقْمِكَ ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ ، وَشَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ.

Terjemahan: Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara; hidup sebelum mati, sihat sebelum sakit, lapang sebelum sempit, muda sebelum ***tua dan kuya sebelum papa.***

(Al Baihaqi)

Demi kebahagiaan hidup di dunia dan di Akhirat, marilah kita korbankan segala nikmat yang Allah berikan untuk berbakti kepada-Nya, untuk nanti Allah gantikan pula dengan nikmat yang berganda-ganda lazatnya.

Dengan saranan itu, baru sekarang saya akan senaraikan apa-apakah caranya untuk menambah dan meningkatkan keimanan kita. Sebenarnya, jalan-jalan untuk mendapatkan iman sangat banyak, iaitu setiap sesuatu yang diperintahkan oleh syariat.

Ada yang berbentuk fardhu ain, fardhu kifayah, sunat muakkad, sunat ghairi-muakkad dan semua perkara-perkara yang harus kalau dilakukan dengan memenuhi lima syarat yang telah saya senaraikan sebelum ini. Rasulullah SAW meringkaskan huraian tentang bagaimana mendapatkan iman dengan sabda baginda:

اَلاِيْمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُوْنَ شُعْبَةً فَاَفْضَلُهَا قَوْلُ لاَ اِلَـهَ
اِلاَّ اللهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الاَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ

***Terjemahan:** Iman itu lebih tujuh puluh cabangnya. Yang setinggi-tingginya ialah mengucapkan "Lailahaillallah" dan yang serendah-rendahnya ialah membuang bahaya di jalan.*

(Muslim.)

Maknanya, apa sahaja yang Allah perintahkan, tujuannya semata-mata untuk mendapatkan iman. Supaya difahami, biar saya berikan beberapa contoh secara terperinci bagaimana iman itu boleh didapati. Di sini dibentangkan jalan-jalan yang boleh kita lalui.

1. MELAWAN HAWA NAFSU

Allah SWT telah berfirman:

وَالَّذِينَ جَٰهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ
وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Orang-orang yang bermujahadah pada jalan Kami, Kami tunjukkan jalan Kami. Sesungguhnya Allah bersama dengan orang yang baik.

(Al Ankabut: 69)

Dan dalam ayat yang lain:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾
وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

Terjemahan: Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu *(jalan kefasikan dan ketaqwaan). Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang mensucikan jiwa (nafsu) nya itu. Dan sesungguhnya merugi (celaka) lah orang yang mengotorinya.*

(Asy Syams: 8 - IO)

Untuk mendapatkan iman, Allah memerintahkan kita melawan nafsu. Kerana nafsu yang bersarang di hati itu sentiasa mengajak kita supaya menderhakai Allah. Firman-Nya:

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوٓءِ

Terjemahan: Sesungguhnya nafsu (amarah) itu sangat menyuruh yang jahat.

(Yusuf: 53)

Dalam usaha melawan nafsu itu kita dikehendaki menempuh tiga peringkat:

1. Takhalli (mengosongkan atau membuangkan atau menyuucikan)
2. Tahalli (mengisi atau menghiasi)
3. Tajalli (terasa kebesaran dan kehebatan Allah).

i. Takhalli

Di peringkat takhalli kita mesti melawan dan membuang terus semua kehendak-kehendak nafsu yang rendah dan dilarang Allah. Selagi kita tidak mahu membenci, memusuhi dan membuangnya jauh-jauh dari diri kita, maka nafsu itu akan sentiasa menguasai dan memperhambakan kita. Bersabda Rasulullah SAW:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemahan: Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang terletak di antara dua lambung engkau.

(Al Baihaqi)

Kerana kejahatannya itu, telah ramai manusia yang ditipu dan diperdayakan untuk tunduk, bertuhankan hawa nafsu. Ini ada diceritakan oleh Allah dengan firman-Nya :

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ

Terjemahan: Apakah tidak engkau perhatikan orang-orang yang mengambil hawa nafsu menjadi Tuhan, lalu dia disesatkan Allah.

(Al Jaasiyah: 23)

Apabila nafsu dibiarkan menguasai hati, iman akan tidak ada tempatnya. Bila iman tidak ada, manusia bukan lagi menyembah Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya, tetapi menyembah hawa nafsu. Oleh itu usaha melawan hawa nafsu janganlah dianggap ringan. Ia adalah satu jihad yang be-

sar. Ingatlah sabda Rasulullah SAW pada Sahabat-Sahabat ketika baginda berangkat pulang dari satu medan peperangan:

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الْاَصْغَرِ إِلَى الْجِهَادِ الْاَكْبَرِ قَالُوْا وَمَا الْجِهَادُ الْاَكْبَرُ؟ قَالَ جِهَادُ الْقَلْبِ اَوْجِهَادُ النَّفْسِ

Terjemahan: ***Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil untuk memasuki peperangan yang besar. Bila Sahabat-Sahabat bertanya, "Peperangan apakah itu?" Baginda berkata, "Peperangan melawan hawa nafsu."***

(Al Baihaqi)

Melawan hawa nafsu sangatlah susah. Barangkah kalau nafsu itu ada di luar jasad kita dan boleh pula dipegang senanglah kita picit dan membunuhnya sampai mati. Tetapi nafsu kita itu ada dalam diri kita, mengalir bersama aliran darah, menguasai seluruh tubuh kita. Kerana itu tanpa kesedaran dan kemahuan yang sungguh-sungguh, kita pasti dikalahkan untuk diperalatkan semahu-mahunya.

Untuk lebih jelas, biar saya senaraikan peringkat-peringkat nafsu manusia. Sepertimana iman itu sendiri berperingkat-peringkat. Seseorang yang dapat mengalahkan nafsunya akan meningkat. ke taraf nafsu yang lebih baik. Begitulah seterusnya, hingga nafsu manusia itu benar-benar dapat ditundukkan pada perintah Allah.

Berikut ialah peringkat-peringkat nafsu itu, saya senaraikan dari peringkat yang serendah-rendahnya iaitu:

1. Nafsu Amarah
2. Nafsu Lauwamah
3. Nafsu Mulhamah
4. Nafsu Mutmainnah
5. Nafsu Radhiah
6. Nafsu Mardhiah
7. Nafsu Kamilah

sar. Ingatlah sabda Rasulullah SAW pada Sahabat-Sahabat ketika baginda berangkat pulang dari satu medan peperangan:

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الْأَصْغَرِ إِلَى الْجِهَادِ الْأَكْبَرِ قَالُوْا وَمَا الْجِهَادُ الْأَكْبَرُ؟ قَالَ جِهَادُ الْقَلْبِ أَوْجِهَادُ النَّفْسِ

Terjemahan: Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil untuk memasuki peperangan yang besar. Bila Sahabat-Sahabat bertanya, "Peperangan apakah itu?" Baginda berkata, "Peperangan melawan hawa nafsu."

(Al Baihaqi)

Melawan hawa nafsu sangatlah susah. Barangkali kalau nafsu itu ada di luar jasad kita dan boleh pula dipegang senanglah kita picit dan membunuhnya sampai mati. Tetapi nafsu kita itu ada dalam diri kita, mengalir bersama aliran darah, menguasai seluruh tubuh kita. Kerana itu tanpa kesedaran dan kemahuan yang sungguh-sungguh, kita pasti dikalahkan untuk diperalatkan semahu-mahunya.

Untuk lebih jelas, biar saya senaraikan peringkat-peringkat nafsu manusia. Sepertimana iman itu sendiri berpering kat-peringkat. Seseorang yang dapat mengalahkan nafsunyq akan meningkat ke taraf nafsu yang lebih baik. Begitulah seterusnya, hingga nafsu manusia itu benar-benar dapat ditundukkan pada perintah Allah.

Berikut ialah peringkat-peringkat nafsu itu, saya senaraikan dari peringkat yang serendah-rendahnya iaitu:

1. Nafsu Amarah
2. Nafsu Lauwamah
3. Nafsu Mulhamah
4. Nafsu Mutmainnah
5. Nafsu Radhiah
6. Nafsu Mardhiah
7. Nafsu Kamilah

Sifat-sifat ini melekat di hati sepertilah daki melekat di badan. Kalau kita malas menggosok, akan bcrtambah mcnc-bal dan kuatlah ia bertapak. Sebaliknya kalau kit/a rajin meneliti dan menggosoknya maka akan bersihlah hati dan sucilah jiwa.

Bagaimanapun membuang sifat mazmumah dari hati tidaklah sesenang membuang daki di badan. Ia memerlukan latihan jiwa yang sungguh-sungguh, didikan yang berterusan dan tunjuk ajar yang berkesan dari guru yang mursyid yakni guru yang dapat membaca dan menyelami hati muridnya hingga ia tahu apakah kekurangan dan kelebihan murid itu. Malangnya di akhir zaman ini, kita kctiadaan guru yang mursyid. Ini dinyatakan sendiri oleh baginda Rasulullah, di akhir zaman hanya ada mubaligh, tetapi tiada guru yang mursyid.

Nasib kita hari ini umpama nasib anak ayam yang kehi-langan ibu. Tiada yang akan memandu kita melalui jalan kebaikan yang ingin kita tempuhi. Meraba-rabalah kita. Tetapi bagi orang yang mempunyai keazaman yang kuat, untuk membersihkan jiwanya, ia tidak akan kecewa hanya kerana tiada orang yang boleh mendidik dan memimpinnya. Ia akan sanggup berusaha sendiri demi kesempurnaan diri dan hidupnya sendiri pula. Katakanlah ia sedar bahawa padanya ada sifat bakhil. Dan dia tahu pula bahawa Allah tidak suka pada seorang yang bakhil. Kerana itu ia berazam untuk mengikis sifat yang terkutuk itu. Caranya; ia akan cuba membiasakan dan membanyakkan derma, sedekah, hadiah dan lain-lain amalan yang berupa pemberian haknya kepada orang lain.

Saya petik beberapa ayat Quran dan Hadis untuk me-nunjukkan Allah dan Rasul-Nya sangat menganjurkan sifat pemurah itu.

Kita yang beriman ilmu ini baru berada di taraf nafsu yang kedua iaitu nafsu lauwamah. Kita mesti berjuang melawan nafsu itu hingga dia mahu tunduk sepenuhnya pada perintah Allah, iaitu paling minima nafsu mutmainnah yang ada pada seseorang yang memiliki iman ayan. Di peringkat inilah sahaja kita akan dapat menyelamatkan diri daripada seksa Neraka. Ini dinyatakan sendiri oleh Allah SWT dengan' firman-Nya:

***Terjemahan:** Hai jiwa yang tenang (nafsu mutmainnah), kembalilah pada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku. Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku.*

(Al Fajr: 27 - 30)

Nafsu jahat dapat dikenali melalui sifat keji dan kotor yang ada pada manusia. Dalam ilmu tasawuf, nafsu jahat dan liar itu dikatakan sifat mazmumah.

Di antara sifat-sifat mazmumah ialah:

1. Sumaah
2. Riyak
3. Ujub
4. Takabur
5. Sombong
6. Hasad dengki
7. Marah
8. Dendam
9. Bakhil
10. Penakut
11. Cinta dunia
12. Gila pangkat
13. Gila harta
14. Banyak cakap
15. Banyak makan
16. Mengumpat

Sifat-sifat ini melekat di hati scpertilah daki melekat di badan. Kalau kita malas menggosok, akan bertambah mcnebal dan kuatlah ia bertapak. Sebaliknya kalau kita rajin meneliti dan menggosoknya maka akan bersihlah hati dan sucilah jiwa.

Bagaimanapun membuang sifat mazmumah dari hati, tidaklah sesenang membuang daki di badan. Ia memcrlukan latihan jiwa yang sungguh-sungguh, didikan yang berterusan dan tunjuk ajar yang berkesan dari guru yang mursyid yakni guru yang dapat membaca dan menyelami hati muridnya hingga ia tahu apakah kekurangan dan kelebihan murid itu. Malangnya di akhir zaman ini, kita ketiadaan guru yang mursyid. Ini dinyatakan sendiri oleh baginda Rasulullah, di akhir zaman hanya ada mubaligh, tetapi **tiada** guru yang mursyid.

Nasib kita hari ini umpama nasib anak ayam yang kehilangan ibu. Tiada yang akan memandu kita melalui jalan kebaikan yang ingin kita tempuhi. Meraba-rabalah kita. Tetapi bagi orang yang mempunyai keazaman yang kuat, untuk membersihkan jiwanya, ia tidak akan kecewa hanya kerana tiada orang yang boleh mendidik dan memimpimrya. Ia akan sanggup berusaha sendiri demi kesempumaan diri dan hidupnya sendiri pula. Katakanlah ia sedar bahawa padanya ada sifat bakhil. Dan dia tahu pula bahawa Allah tidak suka pada seorang yang bakhil. Kerana itu ia berazam untuk mengikis sifat yang terkutuk itu. Caranya; ia akan cuba membiasakan dan membanyakkan derma, sedekah, hadiah dan lain-lain amalan yang berupa pemberian haknya kepada orang lain.

Saya petik beberapa ayat Quran dan Hadis untuk menunjukkan Allah dan Rasul-Nya sangat menganjurkan sifat pemurah itu.

ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَأَنفِقُوا۟ مِمَّا جَعَلَكُم
مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَأَنفَقُوا۟ لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ

Terjemahan: Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan najlcahkan sebahagian dari hartamu yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) dari hartamu memperolehi pahala yang besar.

(Al Hadid: 7)

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا
فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥ وَلَهُۥٓ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Terjemahan: Siapakah yang mahu ***meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, maka Allah akan melipatgandakan (balasan) pinjaman itu untuknya, dan dia akan memperolehi pahala yang banyak.***

(Al Hadid: II)

Bersabda Rasulullah dengan maksudnya:

Membantu perempuan janda dan orang miskin, samalah seperti berjihad dalam jalan Allah dan seperti berpuasa siang hari dan beribadat di malam hari

Sebenarnya sifat bakhil bukan sahaja ada pada orang kaya dan berharta, tetapi orang miskin pun tidak mustahil dihinggapi penyakit bakhil ini. Kerana itu dalam Islam bukan sahaja sedekah itu boleh dilakukan dengan harta benda tetapi boleh juga dilakukan dengan cara lain. Cara-

cara ini, di samping mendidik akhlak mulia bagi semua orang, juga memberi peluang pada orang miskin mengikis sifat bakhil di samping turut mendapat pahala sedekah. Allah SWT berfirman:

Terjemahan: Perkataan yang baik dan pemberian maaf, lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan penerima). Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun.
(Al Baqarah: 263)

Rasulullah SAW pernah memberikan garis-garis berikut dalam satu riwayat Hadisnya yang bermaksud:

1. Segala perbuatan yang baik itu sedekah.
2. Senyuman kepada saudaramu itu sedekah.
Aku khabarkan kepadamu, yang lebih tinggi dari darjat puasa, sembahyang dan sedekah.
"Khabarkanlah," kata Sahabat-Sahabat.
"Mendamaikan dua golongan yang bergaduh itu, sedekah."

Dengan menggunakan panduan-panduan di atas, orang-orang yang menyedari ada padanya sifat bakhil, bolehlah cuba melatih diri untuk mengubatnya. Ada sahaja peluang untuk sedekah dan sebagainya, jangan dibiar begitu sahaja. Paksalah hati untuk mengeluarkan harta atau bertindak memberi kebaikan kepada orang lain.

Di waktu-waktu rasa bakhil itu terasa kuat bergantung di hati, waktu itulah perlawanan mesti dihebatkan. Keiuar-kan apa-apa yang disayangi itu segera dan banyak-banyak.

kan orang lain semuanya mengejek dan merendah-rendahkannya. Biarkan. Bisikkan di hati, *"Memang awak ini asalnya miskin dan hina. Berasal dari tanah dan akan menjadi tanah. Datang ke dunia dulu tanpa seurat benang dan sesen Wang."*

Kalaulah amalan ini dibiasakan, insya-Allah sifat ego itu sedikit demi sedikit akan dapat kita buang dari hati kita. Alah bisa tegal biasa dan yakinlah ular menyusur akar tidakkan hilang bisanya. Dan ingatlah selalu firman Allah:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي ٱلْأَرْضِ
مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Terjemahan: Dan janganlah kamu *memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka seseorang yang sombong lagi membangga diri.*

(Luqman: 18)

. Allah berfirman lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا
مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, janganlah satu golongan menghina golongan yang lain (kerana) boleh jadi mereka yang dihina lebih baik dari mereka yang menghina. Dan jangan pula wanita (menghina) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita yang (dihina) lebih baik dari wanita (yang menghinh).

(Al Hujurat: 11)

Latihan ini akan jadi lebih berkesan kalau kita sanggup mengeluarkan harta itu'semasa kita sendiri kekurangan.

Katakanlah kita didatangi oleh pemungut derma di waktu kita hanya ada $5.00 di poket. Waktu itu, paksa hati supaya mengeluarkan separuh dari yang ada. Tentulah berat, tetapi keluarkan juga. Insya-Allah, kalau ini mahu dan sanggup kita bust. selalu, kita akan jadi seorang yang pemurah dan rasa bakhil akan lenyap tents dari hati kita.

Sifat takabur, sombong dan bermegah-megah adalah rnazmumah yang patut sangat dikikis segera. Kalau tidak ia akan menutup semua jalan-jalan kebaikan yang mungkin bagi manusia. Hampir semua dari kita ada sifat sombong atau ego ini. Dan untuk membuangnya adalah susah sekali. Imam Ghazali ada berkata bahawa sifat ego itu hampir-hampir mustahil dapat dibuang semuanya dari jiwa manusia.

Bagaimanapun kita perlu berusaha untuk mengurangkannya. Kita mesti cuba merendah diri dan memaksa hati untuk merasa dan mengakui kelemahan dan kekurangan kita sebagai manusia biasa. Dalam perselisihan pendapat atau pergaduhan kita dengan orang lain misalnya, cuba rasakan kesilapan itu di pihak kita. Atau paling tidak akuilah bahawa kita juga turut bersalah. Bukankah ada pepatah kita menyatakan, "Bertepuk sebelah tangan masakan berbunyi."

Kalau kita mampu dan berani mengakui kesalahan, akan mampu pulalah kita meminta maaf. Dan hanya dengan minta maaf sahaja dosa kita sesama manusia akan terhapus. Oleh itu perlu sangatlah kita melatih diri untuk melawan sifat sombong takabur itu. Latihan yang lebih berkesan dari yang disebut di atas ialah kita biasakan diri tinggal bersama dengan orang-orang yang dipandang rendah oleh masyarakat. Orang-orang susah, peminta sedekah, orang cacat dan siapa sahaja yang setaraf, kita dampingi dan gauli. Duduk, bercakap-cakap, makan, minus dan tidur baring bersama mereka, hingga kita rasa sama seperti mereka. Waktu itu jiwa ego kita akan memberontak dan terseksa sekali. Timbul rasa malu, kesal, terhina dan seksa sekali, maklumlah dia merasa-

Janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan sombong kerana kekuatan kamu tentu tidak dapat membelah bumi dan ketinggiari kamu tentu tidak dapat menyamai bukit.

Satu lagi penyakit hati yang ingin saya huraikan ialah takut. Takut ialah penyakit jiwa yang perlu dibanteras. Kalau tidak ia akan sentiasa mengancam manusia, menyempit ruang hidup manusia, melemah dan terus menyekat kebebasan dan kemerdekaan manusia.

Rasa takut yang menguasai hati akan bertindak dalam berbagai bentuk, mengikut suasana yang dihadapi. Takut hantu, takut momok, takut harimau, takut ular, takut penjahat, takut miskin, takut orang kata, takut menegakkan kebenaran, takut maksiat dan takutkan Allah.

Di antara rasa takut yang disenaraikan di atas ada rasa takut yang dilarang syariat, ada pula rasa takut yang disuruh syariat. Perlu diketahui bahawa kedua-dua jenis takut ini tidak mungkin mengisi hati manusia dalam satu ketika. Kalau rasa takut yang dilarang syariat ada dalam hati, maka rasa takut yang disuruh syariat pasti tiada. Sebaliknya kalau takut yang disuruh syariat mengisi ruang hati maka takut yang dilarang hilanglah tempatnya.

Tujuan melawan hawa nafsu yang dianjurkan syariat adalah untuk membuang segala rasa takut yang dilarang untuk diganti dengan rasa takut yang disuruh. Kemuncak rasa takut yang dikehendaki syariat ialah rasa takutkan Allah, dengan erti takutkan segala azab yang dijanjikan di dunia apalagi di Akhirat.

Untuk itu kita mesti melawan nafsu kita yang takut pada hantu atau momok misalnya. Setiap kali kita terserempak dengan suasana itu, jangan kita mengalah dengan nafsu. Kuatkan hati dan tanamkan keyakinan bahawa Allah sahaja yang layak kita takuti, yang lain-lain hanyalah makhluk seperti kita dan tidak ada kuasa apa-apa.

Untuk lebih berkesan, cuba di tengah malam kita pergi sendirian ke tanah perkuburan atau tempat-tempat yang se-

ram. Masya-Allah! Tentulah takut. Takut itulah yang mesti kita lawan. Lawan dengan iman dan ilmu yang ada bahawa; tidak ada suatu kuasa pun yang boleh memberi kesan melainkan kuasa dan keizinan Allah. Isikan hati waktu itu dengan zikrullah. Sedar dan yakinkan bahawa Allah sentiasa bersama, Allah itu hampir dengan kita. Allah melihat dan sedang melihat apa yang kita lakukan, Allah Maha Mendengar dan mendengar apa yang kita katakan. Allah Maha Mengetahui segala masalah yang sedang melanda hati kita sekarang. Allah Penolong, Pembantu, Penyelamat dan Kasihan Belas pada hamba-Nya yang mahu mengikut jalan-Nya.

وَالَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ
وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Orang yang bermujahadah (berjihad untuk mencari keredhaan Allah) pada jalan Kami, akan Kami tunjukkan jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang yang berbuat baik.

(Al Ankabut: 69)

Lakukan latihan ini dengan tawakal dan doa yang sungguh-sungguh, agar Allah merestui dan memudahkan perjalanan kita. Dan membuang rasa takut itu, diganti dengan ingatan dan keyakinan hanya pada-Nya.

Bagi orang-orang yang ingin menegakkan kebenaran, tetapi takut dikata orang, takut dihina, takut dibenci dan diketepikan, juga wajib bemujahadah. Lawanlah rasa takut yang begitu dengan bertindak melakukan amalan tersebut. Misalnya kita takut hendak menghantar anak ke sekolah agama dengan alasan takut tidak dapat kerja, maka gelaplah masa depan di samping takutkan sikap hidup yang konon ketinggalan zaman.

Janganlah kamu berjalan di muka bumi dongan sombong kerana kekuatan kamu tentu tidak dapat mcmbelah bumi dan ketinggiari kamu tcntu tidak dapat menyamai bukit.

Satu lagi penyakit hati yaq: illgill saya huraikan ialah takut. Takut ialah penyakit jiwa yang pcrlu dibenteras. Kalau tidak ia akan sentiasa mengancam manusia mcnyempit ruang hidup manusia, melemah dan ICI-US menyekat kebebasan dan kemerdekaan manusia.

Rasa takut yang mengusai hati akan beri indak dalam berbagai bentuk, mengikut suasana yang dihadapi. Takut hantu, takut momok, takut harimau, takut ular, takut penjahat, takut miskin, takut orang kata, takut menegakkan kebenaran, takut maksiat dan takutkarl Allah.

Di antara rasa takut yang disenaraikan di alas ada rasa takut yang dilarang syariat, ada pula rasa takut yang disuruh syariat. Perlu diketahui bahawa kedua-dua jenis takut ini tidak mungkin mengisi hati manusia dalam satu ketika. Kalau rasa takut yang dilarang syariat ada dalam hati maka rasa takut yang disuruh syariat pasti tiada Sebaliknya kalau takut yang disuruh syariat mengisi ruang hati maka takut yang dilarang hilanglah tempat nya.

Tujuan melawan hawa nafsu yang dianjurkan syariat adalah untuk membuang segala rasa takut yang djlarang untuk diganti dengan rasa takut yang disuruh. Kcmuncak rasa takut yang dikehcndaki syarial Ialah rasa takutkan Allah, dengan erti takutkan segala azab yang dijanjikan di dunia apalagi di Akhirat.

Untuk itu kita mesti melawan nafsu kita yang takut pada hantu atau momok misalnya. Setiap kali kita terserempak dengan suasana itu, jangan kita mcngalah dengan nafsu. Kuatkan hati dan tanamkan keyakinan bahawa Allah sahaja yang layak kita takuti, yang lain-lain hanyalah makhluk seperti kita dan tidak ada kuasa apa-apa.

Untuk lebih berkesan, cuba di tengah malam kita pergi sendirian ke tanah perkuburan atau tcmpat-tempat yang se-

ram. Masya-Allah! Tentulah takut. Takut itulah yang mesti kita lawan. Lawan dengan iman dan ilmu yang ada bahawa; tidak ada suatu kuasa pun yang boleh memberi kesan melainkan kuasa dan keizinan Allah. Isikan hati waktu itu dengan zikrullah. Sedar dan yakinkan bahawa Allah sentiasa bersama, Allah itu hampir dengan kita. Allah melihat dan sedang melihat apa yang kita lakukan, Allah Maha Mendengar dan mendengar apa yang kita katakan. Allah Maha Mengetahui segala masalah yang sedang melanda hati kita sekarang. Allah Penolong, Pembantu, Penyelamat dan Kasihan Belas pada hamba-Nya yang mahu mengikut jalan-Nya.

Terjemahan: Orang yang bermujahadah (berjihad untuk mencari keredhaan Allah) pada jalan Kami, akan Kami tunjukkan jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang yang berbuat baik.

(Al Ankabut: 69)

Lakukan latihan ini dengan tawakal dan doa yang sungguh-sungguh, agar Allah merestui dan memudahkan perjalanan kita. Dan membuang rasa takut itu, diganti dengan ingatan dan keyakinan hanya pada-Nya.

Bagi orang-orang yang ingin menegakkan kebenaran, tetapi takut dikata orang, takut dihina, takut dibenci dan diketepikan, juga wajib bemujahadah. Lawanlah rasa takut yang begitu dengan bertindak melakukan amalan tersebut. Misalnya kita takut hendak menghantar anak ke sekolah agama dengan alasan takut tidak dapat kerja, maka gelaplah masa depan di samping takutkan sikap hidup yang konon ketinggalan zaman.

Cara melawannya ialah hantarkan sahaja anak ke sekolah agarna yang ditakuti itu. Kuatkan hati, pejamkan mata, pekakkan telinga dan lepaskan si anak pergi. Apa sahaja yang dibisikkan nafsu dan syaitan kita lawan, jangan layan. Tawakal dan berdoa pada Allah semoga usaha itu direstui dan semoga Allah bukakan jalan-jalan kemenangan pada kita di dunia dan Akhirat.

Bagi orang-orang yang tidak melawan nafsu, imannya tidak mungkin dapat bertambah, malah makin berkurang. Sama ada mereka sedar atau tidak mereka telah diperhambakan oleh nafsu, menempah kecelakaan dan kutukan Allah di dunia dan akhirat.

Sebenarnya apa yang ditakuti, baik hantu, mahupun kemiskinan atau penghinaan orang tadi pada hakikatnya tidak ada pun. Adakah hantu yang bertugas mencekik dan membunuh orang? Benarkah orang yang bersekolah agama miskin dan hina? Renungilah dan hayatilah hakikat ini. Kemudian sesuaikan pula dengan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَنصُرُواْ ٱللَّهَ يَنصُرۡكُمۡ وَيُثَبِّتۡ أَقۡدَامَكُمۡ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu tolong Allah, Allah akan menolong kamu dan Dia akan menetapkan kedudukanmu.

(Muhammad: 7)

Demi Allah yang tidak akan mungkir janji, yakinlah bahwa setiap usaha yang bertujuan mencari keredhaan-Nya pasti mendapat jaminan dan dimuliakan.

Seperkara yang harus kita sedar bahawa Allah yang Maha Pemurah dan Pengasih itu, sentiasa bersedia untuk menolong sesiapa sahaja dari hamba-Nya. Kerana telah ditetapkan-Nya bahawa untuk mendidik hati, menambah iman itu perlu kita banyakkan latihan melawan hawa nafsu, maka

Allah sendiri selalu memberi peluang pada kita untuk berbuat begitu.

Mehnah atau ujian dari Allah yang selalu menimpa kita seperti miskin, sakit, kematian, kesedihan, kecacatan anggota, kekurangan rupa paras, lemah dan bodoh, kata nista dan hasad dengki orang, bencana alam dan lain-lain kesusahan dan penderitaan, adalah peluang yang Allah berikan untuk kita bermujahadah. Lagi tinggi taraf iman seseorang, lagi banyaklah mehnah yang Allah datangkan. Demikian maksud sabda Rasulullah SAW:

أَشَدُّ النَّاسِ بَلَاءً الأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الأَمْثَلُ فَالأَمْثَلُ، يُبْتَلَى الرَّجُلُ عَلَى حَسَبِ دِيْنِهِ، فَإِنْ كَانَ فِي دِيْنِهِ صَلَبًا اشْتَدَّ بَلَاؤُهُ، وَإِنْ كَانَ فِي دِيْنِهِ رِقَّةٌ، ابْتُلِيَ عَلَى قَدْرِ دِيْنِهِ.

***Terjemahan:* Bala yang paling berat akan ditimpa pada nabi-nabi, kemudian orang yang paling mulia (selepas nabi) kemudian yang paling mulia selepas itu. Seseorang itu diuji mengikut pegangan agamanya. Jika kuat agamanya beratlah ujiannya. Jika lemah agamanya maka diuji mengikut agamanya.**

Apabila jiwa dihimpit kesusahan-kesusahan, ertinya nafsu tercabar. Nafsu bakhil, sombong, penakut dan lain-lain mazmumah itu menjadi sakit dan terseksa setiap kali ditimpa ujian. Siapa saja, Islam atau kafir selagi hamba Allah, pasti merasakan ini. Bagi orang-orang yang beriman, sedar pula maksud Allah berbuat begitu setiap kali ditimpa ujian ia cepat-cepat memberitahu hatinya bahawa kalau ia sabar dan redha dengan ujian itu ia pasti akan mendapat satu dari dua:

1. Penghapusan dosa atau
2. Kasih sayang Allah dan pangkat darjat di Syurga.

.,Apabila itu diyakini sungguh-sungguh, bagi kita yang bertaraf iman ilmu tentu akan sanggup bennujahadah, memaksa nafsu untuk tenang dan merasa tidak ada apa-apa dengan penderitaan itu. Katalah kita miskin, maka pujuklah hati untuk tidak rasa apa-apa dengan kemiskinan. Kajilah kebaikan yang diperolehi oleh orang miskin, di dunia mahupun di Akhirat. Misalnya di dunia kita beruntung, tidak tamak, tidak payah bertanggungjawab membantu orang lain. Di Akhirat pula hisab akan dikurangkan dan Syurga dipercepatkan.

Kemudian ajaklah hati untuk menerima pemberian Allah itu dengan redha, tanpa kesal dan buruk sangka dengan Allah. Yakinlah bahawa Allah cukup tahu kenapa kita perlu miskin, sebab itu Dia berbuat demikian. Dan kita pula cukup lemah untuk mengetahui hakikamya apalagi untuk menangkisnya.

Umpama baju kita yang tidak pernah tahu kenapa kadang-kadang dibasuh, kadang-kadang digosok, kadang-kadang dijahit, kadang-kadang dipakai dan kadang-kadang dibuang. Maka begitulah kita, kerana jahilnya kita tentang rahsia diri dan hati sendiri. amat munasabahlah untuk kita redha dan sabar dengan ketentuan Allah kepada kita. Memang di peringkat mujahadah, hati masih sakit dan tidak puas hati. Hanya jagalah supaya kita tidak gelisah, tidak mengungkit-ungkit, tidak mengadu-ngadu serta tidak buruk sangka dengan Allah. Kalau sifat ini dapat dikekalkan, insya Allah peluang untuk meningkatkan iman adalah besar. Sebaliknya kalau setiap ujian dihadapi dengan keluh-kesah, kebimbangan, tidak sabar dan buruk sangka dengan Allah, bersedialah untuk menanggung kegelisahan jiwa yang perit dan penderitaan di Akhirat yang amat sangat.

Untuk pengetahuan kita, perlu dinyatakan bahawa orang-orang muqarrobin dan nabi-nabi, iman yang tinggi menjadikan mereka lebih senang hidup dalam kesusahan daripada kesenangan. Mereka lebih inginkan kekurangan

daripada kecukupan. Sebagai bukti cuba kita lihat doa Rasulullah SAW: -

اَللّٰهُمَّ أَحْيِنِيْ مِسْكِيْنًا وَأَمِتْنِيْ مِسْكِيْنًا وَاحْشُرْنِيْ فِيْ زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنِ

Terjemahan: Wahai Tuhan, hidupkan aku dalam kemiskinan, matikan aku dalam kemiskinan dan kumpulkan aku dalam Syurga ***bersama orang-orang miskin.***

(Riwayat At Tarmizi)

Sayidina Ali dalam sejarahnya pernah ketika ia hanya ada sebiji kurma untuk berbuka puasa, tiba-tiba datang peminta sedekah meminta makanan, terus diberikannya kurma yang sebiji itu.

Seorang perempuan di zaman Rasulullah, yang punya tiga anak lelaki, sanggup melepaskan semua anaknya ke medan perang. Dia senyum ketika anak sulung dan anak keduanya mati syahid di medan perang. Tetapi menangis bila diberitahu anak bongsunya juga syahid. Bila ditanya kenapa dahulu senyum, sekarang menangis? Beliau menjawab,

"Aku sedih kerana tiada lagi anak yang boleh ku korbankan untuk jihad fisabilillah."

Cuba bandingkan kemampuan manusia-manusia dalam bukti di atas dengan kemampuan kita. Kemudian carilah faktor penting yang menjadikan perbezaan itu. Apabila disedari bahawa imanlah puncanya maka tiada jalan lainlah untuk kita sampai setinggi mereka selain banyakkan latihan mujahadah dalam segala peluang-peluang yang Allah sediakan. Mujahadah melenyapkan segala mazmumah yang berbagai-bagai.

ii. Tahalli

Tahalli bererti menghias. Yakni perkataan lawan bagi takhalli. Sesudah kita mujahadah yakni mengosongkan hati dari sifat terkeji atau mazmumah, segera pula kita menghiasi hati dengan sifat-sifat-sifat terpuji atau mahmudah. Supaya mudah difahami, cuba gambarkan hati kita sebagai sebuah mangkuk. Selama ini mangkuk itu berisi sifat-sifat mazmumah setelah kita mujahadah maka sifat itu keluar, meninggalkan mangkuk kosong. Waktu itulah kita masukkan ke dalam mangkuk itu sifat mahmudah. Di antara sifat mahmudab yang patut menghiasi hati kita ialah:

1. Jujur
2. Ikhlas
3. Tawadhuk
4. Amanah
5. Taubat
6. Sangka baik
7. Takutkan Allah
8. Pemaaf
9. Pemurah
10. Syukur
11. Zuhud
12. Tolak ansur
13. Redha
14. Sabar
15. Rajin
16. Berani
17. Lapang dada
18. Lemah lembut
19. Kasih sesama mukmin
20. Selalu ingatkan mati
21. Tawakal

Untuk mengisi hati dengan sifat mahmudah kita perlu sekali lagi mujahadah. Saya tegaskan sekali lagi bahawa dalam peringkat mujahadah kita masih terasa berat dan susah. Maknanya belum ada ketenangan dan kelazatan yang sebenar. Insya-Allah, kalau kita bersungguh-sungguh, lamakelamaan bila ia sebati dengan hati, akan terasalah lazatnya.

Cara-cara mujahadah dalam tahalli samalah seperti kita mujahadah untuk takhalli. Misalnya kita mahu menghiasi hati dengan sifat pemurah. Maka kita mujahadah dengan mengeluarkan harta atau barang kita, terutama yang kita suka dan sayang, untuk diberi pada yang memerlukannya. Mulanya tentu terasa berat dan payah. Tetapi jangan menye-

rah. Kita lawan. Ingatkan hati bagaimana orang-orang muqarrobin berebut-rebut untuk dapatkan pahala sedekah. Sayidatina Aisyah r.ha di waktu tiada apa-apa untuk dimakan, beliau cuba juga mendapatkan hanya sebelah kurma untuk disedekahkan. Begitu inginnya mereka pada pahala dan rindunya pada Syurga. Mereka berlumba-lumba menyahut pertanyaan Allah SWT:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥ وَلَهُۥٓ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Terjemahan: Siapakah yang mahu meminjamkan kepada Allah pinjaman yag baik, maka Allah akan melipatgandakan (balasan) pinjaman itu untuknya, dan dia akan memperolehi pahala yang banyak.

(AL Hadid: II)

Setiap kali kita rasa sayang pada harta kita, setiap kali itu pula kita keluarkannya. Insya-AlIah lama-kelamaan kita akan memiliki sifat pemurah.

Begitu juga dengan sifat-sifat lain seperti kasih sayang, berani, tawadhuk dan semua sifat mahmudah yang lain perlulah kita miliki dan untuk itu kenalah bermujahadah. Jika tidak, iman juga turut hilang, sebab iman itu berdiri di atas sifat-sifat mahmudah.

iii. Tajalli

Sebagai hasil mujahadah dalam takhalli dan tahalli, kita memperolehi tajalli. Iaitu sejenis perasaan yang datang sendiri tanpa memerlukan usaha lagi. Agak sukar untuk dituliskan apa itu tajalli yang sebenamya. Ini adalah kerana ia adalah sejenis perasaan yang hanya, mungkin dimengertikan oleh orang-orang yang merasainya. Sepertilah kemanisan gula sahaja tidak akan dapat digambarkan secara tepat.

Tajalli secara ringkas ialah perasaan lapang, tenang dan bahagia. Hati seakan-akan celik, ,hidup, nampak dan terasa kebesaran Allah. Ingatan dan rindu penuh tertuju pada Allah. Harapan dan pergantungan tidak pada lain lagi selain dari Allah. Seluruh amal bakti adalah kerana dan untuk Allah semata-mata. Apa sahaja masalah hidup, dihadapi dengan tenang dan bahagia, tidak ada pun kesusahan dalam hidupnya, sebab semua itu dirasa pemberian dari kekasih-nya, Allah SWT. Kalau begitu, bagi orang-orang yang ber-iman, dunia ini sudah terasa bagai Syurga. Kebahagiaan mereka adalah kebahagiaan sejati dan abadi iaitu kebahagia-an hati.

2. SEMBAHYANG SUNAT

Jalan yang kedua ialah dengan kita melakukan sembahyang sunat. Perkara penting yang perlu diambil perhatian semasa menunaikan sembahyang-sembahyang sunat ialah khusyuk. Ini adalah berpandukan apa yang diingatkan oleh baginda Rasulullah kepada Abu Zar:

> ***Ya Abu Zar, dua rakaat sembahyang yang dikerja-kan dengan khusyuk itu lebih baik dari sembahyang sepanjang malam tetapi dengan hati yang lalai.***

Sembahyang yang khusyuk bolehlah diertikan sembah-yang yang sempuma lahir dan batin. Ketika jasad mengha-dap Allah, hati juga menghadap Allah. Ketika jasad tunduk menyembah Allah, hati juga tunduk menyembah Allah. Ketika mulut menyebut الله اَكْبَرْ (Allahu Akbar), hati juga mengaku Allah Maha Besar. Ketika jasad sujud menghina diri hati juga menyungkur menghina diri. Dan ketika mulut memuji, mengagung dan berdoa pada Allah, hati juga memuja, merintih dan karam dalam penyerahan pada Allah. Telah bertanya Jibril kepada Nabi SAW:

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Terjemahan: "Khabarkun kepadaku apa itu ihsan?" Dijawab baginda, "Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Jika tidak, yakinlah bahawa la melihat engkau."

(Riwayat Muslim)

Kalaulah dapat dihayati sembahyang itu, sebagaimana yang dianjurkan di atas, semua kesannya akan cukup besar pada jiwa manusia. Iman akan bertambah di samping bertambahnya rasa tawakal, syukur, redha, sabar, dan lain-lain sifat mahmudah. Cukuplah sedikit rakaatnya asalkan khusyuk dari banyak tetapi lalai. Sebab perkara yang menjadi matlamat ibadah ini ialah lahirnya iman dan akhlak manusia. Kalau banyak pun rakaatnya tetapi dikerjakan dengan hati yang lalai, maka bukan sahaja iman dan akhlak tidak bertambah malah ia menjadi sia-sia. Mungkin pahalanya Allah berikan juga tetapi banggakah kita kalau perniagaan yang kita buat hanya mengembalikan modal, langsung tidak untung? Sembahyang yang lalai tidak akan menambahkan iman dan menguatkan jiwa sebaliknya akan meletihkan badan sahaja. Di Padang Mahsyar nanti, Allah akan memanggil manusia yang sembahyang untuk diperiksa sembahyangnya. Waktu itu sembahyang akan dikategorikan pada **lima** peringkat:

1. Sembahyang orang jahil
2. Sembahyang orang lalai
3. Sembahyang orang yang separuh lalai separuh khusyuk
4. Sembahyang orang khusyuk
5. Sembahyang nabi-nabi dan rasul.

Sembahyang orang jahil ialah sembahyang dilakukan oleh orang yang tiada ilmu tentang sembahyang. Dia tidak tahu rukun dan sunat dan dibuat tanpa peraturan yang telah ditetapkan syariat.' Kerana itu awal-awal lagi ia ditolak malah ia berdosa kerana tidak belajar.

Sembahyang orang lalai ialah sembahyang yang sempurna lahimya tetapi hatinya tidak hadir langsung dalam sembahyang. Bermacam-macam perkara yang diingatkan sewaktu berdiri, rukuk, sujud dan duduk dalam sembahyangnya itu. Dari awal hingga akhir sembahyang sedikit pun tidak mengingatkan Allah. Sembahyang jenis ini akan diganjar dengan dosa, bukan pahala.

Allah berfirman:

Terjemahan: Neraka Wail bagi orang yang sembahyang. Yang mereka itu lalai dalam sembahyangnya.
(Al Maa'un: 4 & 5)

Sembahyang yang ketiga ialah sembahyang di dalamnya berlaku tarik-menarik dengan syaitan. Maknanya orang itu sentiasa berjaga, bila syaitan mula melalaikannya dari Allah, cepat-cepat dikembalikan ingatannya pada Allah. Begitulah berlakunya hingga akhir sembahyang. Ada waktu lalai, ada waktu khusyuk. Sembahyang ini tidak berdosa tetapi tidak juga berpahala. Cuma orang ini dimaafkan.

Sembahyang orang yang khusyuk ialah-sembahyang orang yang sepanjang sembahyangnya itu penuh ingatan pada Allah dan pada apa yang dibacanya dalam sembahyang. Orang ini dapat merasakan yang dia sedang menghadap Allah, maka perhatiannya hanya pada Allah, memohon ampun pada Allah, berdoa pada Allah, menghina diri pada Allah dan mengagungkan Allah. Sembahyang beginilah yang akan menghapus dosa, membaharui ikrar, menguatkan iman, mendekatkan hati pada Allah, meningkatkan taqwa

dan mengelakkan diri dari perbuatan keji dan mungkar. Itulah keuntungan di dunia dan di Akhirat Allah anugerahkan pahala dan Syurga yang penuh kenikmatan.

Sembahyang yang kelima ialah peringkat tertinggi iaitu sembahyang para nabi dan rasul. Mereka ini luar biasa khusyuknya. Mereka benar-benar nampak Allah dengan mata hati, sebab itu sembahyang mereka seakan-akan berbual-bual dengan Allah. Sebab itu mereka tidak pemah jemu. Bagaimana indahnya perasaan hati orang yang bertemu kekasihnya, begitulah indahnya perasaan mereka ini dalam sembahyang. Salah satu perkara yang disukai Rasulullah; ***"Sembahyang penyejuk mataku,"*** sepertimana sabda baginda. Syurga yang akan Allah anugerahkan kepada mereka ialah Syurga tertinggi yang tidak tercapai oleh, orang-orang awam seperti kita.

Jadi, tugas kita sekarang ialah memperbaiki sembahyang di samping membanyakkannya. Untuk itu kita sekali lagi mesti bermujahadah. Dan hanya dengan mujahadahlah kita mungkin dapat mempertingkatkan iman dan membanyakkan amalan soleh. Dan hanya dengan iman dan amalan soleh sahajalah kita dapat membina dan mencantikkan rumah kita di Akhirat nanti.

Amalan-amalan lain yang setaraf dengan sembahyang sunat ialah zikrullah, baca Quran, berdoa, bermuzakarah, bertahlil dart seumpamanya. Semua ibadah-ibadah ini kalau dikerjakan dengan betul akan meresap ke hati dan menghasilkan iman, ketenangan serta kebahagiaan di hati.

Firman Allah:

Terjemahan: Ketahuilah bahawa dengan mengingati Allah itu hati akan menjadi tenang.

(Ar Ra'd: 28)

Syaratnya mestilah ibadah itu dilakukan dengan ber-

adab, difahami dan dihayati maksudnya. Misalnya kita menyebut: سُبْحَانَ الله (Subhanallah), mestilah diberitahu hati bahawa Maha Suci Allah dari kekurangan yang disifatkan pada-Nya. Bila menyebut: اَلْحَمْدُلله (Alhamdulillah), resapkanlah di hati bahawa segala puji bagi Allah, segala kebaikan, segala nikmat dan rahmat yang memenuhi langit dan bumi adalah kepunyaan Allah. Kenangkan segala pemberian Allah pada kita semasa kita menyebut pujian itu supaya terasa hubungan kita dengan Allah itu. Begitu juga ketika menyebut: الله اَكْبَرْ (Allahu Akbar), sedarkan hati bahawa Allah Maha Besar, Maha Pencipta, Maha Perkasa, dan Maha Pentadbir seluruh langit dan bumi. Rasailah betapa kerdilnya kita di bawah pemerhatian Allah yang hebat itu.

Al Quran adalah kitabullah. Diturunkan khusus untuk kita manusia. Membacanya adalah ibadah, memahaminya adalah ubat, mengikutinya adalah petunjuk dan menghayatinya adalah iman dan taqwa. Rugi besarlah orang yang menganggap remeh dan ringan dengan Al Quran. Bertanya Allah SWT dengan tirman-Nya:

Terjemahan: Sesungguhnya Al Quran ini adalah ***bacaan yang sangat mulia. (Yang terdapat) pada kitab yang terpelihara (Lauhul Mahfuz). Tidak menyentuhnya*** kecuali ***orang-orang yang disucikan. Diturunkan dari Tuhan semesta alam. Maka apakah kamu menganggap remeh saja Al Quran ini? Kamu (menggantikan) rezeki (Allah) dengan mendustakan Allah.***

(Al Waqiah: 77-82)

Umat Islam kini memang begitu, menyamatarafkan kitab mulia ini dengan buku ciptaan manusia. Sewaktu-waktu Al Quran dipermainkan untuk suka-suka dengan tujuan duniawi semata-mata. Alangkah sedihnya. Kembalilah wahai manusia, sama-sama kita junjung pusaka mulia, warisan yang betul-betul diuntukkan pada kita. Kita agungkan seagung-agungnya, untuk kita perjuangkan sesungguh-sungguhnya. Barulah padan dengan kemuliaan dan kehebatan yang ada padanya.

Di antara adab-adab yang perlu dilakukan ketika kita membaca kitab mulia ini ialah:

1. Wudhuk
2. Tempat duduk adalah bersih dan suci seperti masjid dan lain-lain
3. Mengadap kiblat
4. Membaca أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ sebelum memulakan bacaan
5. Bacaan dilakukan dengan tertib yakni dengan terang dan perlahan dan lambat-lambat
6. Memahami dan menghayati bacaan dengan melakukan apa yang dikehendaki oleh ayat yang dibaca. Misalnya kita baca ayat tasbih, maka kita pun tasbih dan tahmid. Bila kita baca'ayat doa dan istighfar kita pun berdoa dan meminta ampun. Bila baca ayat menceritakan azab Neraka kita pun meminta berlindung dari Neraka dengan: أَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ ذٰلِكَ. Bila baca ayat menceritakan nikmat Syurga kita pun berdoa: اَللّٰهُمَّ ارْزُقْنَا. Bila baca ayat orang kafir mensyirikkan Allah, kita segera nafikan dengan ucapan: أَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ ذٰلِكَ . Begitulah seterusnya. Ucapan-ucapan ini boleh di mulut atau di hati, yang penting kesungguhan dan keikhlasan kita mengucapkannya.

7. Bacaan dibuat dengan suara dan nada yang merdu dan sedap.
8. Jangan putuskan bacaan hanya kerana hendak makan atau b.erbual-bual. Hentikan ia di tempat-tempat yang telah ditentukan. Elok diakhiri dengan doa.

Sesungguhnya kalau kandungan Al Quran itu selalu di-tatap selalu dengan kefahaman dan keimanan insya-Allah hati akan terdidik untuk tambah beriman dan bertaqwa.

Berdoa juga adalah ibadah. Juga sumber iman dan per-gantungan kita pada Allah. Orang-orang yang tidak mahu berdoa sebenamya sombong dengan Allah. Bukankah terlalu banyak hajat, keinginan dan harapan kita yang hanya mung-kin tercapai dengan pertolongan Allah? Kalau begitu berdoa-lah.

Adukan semua masalah pada Allah dan gantungkan harapan sepenuhnya pada Allah. Berdoalah di waktu-waktu dan di tempat yang "kabul doa" dengan hati yang penuh khusyuk dan mengharap serta yakin dan sabar, insya-Allah akan menjadilah ia sumber ketenangan dan kebahagiaan. Sebab sudah fitrah manusia apabila ia dalam kesusahan ia akan mengalami ketegangan fikiran dan perasaan. Satu-satu-nya cara mengubat penyakit ini ialah dengan mengadu, mengharap dan menyandarkan diri pada satu kuasa yang boleh menolongnya menyelesaikan masalah itu. Kerana itu Islam mengajar doa, sebab hanya Allah-lah kuasa mutlak yang layak dan mampu berbuat begitu Faedahnya doa ialah jiwa yang lemah menjadi kuat, hati yang susah jadi senang dan perasaan yang gelisah jadi tenang.

3. TAFAKUR

Kemudian kita lalui jalan tafakur. Bersabda Rasulullah SAW:

تَفَكُّرُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سَنَةٍ

***Terjemahan:* Berfikir satu saat itu lebih baik dari ibadah setahun.**

Anjuran berfikir bertujuan menyedarkan manusia tentang sifat wujud dan Maha Kuasanya Allah. Perkara-perkara yang boleh difikirkan ialah tentang din sendiri, Allah mulakan kejadian kita hanya dari setitik mani. Harga setitik mani adalah lebih rendah dari harga sebiji padi, kalaulah Allah tidak menanamkannya ke dalam rahim perempuan. Tidak juga akan berharga kalau tidak Allah memelihara, menghidupkannya dengan member-i segala keperluan untuk tinggal di dalam rahim. Belum juga akan berharga sekiranya Allah tidak memudahkan jalan baginya keluar ke atas bumi, dan belum jugalah akan berharga kalau Allah tidak besarkan serta diberi akal fikiran.

Dengan akal yang Allah kumiakan, manusia jadi raja, menteri, pendekar, ahli fikir, profesor, juruteknik, doktor, jurutera, pensyarah, gum dan lain-lainnya yang menjadikan manusia itu pandai, kuat, kaya dan hidup lepas bebas. Dengan akal fikiran manusia telah dapat meratakan gunung, membelah angkasa, menyelami lautan dan memperkosa bumi semahu-mahunya. Tetapi tidak selamanya begitu. Kita tidak akan boleh semahu-mahunya dan tidak selamanya memperolehi apa yang kita kehendaki.

Kita mesti mati. Kenapa tidak dihalang mati itu? Tidak mungkin. Sepertilah tidak mungkinnya kita mendatangkan diri kita ke dunia pada mula-mula dulu.

Firman Allah di dalam Al Quran:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ
ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ
يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ

Terjemahan: Allah, Dialah yang menciptakan kamu dari keadaan lemah, kemudian Dia menjadikan kamu sesudah lemah itu menjadi kuat, kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah kuat itu ***lemah (kembali) dan beruban, Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dan Dialah yang Maha Mengetahui lagi Maha Perkasa.***

(Ar Rum: 54)

Sesudah mati, Allah berjanji untuk menghidupkan dan membangkitkan kita kembali di Hat-i Qiamat. Apakah alasan untuk kita percaya akan janji Allah itu? Siapakah kita untuk menolak kedatangannya? Fit-man Allah:

مَّا خَلْقُكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ
وَاحِدَةٍ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Terjemahan: Tidaklah mencipta dan membangkitkan kamu (dari dalam kubur) itu melainkan hanyalah seperti (mencipta dan membangkitkan) satu jiwa sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Luqman: 28)

Fikirkan pula nikmat-nikmat Allah yang kita gunakan di saat ini. Mata, telinga, kaki, tangan dan semuanya yang sangat penting untuk keperluan hidup. Allah kurniakan tanpa menagih bayaran sesen pun dari kita. Walhal harga sepasang kaki palsu sahaja beribu-ribu ringgit. Gigi palsu juga mahal. Maka apatah lagi harga mata, telinga, lidah, hati dan akal yang Allah kumiakan, sesungguhnya tidak temilai. Dengan apa hendak dibalas pemberian yang begitu besar? Fikirkan pula apakah sudah kita berterima kasih pada Allah? Sudah-

kah kita tunaikan suruhan-Nya? Sudah berhentikah kita dari membuat perkara-perkara yang dilarang-Nya? Cukupkah sudah bakti kita sebagai hamba, untuk membalas kepemurahan dan kasih sayang Allah, pemelihara kita itu?

Diceritakan bahawa telah meninggal seorang abid. Allah memanggil untuk diberitahu bahawa dia akan dimasukkan ke dalam Syurga, sebagai satu rahmat dan kepemurahan Allah padanya. Mendengar itu si abid merasa tidak puas hati kerana mendapat Syurga hanya melalui belas kasihan Allah, sedangkan di dunia dia begjtu kuat beribadah. Si abid lalu memohon agar dimasukkan ke Syurga yang setimpal dengan amal ibadahnya yang banyak.

Maka Allah SWT memerintahkan malaikat menghitung dan menilai ibadah si abid. Bila selesai, Allah mengumumkan bahawa ibadah-ibadah yang dibuat oleh si abid tidak pun cukup untuk membayar harga sebelah matanya, bagaimana untuk mendapat Syurga. Si abid pun tersipu-sipu, lalu memohon agar berpeluang masuk ke Syurga.

Demikian satu contoh bagaimana nilai bakti kita ini masih belum sepadan dengan harga pemberian Allah pada kita. Malah kita setiap saat dari umur kita digunakan untuk menghambakan diri pada Allah pun, belumlah padan. Apa lagi kalau seseorang yang sombong, ingkar dan derhaka pada Allah. Sesuai sangatlah Allah lontarkan dalam api, terseksa selama-lamanya.

Lihat pula beras yang kita jadikan nasi untuk makanan harian kita. Dapatkah pokok itu tumbuh sendiri kalau Tuhan tidak menurunkan hujan, dan kalau tanah tidak direkahkan untuk dapat air dan tidak direkahkan supaya biji yang di daLam tanah itu dapat menembus naik untuk mendapatkan cahaya matahari? Dapatkah manusia membuat air? Dapatkah manusia melubangi tanah dengan sehalus-halusnya hingga akar pokok itu dapat menjalar mencari makan dan minumnya? Manusia menanam, tetapi siapa yang menumbuhkannya?

Sesudah berfikir dan membuat kesimpulan, hati terus

celik, nampak kewujudan, kepemurahan dan kekuasaan Allah SWT. Selanjutnya hati akan menyedarkan akal tentang perlunya Allah itu disembah. Hati selanjutnya akan mengarahkan kaki, tangan dan seluruh anggota lahir menunaikan perintah Allah dan berhenti dari mengerjakan larangan-larangan-Nya. Kalau tidak. begitu, patut sangat ditangis kerana butanya had, yang sebenamya lebih parah dari buta mata.

Kemudian dongakkan muka ke langit. Lihat matahari yang naik dan turun, memberi panas dan menjadikan waktu bermusim-musim, bulan yang kecil dan besar, menjadikan malam kadang-kadang gelap, kadang-kadang terang, menjadikan air laut pasang dan smut. Lihat bintang-bintang yang berkerdipan, menghiasi langit indah berseri-seri. Lihatlah semua itu. Sebutlah Allah. Resapkan di hati betapa kuasanya Ia. Pemurahnya Ia. Dengan itu mudah-mudahan akan lembutlah hati untuk tunduk menyembah dan mengabdikan dir pada-Nya.

Bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

> ***Siapa yang mendongak ke langit, melihat bulan dan bintang, kemudian terasa di hatinya betapa kuasanya Allah, maku sebanyak bilangan bintang-bintang itulah dosanya diampunkan.***

Seseorang yang melihat alam, kemudian berfikir tentang Allah lalu terasa olehnya kehebatan Allah, hingga lembut hatinya terus mahu tunduk menyembah Allah dengan sedar dan khusyuk, itulah manusia yang sempuma. Dia sedar dirinya sebagai barang ciptaan Allah dan mahu menyerahkan pemberian Allah itu kembali kepada-Nya. Berjayalah dia di .dunia dan di Akhirat.

Di dalam Al Quran, Allah telah berulang-ulang kali menyuruh manusia berfikir, menggunakan akal yang diberikan untuk menyaksikan wujud dan perkasanya Allah. Firman-Nya:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً ۗ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ
فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ

Terjemahan: Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundykkan (untuk kepentinganmu) apa yang di langit dan apa yang di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmat-Nya lahir dan batin. Dan di antara manusia masih ada yang membantah tentang Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa kitab yang memberi penerangan.

(Luqman: 20)

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ
إِذَا أَنتُم بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-, Nya ialah menciptakan kamu dari tanah, kemudian tiba-tiba kamu (menjadi) manusia yang berkembang biak (menguasai bumi).

{Ar Rum: 20)

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَاجًا لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan di antara kekuasaan-Nya ialah Dia mencipatakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tente-

ram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi kaum yang be flkir.

(Ar Rum: 21)

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَـٰفُ
أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّلْعَـٰلِمِينَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah diciptakan langit dan bumi berlainan-lainan bahasamu dan warna kulitmu sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui.

(Ar Rum: 22)

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبْتِغَآؤُكُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah tidurmu di waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari sebahagian dari kurnia-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang mendengar.

(Ar Rum: 23)

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ
خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَيُحْىِۦ بِهِ ٱلْأَرْضَ
بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya Dia memperlihatkan padamu kilat untuk (menimbulkan) ketakutan dan harapan, dan Dia menurunkan air hujan dari langit, lalu menghidupkan bumi dengan air itu sesudah *matinya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tan&-tanda bagi kaum yang mempergunakan akalnya.*

(Ar Rum: 25)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ بِأَمْرِهِۦ ۚ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ
دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah berdirinya langit dan bumi dengan iradah-Nya. Kemudian apabila Dia niemanggilmu sekali panggil dari bumi, ketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur).

(Ar Rum: 25)

Seperkara lagi yang patut difikirkan ialah tentang dosa. Berapa banyak dosa kita pada Allah dan sesama manusia? Selamatkah kita dari seksaan dan kemurkaan Allah di dunia dan juga di Akhirat? Mampukah kita berhadapan dengan Mungkar dan Nakir di dalam kubur nanti? Tahankah kita dengan bakaran api Neraka?

Fikirkan itu selalu, insya-Allah akan lembut hati.

Kemudian terapkan keyakinan yang sungguh-sungguh bahawa mati itu adalah benar, memasuki liang kubur itu adalah benar. Soalan Munkar dan Nakir itu adalah benar. Dihidupkan manusia kembali untuk diperiksa amalannya adalah benar. Melalui Siratul Mustaqim adalah benar, pembalasan seksa Neraka dan nikmat Syurga adalah benar belaka. Pasti berlaku tanpa syak dan ragu.

Sekiranya penerangan itu diulang buat setiap hari insya-Allah hati akan dimasuki iman yang waja, yang tidak mudah digoyangkan walau oleh "ribut taufan" yang dahsyat.

Perkara lain yang dibuat untuk mendapatkan iman ialah berpuasa sunat, berjuang dan berjihad, bersedekah, menziarahi orang sakit atau jenazah dan lain-lain lagi. Kalau amalan-amalan itu dilakukan mengikut adab dan tujuan yang dianjurkan syariat, semuanya dapat menambahkan iman.

Perlu pula diingatkan bahawa setiap dosa sama ada kecil apalagi besar adalah perosak dan peruntuh iman. Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَزْنِي الزَّانِي حِيْنَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Terjemahan: Bukanlah orang yang berzina ketika berzina itu seorang mukmin.

Ertinya .seorang yang sedang berzina itu, rosak dan hilanglah imannya. Maka bagi mereka yang betul-betul insaf memelihara dan meningkatkan imannya, janganlah melakukan dosa. Kalau terbuat, cepat-cepat istighfar, menyesal dan bertaubat.

Iman juga boleh berkurang sesudah naik atau boleh naik sesudah turun. Inilah sifat iman kebanyakan kita iaitu di peringkat iman ilmu. Sebab itu supaya tidak mengalami penunman, iman mesti selalu dibaja dengan berbagai cara yang banyak dihuraikan sebelum ini. Sesiapa yang rajin selamatlah ia. Sebaliknya siapa yang cuai, akan terimalah akibatnya.

6

Perkara-Perkara Yang Merosakkan Iman

SEPERKARA lagi yang perlu kita tahu ialah tentang perkara-perkara yang boleh merosakkan iman. Tujuannya ialah supaya kita dapat mengelakkan diri dari membuat perkara-perkara tersebut yang boleh merosakkan iman kita. Ada tiga perkara atau tiga cara iman itu boleh rosak:

1. Iktiqad.
2. Perkataan.
3. Perbuatan.

1. Iktiqad

Melalui iktiqad, iman boleh rosak dengan sebab-sebab antara yang berikut:

1. Kurang yakin atau ragu-ragu dengan satu atau lebih dari sifat-sifat yang wajib bagi Allah. Contohnya: Ragu dengan Qudrat (kekuasaan) Allah. Sebaliknya ia yakin bahawa ada kuasa lain yang boleh memberi bekas selain Allah.
2. Ragu dengan perkara-perkara ghaib seperti wujudnya malaikat, Hari Qiamat, Alam Barzakh, gyurga, Neraka dan lain-lain seumpamanya.
3. Ragu dengan satu atau lebih dari sifat-sifat nabi dan rasul.
4. Ragu tentang mampunya Islam, dengan panduan Al Quran dan Sunnah, sebagai pembawa keselamatan.

Secara ringkas, semua keraguan tentang perkara yang disuruh beriman dengannya oleh Allah, adalah membawa kepada rosaknya iman seseorang. Oleh itu amat perlu bagi tiap-tiap individu menilik ke dalarn hatinya, untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang keraguan olehnya kepada perkara-perkara yang dikehendaki meyakininya.

2. Perkataan

Iman boleh juga rosak melalui perkataan. Ianya boleh berlaku sama ada sedar atau tidak. Antara perkataan-perkataan yang boleh merosakkan iman ialah:

1. Mengatakan Allah itu kejam, zalim, tidak adil dan lain-lain yang mencacatkan kesempurnaan sifat Allah.
2. Mengata dan mencaci Rasulullah sama ada tentang perkataan, perbuatan dan seluruh ajaran baginda.
3. Mengatakan syariat Islam tidak sesuai untuk semua zaman. Ia hanya sesuai untuk "zaman unta" dan sebagainya.
3. Menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Contohnya: Menghalalkan riba, zina, arak, judi dan lain-lain. Mengharamkan poligami dan lain-lain.

Secara ringkas, bolehlah dikatakan apa sahaja perkataan yang dikeluarkan berbentuk cacian dan penghinaan pada kemuliaan dan kebenaran Islam, sama ada sengaja atau tidak, adalah merosakkan iman seseorang. Jadi, sebagai langkah berjaga-jaga perlulah kita berhati-hati dalam bercakap, dan jagalah perkataan yang keluar dari mulut kita. Di samping itu kita mendalami pengetahuan tentang apa-apakah bentuk perkataan yang boleh membawa kepada rosaknya iman kita.

3. Perbuatan

Kerosakan iman boleh juga berlaku kerana perbuatan kita. Di antara perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan iman ialah:

1. Sujud pada selain Allah, sama ada pada patung, pokok kayu, matahari, bulan dan lain-lain.
2. Meraikan dan membesarkan hari-hari agama lain.

Seseorang yang melakukan salah satu dari tiga cara di atas, dalam sedar dan yakin, adalah seorang yang telah rosak imannya. Dengan kata lain ia telah murtad. Ini adalah dosa terbesar. Dosa yang tidak terampun. Firman Allah:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa syirik sebaliknya Dia mengampuni dosa-dosa selainnya pada sesiapa yang Dia kehendaki.
(An Nisa': 116)

Kerana itu seseorang yang telah murtad wajiblah bertaubat. Syarat-syarat taubat orang murtad ada dua.

1. Mengucap dua kalimah syahadah.
2. Membaharui dan membetulkan keyakinan tentang apa yang telah diragukan, dikatakan atau dilakukan.

Hanya dengan memenuhkan syarat-syarat ini sahaja dosa akan diampun dan amal ibadah akan dinilai oleh Allah SWT.

7

Benteng-Benteng Imat-

SEBUTIR biji benih yang kita semai, yang kita harapkan ia tumbuh, membesar dan berbuah, mestilah dipagari, untuk mengawalnya dari serangan musuh-musuhnya. Tanpa pagar yang kukuh dan sempurna, musuh-musuh tanaman akan merosakkan juga membunuh pokok-pokok itu dan kita tidakakan memperolehi hasilnya lagi. Waktu itu janganlah musuh-musuh itu disalahkan, tetapi salahkanlah diri sendiri yang tidak menjalankan tugas mengawal pokok itu.

Demikian satu ibarat yang boleh memahamkan kita bahawa iman sesudah diusaha mencarinya, wajib pula diusahakan memagarinya, guna mengawal dari serangan musuh. Tanpa pagar atau benteng yang kukuh dan sempurna, iman sentiasa terancam oleh musuhnya nafsu dan syaitan dan kita akan sentiasa kehilangan iman. Waktu itu janganlah nafsu dan syaitan disalahkan, tetapi salahkanlah diri sendiri yang cuai mendirikan benteng iman.

Maknanya dalam Islam, kita tidak sahaja disuruh beribadah dan mujahadah guna mendapat iman, tetapi diwajibkan juga beribadah untuk memelihara dan mengawal iman. Ibadah yang dimaksudkan dapat mengawal iman ialah dengan mendirikan benteng iman. Benteng iman ada lima iaitu:

1. Yakin.
2. Ikhlas.
3. Mengerjakan amalan sunat.
4. Istiqamah beramal.
5. Bertatasusila atau berdisiplin.

YAKIN

Benteng yang pertama dan terpenting ialah yakin. Adapun sebabnya mengapa yakin mendahului ikhlas dan lain-lain ialah kerana yakinlah yang menjamin sahnya iman seseorang. Tanpa yakin, iman tidak sah. Dan kalau iman tidak sah, ibadah-ibadah lain tidak ada erti apa-apa lagi. Begitu pentingnya yakin. Apa yang hendak diyakinkan itu? Yakinkan Allah dengan segala sifat-sifat-Nya, malaikat-malaikat, kitab-kitab dengan segala ayat-ayat dan hukum-hukum, rasul-rasul tanpa menolak kerasulan salah seorang daripada mereka, Hari Qiamat dengan semua persoalan tentangnya dan yakin dengan qada dan qadar itu dari Allah dan tidak ada satu kuasa lain yang boleh mengubah ketentuan daripada Allah.

Meyakini keenam-enam perkara itu dengan sebenar-benar keyakinan adalah syarat penting untuk sahnya iman seseorang. Sebaliknya, kalau satu sahaja perkara itu diragui, maka rosaklah iman. Ini berpandukan satu kaedah dalam ilmu feqah yang mengatakan kufur yang sedikit samalah seperti mengkufuri semuanya. Dalam Islam, kalau ada perkara-perkara tertentu sahaja dari rukun iman yang tidak diyakini, ia dikira tidak beriman.

Contohnya, kita salin sepotong ayat Quran yang berbunyi:

Terjemahan: Barang siapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan melepaskannya daripada kesusahan hidup dan memberikan rezeki daripada umber yang tidak diduga.

(At Thalaq: 2,3)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam Al Ghazali menulis:'

"Orang yang benar-benar bertaqwa akan memperolehi rezeki harian dan keperluan hidup yang asasi tanpa melalui usaha dan ikhtiar lagi. Allah akan datangkan rezeki padanya daripada jalan yang tidak disangka."

Setelah membaca maksud dan tafsir ayat Quran di atas, katakanlah ada seorang yang kurang yakin dengannya. Mungkin dalam pengalamannya ia tidak pemah mendapat rezeki tanpa usaha maka ia ragu-ragu dengan satu ayat ini. Kalau begitu, menurut kaedah yang ditulis di atas, orang itu dikira tidak beriman. Walaupun ia kufur hanya dengan satu ayat, tetapi ia dikira kufur dengari semuanya. Maknanya ia kafir.

Keyakinan adalah perlu dan penting. Oleh itu wajiblah kita belajar dan berusaha menyuburkan keyakinan kita. Jangan biarkan sedikit pun keraguan mencelah keyakinan kita. Keraguan mesti dilawan dengan ilmu yang benar bukan dengan akal sahaja.

Syaitan sentiasa menggunakan akal dan nafsu manusia untuk meragu-ragukan dan mewas-waskan kita. Tanpa ilmu yang benar dan menyeluruh kita akan terperangkap dalam perangkap syaitan. Kalau terperangkap dalam perangkap lahir, seperti tidak sembahyang, tidak berzakat, berjudi, rasuah, kita hanya berdosa; maknanya tidak kekal dalam Neraka, tetapi kalau terperangkap dalam perangkap batin, sedikit sahaja ragu-ragu itu mencelahi keyakinan, habislah iman. Hapuslah semua pahala amal. Matilah sebagai orang kafir dan akan kekal dalam Neraka.

Untuk mengelak dari terjebak dalam nasib seburuk itu, eloklah dari sekarang diusaha dirikan benteng iman yang pertama ini iaitu yakin. Untuk itu perlulah ada ilmu. Ilmu tauhid yang menjadi fardhu ain. Hanya dengan ilmu itulah sahaja kita dapat menolak segala hasutan syaitan yang tidak pemah putus asa berjuang menghapuskan iman kita.

IKHLAS

Benteng iman yang kedua ialah ikhlas. Seperti yakin, ikhlas juga sangat penting. Tanpa ikhlas, sesuatu amalan akan tertolak, tetapi kalau tidak ikhlas, hanya amalan yang tidak ikhlas itulah sahaja yang tertolak. Amalan lain kalau ikhlas tetap diterima Allah.

Ikhlas ialah meniatkan apa yang dibuat dan apa yang ditinggalkan dengan kerana Allah. Ertinya apa sahaja perintah Allah yang kita buat, sama ada fardhu ain, fardhu kifayah, sunat muakkad, sunat ghairi muakkad atau harus mestilah diniatkan kerana Allah. Kalau tidak diniatkan kerana Allah, amalan itu dikira tidak ikhlas. Sesuatu amalan yang tidak ikhlas adalah tertolak, tidak diberi pahala dan sia-sia. Kita lihat beberapa contoh bagaimana amalan yang ikhlas dan amalan yang tidak ikhlas.

1. Usaha mencari duit atau meninggikan taraf ekonomi baik secara individu atau secara jemaah, kalau diniatkan kerana Allah (sebab ianya satu perintah Allah berbentuk fardhu kifayah) adalah dikira ikhlas. Sebaliknya kalau kerja itu diniatkan untuk kaya, untuk bertanding dengan orang lain atau untuk prestasi kaum, adalah dikira tidak ikhlas.

2. Menuntut ilmu kalau diniatkan kerana Allah adalah ikhlas, sebaliknya menuntut ilmu kalau diniatkan untuk pandai, untuk dapat pengiktirafan manusia berbentuk sijil atau ijazah serta berlumba-lumba dan seterusnya untuk dapat pangkat dan Wang, maka amalan itu dikira tidak ikhlas.

3. Arak dan judi kalau ditinggalkan kerana Allah akan dikira ikhlas. Sebaliknya kalau kejahatan itu tidak dibuat hanya kerana kebiasaan, atau kerana takutkan akibat buruk yang datang darinya atau kerana tidak ada duit, maka ia dikira tidak ikhlas.

Dengan contoh-contoh tadi dapatlah diqiaskan dengan amalan-amalan lain. Dan ingatlah bahawa sesuatu amalan yang tidak ikhlas tidak akan diterima Allah. Sebagai bukti cuba perhatikan maksud Hadis berikut:

> ***Abu Hurairah r.a berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Yertama yang akan diperhitungkan di Akhirat ialah seorang yang mati syahid. Setelah dihadapkan ke hadrat Tuhan lalu ditanya, "Apakah perbuatan kamu terhadap nikmat itu?" Jawabnya, "Aku telah berjihad untuk-Mu hingga mati syahid." Berfirman Tuhan: "Engkau telah*** dusta. ***Engkau*** berjuang ***bukan kerana*** Aku ***tetapi kerana ingin terkenal sebagai pejuang dan disebut-sebut tentang keberanian dun ketokohanmu. Dan engkau telah perolehi itu semua." Maka Allah perintahkan orang itu diseret ke dalam api Neraka.***
>
> ***Orang kedua ialah seorang yang telah*** banyak ilmu ***dun pandai serta mengajar tentang Al Quran, ketika dihadapkan kepada Tuhan ia ditanya, "Apakah yang telah kamu perbuat terhadap*** semua ***itu?" Jawabnya, "Aku telah pelajari ilmu dan mengajarkannya." Berfirman Tuhan: "Engkau dusta. Engkau belajar kerana ingin terkenal sebagai seorang alim dun engkau baca Quran kerana ingin dikenal sebagai seorang qari dun*** semua ***itu telah engkau perolehi." Maka Allah memerintahkan supaya dia diseret ke dalam api Neraka.***
>
> ***Orang ketiga ialah hartawan yang memiliki*** segala jenis ***kekayaan. Ketika dihadapkan kepada Tuhan, ia ditanya, "Apakah amalanmu terhadap semua hartamu itu?" Jawabnya, 'Aku telah gunakan untuk*** semua ***urusan di jalan-Mu dan semata-mata kerana-Mu Tuhan." Berfirman Tuhan: "Engkau dusta. Engkau membelanjakan hartamu adalah kerana***

inginkan supaya dikenali sebagai seorang hartawan dan engkau telah perolehi itu." Maka Allah memerintahkan supaya ia diseret ke dalarn api Neraka.

Demikian ketentuan Allah. Satu ketentuan yang pasti dan kita akan menghadapinya satu hari nanti. Hari di mana manusia tidak boleh berdolak-dalih lagi. Hari di mana kita terpaksa menerima akibat dari usaha kita sendiri. Di hari itu orang-orang yang tidak ikhlas akan melolong memekik dan menyesal kerana amalannya tertolak. Dia sangka dia dapat membohongi Allah, rupanya tidak, Allah lebih tahu darinya tentang gerak hatinya sendiri.

Dari itu, marilah kita insaf dari sekarang, betulkan niat kita ketika melakukan sesuatu amalan. Pohon dari Allah agar diberi-Nya hati yang ikhlas. Dalam satu Hadis Qudsi Allah berfirman yang bermaksud:

الاِخْلاَصُ سِرٌّ مِنْ اَسْرَارِيْ اسْتَوْدَعْتُهُ قَلْبَ مَنْ اَحْبَبْتُهُ مِنْ عِبَادِيْ

Terjemahan: Ikhlas adalah satu rahsia dalam rahsia-rahsia-Ku. Aku ***titiskan ia dalam hati hamba-hamba-Ku yang*** Aku ***kasihkannya.***

(Riwayat: Abu Hasan Al Basri)

Kerana ikhlas itu satu rahsia Allah tentulah tidak mungkin kita dapat mengetahui siapakah yang ikhlas dan siapa yang tidak. Malah diri kita sendiri pun kadang-kadang susah untuk dipastikan apakah sesuatu amalan kita itu ikhlas atau sebaliknya. Tetapi yang anehnya, orang-orang kita selalu membahasakan dirinya ikhlas. "Saya ikhlas," katanya. Sebenamya tidak boleh begitu.

Dalam Islam, orang yang mengaku baik itulah orang yang tidak baik. Misalnya dia berkata "Saya kuat iman. Saya dermawan, saya amanah", tetapi sebenamya dia tidak begitu.

Pengakuan-pengakuan begitu selalu dibuat oleh orang-orang yang tidak berakhlak.

Walaupun ikhlas adalah rahsia, namun Islam ada membuat satu garis panduan untuk kita mengukur hati kita dan membentuknya supaya benar-benar ikhlas. Caranya, orang puji atau orang keji amalan kita, kita rasa sama sahaja. Pujian tidak membanggakan, kejian tidak menyusahkan. Itulah tanda ikhlas. Maknanya, amalan itu betul-betul dibuat kerana Allah. Sebab itu kalau manusia keji, caci atau hina, hati tidak pun cacat tidak timbul perasaan marah, dendam atau ingin melawan dengan orang yang menghina itu.

Begitu juga, kalau orang puji, pujian tidak berbekas di hatinya; tidak timbul rasa bangga, puas hati dan tidak juga bertambah kasih sayang pada orang yang memuji itu disebabkan pujiannya. Bagi orang-orang yang ikhlas, pujian dan kejian tidak pernah difikirkan apalagi hendak diharapkan. Mereka sangat takut kalau-kalau Allah menolak amalan dan memurkai mereka. Sebaliknya mereka sangat ingin Allah menerima baik amalan-amalan mereka serta meredhai mereka.

Sayidina Ali k.w. ketika musuhnya meludahi mukanya, terus dilepaskannya peluang untuk mengalahkan musuh itu. Bila ditanya kenapa dia berbuat begitu, terus dijawab, “Aku bimbang kalau-kalau pukulanku sesudah ludahnya itu adalah kerana marah bukan kerana Allah.”

Demikian satu contoh bahawa orang yang ikhlas sanggup mengenepikan kepentingan sendiri dalam usaha mencari keredhaan Allah. Mereka tidak bimbang nasib diri, rugi atau untung, orang keji atau puji, menang atau kalah, yang penting supaya Allah menerima baik amalan mereka.

Rasulullah SAW kerana menganjurkan sifat ikhlas telah bersabda bermaksud:

أَحْسِنْ إِلَى مَنْ أَسَاءَ إِلَيْكَ

Terjemahannya: Berbuat baiklah pada orang yang berbuat jahat kepada kamu.

Seseorang yang benar-benar mencari keredhaan Allah, akan sentiasa mencari peluang untuk berbakti pada-Nya. Ketika orang lain bertindak jahat pada mereka, mereka akan merasa berpeluang untuk dapat pahala dan kasih sayang Allah. Sebab itu kejahatan orang diterima baik dan dibalasi dengan kebaikan pula.

Ini benar-benar berlaku di kalangan orang-orang soleh dan ***muqarrobin;*** ketika mendengar orang menghina mereka, terus dihantamya hadiah pada orang itu. Bila ditanya apa tujuan hadiah itu diberi, jawapan mereka ialah: "Orang yang menghina kita sebenarnya memberi pahala pada kita. Memberi pahala samalah seperti memberi, Syurga. Jadi untuk membalas pemberian yang begitu besar pada kita, patut sangatlah kita menghadiahkan sesuatu kepadanya."

Begitu hati yang ikhlas. Dia tidak melatah kalau orang mencabar, malah cabaran itu mendekatkan dirinya pada Allah. Untuk mendapatkan hati yang ikhlas bukanlah sesuatu yang mudah. Tanpa usaha yang sungguh-sungguh kita akan sentiasa tewas di tangan syaitan yang sentiasa nekad untuk menjatuhkan kita. Ingatlah ketika Allah SWT melaknati Iblis. Lalu ia merayu untuk menyesatkan semua anak cucu Nabi Adam a.s. Kerana itu Allah SWT membenarkannya, namun Iblis mengakui:

Terjemahannya: Jawab Iblis: "Demi kekuasaan Engkau, aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba-Mu yang ikhlas di antara mereka."

(Sod: 82-83)

Dengan itu syaitan akan merasuk semua orang supaya derhaka pada Allah. Dan semua orang akan mengikutnya kecuali mereka-mereka yang memiliki hati yang ikhlas.

Orang yang tidak ikhlas, sekalipun tuan guru, tuk kadhi, tuk imam, ustaz atau ustazah pasti Allah biarkan pada syaitan. Bila Allah biarkan pada syaitan, Nerakalah tempatnya.

Oleh itu berhati-hatilah. Pohonlah pimpinan Allah selalu serta mujahadahlah terhadap nafsu dan syaitan, supaya setiap amalan yang kita lakukan adalah kerana dan untuk Allah semata-mata. Hanya dengan cara itulah sahaja kita akan selamat.

MENGERJAKAN AMALAN SUNAT

Benteng iman yang ketiga boleh didirikan dengan mengerjakan amalan-amalan sunat. Maknanya dengan mengerjakan amalan-amalan sunat, iman akan terkawal. Bagaimana ini boleh terjadi? Sedangkan apa yang kita tahu amalan sunat tidaklah diberatkan. Kalau dibuat dapat pahala dan kalau ditinggalkan pun tidaklah berdosa. Mengapa pula ia boleh jadi benteng iman?

Sebenamya, amalan sunat mempunyai dua fungsi yang penting :

1. Menyempumakan amalan wajib.
2. Meninggikan pangkat dan darjat di Syurga.

Telah saya bincangkan sebelum ini bahawa semua ibadah yang Allah perintahkan adalah bertujuan mendatangkan iman. Semua ibadah yang dilakukan dengan sempuma akan menghasilkan iman yang juga sempuma. Sebaliknya kalau ibadah tidak sempuma, maka iman yang diperolehi pun tidak sempuma.

Sebab itu, dengan tujuan untuk menyempumakan iman maka diperintahkan manusia mengerjakan amalan tambahan ataupun ibadah sunat. Dengan ibadah sunat, kalau ada ibadah fardhu yang tidak sempuma akan jadi sempuma. Ibarat kain yang koyak perlulah ditampal dengan kain, kertas koyak ditampal dengan kertas, zing bocor ditampal dengan zing, demikianlah seterusnya.

Sembahyang kalau tidak sempurna mestilah ditampal dengan sembahyang sunat. Zakat disempumakan dengan sedekah, haji dengan umrah dan seterusnya. Kalaulah amalan fardhu yang tidak sempuma tetapi tidak pula disempurnakan dengan amalan sunat, maka orang itu tetap berdosa. Dan dosa balasannya Neraka. IJntuk mengelakkan dari seksaan itu, bagi kita yang ibadah belum sempuma ini, elok sangatlah membanyakkan amalan sunat. Sembahyang fardhu yang selalu tidak khusyuk disempumakan dengan sembahyang sunat. Puasa sunat untuk menyempumakan puasa wajib yang tidak sempuma. Sedekah dan derma untuk menyempumakan zakat yang tidak lengkap. Demikianlah juga kalau mampu mengerjakan umrah untuk menyempumakan haji yang cacat.

Mengikut kaedah feqah, seseorang yang amalan wajibnya tidak sempuma, maka amalan sunatnya bukan lagi sunat tetapi jadi wajib ***'aradhi*** (wajib mendatang). Sebab ia boleh menyempumakan amalan wajib. Tetapi hukum ini tidak boleh diisytiharkan sebab kita tidak tahu siapa-siapakah yang amalan fardhunya tidak sempuma. Allah sahajalah yang tahu dan hanya Dia nanti akan menentukan siapakah dia yang amalan sunatnya dianggap wajib atau sebaliknya.

Bagi orang-orang yang sudah sempuma amalan wajibnya, maka kalau ada amalan sunatnya ia akan menambahkan pangkat dan darjat di Syurga. Inilah fungsi kedua ibadah sunat. Janganlah ianya dianggap sesuatu yang enteng. Di dunia ini kita berlumba-lumba untuk naik pangkat kenapa tidak di Syurga nanti? Patutnya berlumba-lumbalah dari sekarang untuk meninggikan pangkat kita di Syurga dengan membanyakkan amalan sunat.

Dalam mengerjakan amalan-amalan sunat, Rasulullah SAW ada memberi panduan dengan sabda baginda yang bermaksud:

Orang yang paling kuat ibadah ialah orang yang warak sekalipun sedikit amalan sunatnya.

Ertinya, seseorang yang warak tidak melakukan maksiat adalah dikira sebagai orang yang banyak ibadah walaupun ibadah sunatnya tidaklah banyak. Sebaliknya seseorang yang melakukan maksiat, walaupun banyak amalan sunatnya tidaklah dikira sebagai orang yang benar-benar berbakti kepada Allah. Sebabnya adalah: meninggalkan maksiat adalah fardhu sedangkan sunat tidaklah setinggi fardhu.

Apa yang dapat kita pelajari dari Hadis ini ialah amalan sunat mestilah dibuat serentak dengan perjuangan meninggalkan larangan Allah. Kalau tidak ibadah itu akan hilang dalam dosa yang kita buat. Hasilnya sepertilah kita tidak beramal langsung. Sia-sia. Rasulullah SAW bersabda lagi yang maksudnya:

Orang yang zuhud dan warak itulah dia wali Allah yang sebenar.

Maksud baginda dengan Hadis ini ialah tingginya darjat seseorang di sisi Allah bukanlah kerana banyaknya amalan lahir sahaja tetapi adalah kerana hati yang benar-benar takut pada Allah. Bukti bahawa hati itu takut pada Allah ialah terpancarnya sifat zuhud dan warak.

Zuhud ialah takut untuk berlebih-lebihan dengan harta dan nikmat Allah. Nikmat Allah bukan sahaja duit, harta, kain baju dan makanan tetapi yang lebih penting dari itu ialah kebesaran dan kemegahan. Ada orang boleh sabar dengan kain baju dan makanan tetapi sangat ingin pada pangkat dan kemasyhuran. Orang ini sebenarnya tidak zuhud sebab dia tidak takut Allah kalau-kalau dia terlebih menggunakan nikmat itu.

Orang yang warak pula ialah orang yang takut pada Allah untuk melakukan sebarang dosa. Kerana itu bukan sahaja dosa besar yang dia tidak buat, dosa kecil pun dia jauhi. Dengan hati yang zuhud dan warak barulah amalan fardhu dan sunat seseorang akan bernilai di sisi Allah.

Apa yang dapat kita faham dari Hadis ini, bahawa matlamat ibadah itu adalah untuk membentuk hati supaya bersih dan dekat dengan Allah. Dengan kata lain, beribadah ialah untuk mendapatkan iman. Sebab itu kita dianjurkan supaya membanyakkan amalan sunat dengan tujuan membaiki hati dan menambah iman. Dan kalau amalan sunat tidak pun memberi kesan demikian, maka waktu itu amalan sunat itu adalah sia-sia. Tidak berguna apa-apa. Sebab itu Imam Ghazali ada berkata:

"Tidak mengapa tidak sembahyang tahajud di malam hari asalkan tidak membuat maksiat di siangnya."

Kalau sembahyang tahajud tidak dapat menghalang dari maksiat, maka lebih baiklah tidak tahajud asalkan tidak membuat maksiat. Ertinya sembahyang tahajud tidak ada nilai di sisi Allah kalau di waktu lain masih menderhakai-Nya.

Oleh itu tugas kita sekarang ialah memastikan bahawa setiap bertambahnya amalan sunat, maka berkuranglah maksiat dan derhaka kita pada Allah. Kalau tidak begitu, yakinlah bahawa amalan sunat kita itu bukan lagi jadi benteng iman tetapi jadi perangkap syaitan untuk kita memasuki Neraka Allah.

ISTIQAMAH BERAMAL

Sikap istiqamah (tetap) beramal adalah benteng iman yang keempat. Seseorang yang memiliki sikap ini sebenamya telah mendirikan benteng untuk mengawal imannya daripada gangguan musuh. Sebaliknya tanpa sikap ini seseorang telah membuka satu pintu kepada musuh untuk masuk ke hati dan merosakkan imannya. Bagaimana ini boleh terjadi?

Telah saya katakan berulang kali bahawa tujuan ibadah itu adalah untuk membuahkan iman dan akhlak. Kalau tidak begitu, ibadah itu tidaklah bererti apa-apa. Amalan yang membuahkan iman dan akhlak itu adalah benteng yang menjaga iman. Maka melaksanakannya secara tetap dan ber-

terusan akan menetapkan iman dan akhlak itu pada hati kita. Sebaliknya, kalau amalan yang berbuah itu dilakukan kadang-kadang dan tidak teratur, maka tentulah iman itu juga tidak terjamin keselamatannya. Di waktu amalan itu kita lakukan iman akan tinggi, tetapi ketika amalan itu ditinggalkan iman akan rendah serendah-rendahnya.

Oleh itu supaya iman sentiasa ada dan stabil, sikap istiqamah beramal adalah penting. Ia akan bertindak sebagai benteng yang dapat memelihara dan menyelamatkan iman" daripada serangan musuh, nafsu dan syaitan.

Sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُ الاَعْمَالِ اَدْوَمُهَا وَاِنْ قَلَّ

Terjemahannya: Sebaik-baik amal ialah amalan yang kekal, walaupun sedikit.

Yang penting dalam beramal ialah mengekalkan amalan itu. Biarlah sedikit asal dikekalkan (istiqamah), daripada banyak amalan tetapi tidak kekal. Tetapi yang lebih baik daripada itu ialah banyak dan kekal. Kalau tidak mampu banyak, cukuplah sedikit asal kekal daripada banyak tetapi tidak kekal.

Contohnya: Membaca Al Quran; cukuplah lima baris sekali baca dengan dibuat tiap-tiap hari daripada lima juz sekali baca tetapi dibuat sebulan sekali. Sembahyang sunat cukuplah tiap-tiap malam dua rakaat daripada sebulan sekali walaupun seratus rakaat. Sedekah; biar 10 sen tiap-tiap hari' daripada $10.00 tetapi setahun sekali.

Kebaikan dari sikap istiqamah ini ialah:

1. Amalan yang dibuat secara istiqamah akan berkesan. Umpama setitik air kalau terus-menerus memukul batu, lama-kelamaan .akan melekukkan batu. Sebaliknya kalau banjir sekalipun, tetapi hanya sekali datangnya, tentu tidak berbekas pada batu.

2. Tujuan beramal ialah untuk membuahkan iman dan akhlak. Setiap kali kita beramal kita akan merasai nikmat buahnya itu. Jadi kalau sesuatu amalan itu kita kekalkan, maknanya kita akan sentiasa dapat menikmati nikmatnya. Nikmat inilah yang akan memelihara iman kita.

3. Musuh kita nafsu dan syaitan tidak pernah rehat daripada memusuhi kita. Dengan istiqamah, barulah seimbang pertahanan kita terhadap musuh. Maknanya kita juga tidak pernah berehat mempertahankan iman kita.

Imam Ghazali mengingatkan: ***"Banyakkanlah olehmu akan amalan yang terasa berbekas di hati."***

Lain orang lain hatinya, maka lain pulalah minat dan kegemaran beramal. Ada orang seronok dengan zikir ***Alhamdulillah.*** Maknanya bila sebut ***Alhamdulillah*** terasa di hati lazatnya zikir. Maka untuk orang ini banyakkanlah zikir tersebut. Orang lain pula rasa lazat dengan puasa. Maka banyakkanlah puasa sunat. Seterusnya ada orang yang terasa lazat dengan berfikir. Bila berfikir terasa bertambah iman. Maka banyakkanlah berfikir.

Kebaikan dari sikap ini ialah apabila sesuatu amalan itu dilakukan dengan suka dan rela, ia akan lebih berkesan dan tidak menjemukan. Orang yang beramal kerana terpaksa dan ikut-ikutan tidak akan memperolehi apa-apa kesan baik sebaliknya akan mudah terasa jemu. Orang yang jemu beramal akan putus hati dengan Allah.

Bila putus hubungan hati dengan Allah, orang itu sedang berada dalam kemurkaan Allah. Allah berfirman dalam hadis Qudsi yang maksudnya:

> ***Hai hamba-Ku, mengapa kamu jemu beramal sedangkan Aku tidak pernah jemu memberi pahala padamu?***

Allah SWT sentiasa bersedia untuk melimpahkan rahmat dan pahala pada kita, mengapa kita tidak mempedulikannya?

Untuk mengelak dari sikap itu, kita mesti berhati-hati dalam beramal. Jangan beramal kerana ikut-ikut orang dan kerana terpaksa. Tilik dahulu hati dan minat kita, kemudian pilihlah amalan yang betul-betul sesuai, kemudian baru lakukan. Kalau tidak, lama-kelamaan, penyakit jemu beramal akan menyerang kita.

Bila jemu, banyaklah yang boleh berlaku. Ada yang langsung meninggalkan amalan itu. Ada pula yang langsung benci dengan Islam. Sebab itu selalu berlaku orang lari meninggalkan jemaah Islam, pergi meneruskan hidup yang sesuai dengan nafsu dan syaitan.

Dalam beramal elok dipraktikkan teori: biar sedikit tetapi banyak jenis daripada banyak tetapi satu jenis. Mencari keuntungan Akhirat samalah seperti mencari keuntungan di dunia. Di dunia macam-macam yang kita buat; berniaga, tanam padi, tanam sayur, tangkap ikan dan temak binatang. Kalau satu daripada usaha itu mengalami kerugian, kita masih boleh bergantung pada usaha-usaha yang lain. Tetapi kalau kerja kita satu jenis sahaja, katakanlah berniaga sahaja, tiba-tiba kita rugi, akan menderitalah kita waktu itu.

Begitulah juga halnya dalam mencari keunhmgan hidup di Akhirat. Elok kita beramal banyak jenis seperti sembahyang, puasa, sedekah, zikir, baca Quran, tolong-menolong, berdakwah dan lain-lain yang dianjurkan oleh syariat. Katalah ada di antara amalan itu tidak diterima oleh Allah, masih ada yang lain yang boleh kita harapkan. Tetapi kalau satu jenis sahaja amalan kita, tiba-tiba yang satu itu tidak diterima, apalagi yang boleh diharapkan? Oleh itu cuba jangan tumpukan amalan kita pada satu jenis sahaja. Usahakan supaya banyak jenis, biarlah sedikit asalkan istiqamah.

BERTATASUSILA / BERTERTIB

Dalam beramal yang perlu diperhatikan ialah sikap tata susila atau tertib. Iaitu beradab sopan sebagaimana yang diajarkan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada kita. Sifat ini

penting, tanpanya amalan kita tidak akan memberikan hasil apa-apa. Sebab itu ia dijadikan benteng iman yang kelima. Ertinya dengan sikap ini iman kita akan terpelihara dan selamat. Sebaliknya tanpa sikap ini iman kita tidak terjamin keselamatannya. Malah kita akan berada dalam dosa dan kemurkaan Allah.

Saya akan senaraikan beberapa contoh bagaimanakah adab-adab beramal yang dikehendaki oleh Allah SWT:

1. Sembahyang

Sembahyang mempunyai adab lahir dan batin. Adab lahir ialah berlaku tertib, tenang dan diam semua anggota, umpama tentera yang terpacak kaku kerana memberi tabik hormat pada ketuanya.

Pemah suatu ketika Rasulullah melihat seorang lelaki bermain-main janggutnya dalam sembahyang lalu baginda bersabda:

لَوْ خَشَعَ قَلْبُ هَذَا لَخَشَعَتْ جَوَارِحُهُ

Terjemahan: Andainya hati lelaki itu khusyuk tentulah seluruh anggotanya turut khusyuk.

(Riwayat: At Tarmizi)

Orang yang menggerak-gerakkan anggotanya semasa sembahyang sebenamya tidak beradab dengan Tuhannya. Adab batin ialah khusyuk. Khusyuk bolehlah diertikan sebagai tertumpunya perhatian, fikiran dan perasaan hanya pada Allah dengan rasa penghambaan dan penyerahan rasa cinta, takut dan harap pada Allah SWT. Dengan keadaan jiwa yang begitulah baru sembahyang itu dapat mendatangkan kekuatan yang mampu menolak segala sifat keji dan mungkar, sebagaimana firman Allah:

Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada pekerjaan yang keji dan mungkar.

(Al Ankabut: 45)

2. Sedekah

Satu amalan yang dapat melatih jiwa bersifat pemurah ialah sedekah. Tetapi sifat baik itu tidak juga datang kalau amalan sedekah itu'dilakukan tanpa adab yang baik. Allah SWT ada mengingatkan dengan firman-Nya:

قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَآ أَذًى

Terjemahan: Perkataan yang baik dan pemberian maaf, lebih baik daripada sedekah yang diiringi dengan* sesuatu *yang menyakitkan (perasaan si penerima).

(Al Baqarah: 263)

Ertinya, lebih baik tidak bersedekah kalau sedekah itu diiringi dengan celaan dan kutukan pada orang yang meminta. Demikian peraturan yang Allah tentukan. Kalau peraturan ini kita langgar, kita tidak akan memperolehi apa-apa dari pengorbanan itu.

3. Menyambut Tetamu

Ketika kita didatangi tetamu, ada adab-adab yang telah Islam gariskan sebagai panduan. Bersabda Rasulullah SAW:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

Terjemahan: Barang siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Qiamat maka hendaklah ia memuliakan tetamu.

(Riwayat: Al Bukhari dan Muslim)

Orang yang berziarah ke rumah kita adalah tetamu kita. Tidak dikira beriman seseorang yang tidak melayan dan tidak memuliakan tetamunya.

4. Berdakwah

Nabi Muhammad SAW menyuruh semua umatnya berdakwah dengan sabda baginda yang bermaksud:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Terjemahan: Sampaikanlah dariku walau sepotong ayat.

(Riwayat: Al Bukhari)

Dalam usaha menyampaikan itu kita tidak boleh ikut suka sahaja. Mesti ada sikap hormat-menghormati dan timbang rasa sesama manusia sekalipun dengan orang kafir. Tanpa sikap ini jangan harap kita akan mendapat hasil yang baik sebaliknya kita akan berdosa dan mendapat kemurkaan Allah. Oleh itu berdakwahlah kerana Allah dan gunakan kaedah yang telah ditentukan:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ

Terjemahan: Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat-nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka itu dengan cara yang paling baik.

(An Nahl: 125)

Ketika Nabi Musa dan Nabi Harun diperintahkan berdakwah kepada Firaun, Allah berpesan pada mereka dengan firman-Nya:

فَقُولَا لَهُۥ قَوۡلٗا لَّيِّنٗا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوۡ يَخۡشَىٰ

***Terjemahan**: Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut.*

(Thaha: 44)

Begitu derhakanya Firaun pada Allah, pun disuruh berlemah-lembut. Inikan pula kita berdakwah pada ibu bapa dan saudara-mara, mestilah lebih lembut dan lebih sabar.

5. Berperang

Dalam Islam ada perintah perang. Firman Allah:

***Terjemahan**: Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.*

(Al Baqarah: 190)

Adab berperang jangan melampaui batas. Ertinya jangan dibunuh kanak-kanak, orang-orang perempuan dan orang-orang yang tidak melawan seperti paderi-paderi yang sedang beribadah dalam kuil-kuil mereka (sekalipun kafir). Rasulullah ketika melepaskan tenteranya ke medan perang selalu berpesan .agar menjaga adab ini malah bagi baginda

kalau ada pohon yang sedang berbuah pun tidak boleh ditebang.

Begitu adab dan akhlak yang dikehendaki Islam. Dan kita umat baginda wajib mematuhi dengan mengamalkannya. Jika tidak, tidak ada sebab mengapa Allah mesti melebihkan kita dari hamba-hamba-Nya yang lain. Kita adalah umat Islam. Kita mesti sentiasa buktikan bahawa Islam adalah tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Rasulullah SAW mengatakan:

الإِسْلَامُ يَعْلُو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ

Terjemahannya: Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya.

Di tangan kitalah terletak tugas untuk membuktikan tinggi atau rendahnya Islam itu. Kalau kita cuai, bukan sahaja orang lain, diri sendiri akan turut terlibat dalam akibat buruk yang akan Allah berikan.

8

Sifat-Sifat Orang Mukm

SETELAH kita bincangkan iman dari segala aspeknya, sebagai kesimpulan biar saya senaraikan serba sedikit tentang sifat-sifat yang ada pada orang-orang mukmin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya. Moga-moga dapat kita jadikan garis panduan untuk membina peribadi kita sebagai mukmin yang sebenar. .

Di dalam Al Quran banyak ayat-ayat yang menerangkan sifat-sifat orang mukmin. Saya akan petik beberapa ayat sahaja untuk dibincangkan. Saya yakin kalau yang sedikit ini dapat kita amalkan, insya-Allah yang banyak lagi akan mudah jadinya. Tetapi kalau yang sedikit ini pun tidak teramal, maka yang lain-lain lagi akan bertambah jauh.

Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ
فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ
أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾
فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ
هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ
عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Terjemahan: Sesungguhnya heruntunglah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang. Dan menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna. Dan orang-orang yang menunaikan zakat. Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal itu, tiada tercela. Maka barang siapa mencari di balik itu, mereka itulah orang yang meiampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janjinya. Dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya.

(Al Mukminun: 1-9)

Dalam ayat di atas Allah menyebut tujuh sifat yang menjadikan orang-orang mukmin itu menang dan beruntung. Maknanya kalau ketujuh-tujuh sifat itu ada pada kita, bergembiralah kerana kita telah beroleh kejayaan dan keuntungan yang sebenar. Sifat-sifat itu ialah:

1. Beriman

Iman yang dimaksudkan di sini ialah iman yang sempurna. Tentang iman yang sempuma telah diterangkan secara terperinci dalam Bab 2 buku ini.

2. Khusyuk Dalam Sembahyang

Ramai orang sembahyang tetapi tidak semua yang khusyuk. Untuk mengetahui khusyuk tidaknya kita dalam sembahyang, ada satu kayu pengukur yang Allah berikan dengan finnan-Nya:

Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar.

(Al Ankabut: 45)

Kalau kita masih membuat perbuatan-perbuatan yang kotor dan jahat, iaitu segala sesuatu yang dilarang Allah, maka kita termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak khusyuk. Kalau begitu, malanglah kita, Allah tidak akan membiarkan kita begitu sahaja. Telah berjanji Ia dengan firman:

Terjemahan: Neraka Wail bagi orang-orang yang sembahyang, yang mereka** itu **lalai dalam sembahyangnya (tidak khusyuk).

***(Al** Maaun: 4-S)*

Dengan ayat ini jangan pula kita menganggap Allah itu kejam. Sebenamya itulah keadilan Allah. Yang kejam dan yang selalu menzalimi diri kita ialah kita sendiri. Tujuan sebenar kita datang ke dunia ialah untuk menyembah Allah.

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

***Terjemahan: Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan** untuk **menyembah** Aku.*

(Az Zaariat: 56)

Begitu panjang masa Allah berikan kepada kita, yang kalau kita gunakan masa itu untuk belajar dan mendidik hati supaya khusyuk, tentu sudah dapat, tetapi tidak begitu; umur habis digunakan untuk belajar ilmu lain sahaja. Kita begitu fasih berbahasa Inggeris, tetapi buta dengan bahasa Al Quran, bahasa sembahyang, bahasa yang boleh mendekatkan

kita dengan agama, dengan Allah dan Rasul. Siapa yang salah? Masa masih ada, peluang masih terbuka. Cubalah usahakan supaya khusyuk dalam sembahyang dengan melakukan perkara-perkara berikut:

1. Yakin dengan Allah (sebagai Tuhan yang kita sem-. bah).
2. Cinta pada Allah.
3. Faham semua maksud bacaan dan perbuatan dalam sembahyang.
4. Elakkan makan dan minum barang-barang yang haram atau makruh atau syubhat (supaya hati tidak gelap).
5. Menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang tidak berfaedah (tidak berguna).

Semua perbuatan dan perkataan yang melalaikan kita dari Allah adalah tidak berguna. Bercakaplah berapa jam yang kita mampu, tetapi mestilah berfaedah dan tidak melalaikan kita dari Allah. Rasulullah memberi panduan dalam bercakap dengan sabda baginda yang bermaksud:

Sebaik-baik perkataan ialah sedikit dan bermanfaat.

Tidaklah bermakna hingga tidak boleh bercakap tetapi elakkan dari berbual kosong dan lebih-lebih lagi jangan gunakan mulut untuk memperkatakan perkara-perkara yang diharamkan.

Dalam segi perbuatan pula, elakkan dari perbuatan yang sia-sia dan melalaikan seperti main terup, main bola, badminton, gasing, wau dan lain-lain seumpamanya. Semua permainan ini sudahlah tidak mendatangkan apa-apa keuntungan duniawi, menambahkan pula lalainya kita dari Allah. Maka eloklah ditinggalkan.

3. Menunaikan Zakat

Harta kita sebenarnya hak Allah. Jadi janganlah cinta kita pada harta melebihi cinta kita pada Allah. Ertinya, atas perintah Allah, keluarkanlah sebahagian daripada harta itu untuk diberikan pada saudara-saudara kita yang sangat memerlukan.

4. Menjaga Kemaluan

Ertinya tidak berzina. Selain isteri-isteri, perempuan adalah haram (begitu juga selain suami, lelaki adalah haram). Berzina dalam Islam bukan sahaja kerana melakukan hubungan seks, tetapi ada zina mata, telinga, hidung dan lain-lain. Satu pandangan yang membangkitkan nafsu adalah zina mata. Satu pendengaran yang merangsangkan nafsu juga zina. Begitu juga bau-bauan yang memberahikan, adalah zina. Zina-zina ini dinamakan zina kecil. Zina-zina inilah yang membawa kepada zina besar. Sebab itu dalam Islam diharamkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Sebab sosial liar itulah yang memungkinkan manusia berzina kecil dan besar.

5. Memelihara Amanah dan Janji

Selain daripada amanah dan janji dengan manusia, kita semuanya sedang memegang amanah dan janji dengan Allah. Setiap kali mendirikan sembahyang kita berjanji dengan .Allah:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: Katakan sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.

(Al An'am: 162)

Sudahkah kita tunaikan janji itu sepenuhnya? Kalau belum, takutilah hati ketika Allah akan menuntut janji-janji kita ini. Tubuh badan kita, isteri, anak-anak, harta .dan semua yang sedang kita miliki adalah amanah Allah yang dipikulkan-Nya kepada kita. Akan tiba satu hari, Allah akan tarik kembali semua amanah itu dan kita akan ditanya; mata untuk apa digunakan? Mulut bagaimana dilakukan? Harta ke mana dihabiskan? Isteri, apa yang diberikan? Anak-anak bagaimana diajar dan dididik?

Kalau kita amanah, mempergunakan pemberian Allah sesuai sebagaimana yang dikehendaki-Nya, selamatlah kita. Tetapi kalau kita mengkhianati amanah Allah, Nerakalah balasannya.

6. Memelihara Sembahyang

Sembahyang adalah kewajipan kita. Telah Allah tetapkan ia sebanyak lima kali sehari semalam. Kalau dapat dipelihara kelima-limanya, dengan cara mengerjakannya dengan sempuma, di awal waktu, teratur, tetap, berjemaah dan istiqamah maka itulah sebaik-baiknya. Sebaliknya kalau sembahyang tidak dipelihara, tidak teratur, kadang-kadang tertinggal, kadang-kadang awal kadang-kadang akhir, terbiar, ikut jadi dan tidak sempuma, maka itulah orang yang cuai dan lalai.

Di akhir ayat tadi, Allah berfirman:

Terjemahan: Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi. Yakni yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.

(Al Mukminun: 10-l 1)

Dengan tujuh sifat yang Allah senaraikan tadi, seseorang akan dapat masuk ke Syurga Firdaus, Syurga yang tertinggi yang kelazatannya tiada tandingannya.

Sesungguhnya kita tidak layak untuk memasuki Syurga Firdaus, kita masih berdosa. Iman kita belum sempuma. Tetapi masakan kita tahan dengan seksa api Neraka? Tentu tidak. Oleh itu perlulah diperjuangkan sungguh-sungguh agar kita selamat. Pohon kasihan belas dari Allah untuk membantu kita mencapai apa yang diperintahkan-Nya itu.

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ
قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ
إِيمَـٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ .

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman itu ialah mereka yang apabila disebut 'Allah', gementar hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayat Allah, bertambahlah iman mereka dan kepada Tuhan, mereka bertawakal.

(Al Anfal: 2)

Apa yang ditekankan dalam ayat ini ialah keadaan hati orang-orang yang mukmin. Hati yang takut dan tawakal pada Allah. Orang mukmin tidak takut pada manusia dan sebarang makhluk; tidak takut dicaci, dibenci, diancam atau dihukum. Yang mereka takut ialah kebencian, kemurkaan dan hukuman Allah. Pada mereka tidak mengapa orang caci atau benci asalkan Allah tidak benci. Biarlah manusia hukum, asal Allah tidak hukum. Kesakitan dari hukuman manusia tidak-lah sehebat dan sesakit hukuman dari Allah.

Orang mukmin juga tidak menyandar nasib dir-i pada manusia atau pada harta tetapi pada Allah. Mereka tidak bimbang apa akan jadi esok, dan di hari tua. Allah ada.

Allah akan aturkan sebaik-baiknya. Mereka cukup yakin dengan firman Allah:

إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

***Terjemahan:* Jika kamu tolong Allah, nescaya Dia akan tolong kamu. Dan Dia akan menetapkan kedudukanmu.**

(Muhammad: 7)

Kerana yakin dengan pertolongan Allah, mereka tidak bimbang untuk berjuang menegakkan hukum Allah; tidak takut miskin, tidak takut kalah dan tidak takut mati. Lebih jauh daripada itu, orang-orang mukmin sangat cinta pada Akhirat, lebih daripada cinta pada dunia. Sebab itu kesusahan dunia tidak mencacatkan hati mereka. Malah mereka sanggup susah di dunia dari susah di Akhirat. Susah di dunia kerana menegakkan perintah Allah, akan Allah gantikan dengan kesenangan Syurga di Akhirat. Itulah harapan mereka. Fir-man Allah:

***Terjemahan:* Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin, bila mereka dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan, "Kami dengar dan kami taat." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.**

(An Nur: 51)

Sehubungan dengan ayat ini Allah SWT berfirman:

Terjemahan: Tidaklah patut orang mukmin sama ada lelaki mahupun perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu perintah, masih mereka mahu memilih-milih (yang ada kepentingan) pada urusan mereka. Ingatlah siapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dengan kesesatan yang nyata.
(Al Ahzab: 36)

Kedua-dua ayat ini menunjukkan orang mukmin sangat patuh pada perintah Allah. Dengar sahaja satu perintah, pasti dilakukan. Kadang-kadang suruhan atau larangan itu bertentangan dengan keinginannya tetapi tetap ditaati. Berat atau ringan bukan soal. Yang penting supaya mendapat keredhaan Allah dan menjauhi kemurkaan-Nya.

Di sini saya bawakan satu cerita yang boleh menggambarkan pada kita bahawa bagi orang mukmin, perintah Allah walaupun bertentangan dengan keinginannya, pasti ditaati.

Hatim al Assam suatu hari berziarah ke rumah tuan mufti di daerahnya. Sesampainya di rumah itu, didapati rumah itu besar, penuh dengan segala kelengkapan dan perhiasan yang bukan keperluan dan membazir. Beliau segera teringat pada firman Allah:

Terjemahan: Dan janganlah kamu membazir. Bahawasanya orang-orang yang membazir itu adalah daripada golongan syaitan dan syaitan itu sangat kufur pada Tuhan.

(AL Isra': 26 - 27)

Kerana itu berazamlah Hatim untuk mengingatkan tuan mufti tentang keterlanjuran itu. Dengan penuh hikmah dan bijaksana Hatim pun bertindak. Semasa sama-sama mengambil wudhuk, Hatim sengaja membasuh semua anggotanya sebanyak empat kali, lebih dari sepatutnya.

Ini telah menarik perhatian tuan mufti sehingga mufti itu berkata: "Kenapa saudara melebihkan basuhan anggota wudhuk saudara? Bukankah itu makruh dan membazir namanya?"

Mendengar itu Hatim tersenyum dan berkata: "Membazir sedikit air pun Islam tidak benarkan. Apalagilah membazir beribu-ribu ringgit untuk sebuah rumah dengan segala perhiasan yang tidak berguna, tentulah Islam tidak benarkan. Tuan, saya bimbang tuan akan dimurkai Allah kerana melakukan pembaziran yang sebegini besar."

Begitu sikap Hatim, seorang mukmin yang sebenar, mengingatkan saudaranya supaya sama-sama mentaati perintah Allah. Bukan ertinya Hatim tidak ingin pada rumah besar dengan kelengkapan yang mewah, tetapi dia melawan keinginannya kerana mematuhi perintah Allah. Hatim mengorbankan dunianya untuk kepentingan Akhirat. Itulah sikap mukmin yang sebenar.

Kita lihat pula Hadis yang menerangkan sifat orang mukmin yang sebenar.

لَا يُؤْمِنُ اَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ
وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ اَجْمَعِيْنَ

Terjemahan: Tidak dianggap sempurna iman seseorang hinggalah aku (Rasulullah) lebih dicintai

daripada anaknya, bapanya dan manusia yang lain.
(Riwayat: Al Bukhari)

Cinta adalah pengorbanan. Tidak dinamakan cinta kalau tidak ada pengorbanan untuk yang dicintai. Menyintai Allah dan Rasul-Nya bererti sanggup berkorban untuk-Nya. Dan bukti cinta pada kedua-duanya melebihi yang lain-lain ialah kita sanggup mengorbankan yang lain-lain untuk dan kerana kedua-duanya. Kalau tidak begitu, belumlah kita dikatakan melebihkan cinta pada Allah dan Rasul daripada yang lain-lain.

Katalah isteri menghalang kita dari berdakwah dan kita pun ikut. Waktu itu cinta pada isteri melebihi cinta kita pada Allah dan Rasul. Atau anak buat maksiat dan kita biarkan. Maka waktu itu anak lebih dicintai dari Allah dan Rasul-Nya. Atau kita sendiri masih terlibat dalam sistem riba, maka kita sebenarnya masih menyintai dunia lebih dari Allah dan Rasul-Nya.

Demikianlah bahawa kalau ada sesuatu kepentingan selain Allah dan Rasul-Nya yang kita utamakan (hingga membelakangkan perintah keduanya) m%ka belumlah kita menyintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada yang lain-lain, Dan kalau begitu, kita sebenarnya sedang berada dalam kemurkaan Allah. Firman Allah:

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ
وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ
كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ
بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ

***Terjemahan:** Katakanlah, "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluarga, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah Iebih kamu cintai dari Allah dan Rasul-Nya, dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendarangkan keputusan-Nya. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang fasik.*

(At Taubah: 24)

Untuk menyintai Allah dan Rasul-Nya kita kenalah mengenalinya terlebih dahulu. 'Tak kenal maka tak cinta' kata pepatah Melayu. Cara untuk mengenali Allah dan Rasul-Nya tidak lain melainkan dengan menuntut ilmu tentang kedua-Nya, yakni ilmu Tauhid. Setelah kita tahu akan kehebatan Allah dan terasa pula bahawa Allah yang menjadikan kita, memelihara kita, memberi makan .dan pakai, memberi sihat dan pandai, memberi jawatan dan kemasyhuran dan memberi semuanya yang sedang menjadi milik kita, tentu akan meresap ke hati rasa kehambaan dan kecintaan pada Allah. Rasul pula, dialah yang bertungkus-lumus mati-matian berjuang untuk menyampaikan kebenaran itu pada kita. Kerana jasa dan cintanya pada kitalah kini kita dapat menikmati nikmat Islam dan iman.

***Terjemahan:** Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (ke-*

imanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin.

(At Taubah: 128)

Kalau Rasul begitu kasih dan cinta pada kita, apakah tidak tergerak di hati kita untuk mengasihi dan menyintainya pula? Sesungguhnya tidak ada manusia lain di dunia ini yang dapat memberi kasih sayang sebagaimana kasih sayang yang telah dibuktikan oleh Rasul kepada kita. Oleh itu, sangat munasabahlah bagi kita untuk berkorban membuktikan kasih kita pada Rasul itu, dengan pengorbanan yang lebih besar daripada apa yang telah kita berikan kepada manusia lain. Hanya dengan cara itulah sahaja bar-u terbukti bahawa kita menyintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada yang lain.

Bersabda Rasulullah SAW:

لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لأَخِيهِ مَا يُحِبُّ

Terjemahan: Tidak beriman seseorang kamu sehingga ia menyintai saudaranya sama seperti ia menyintai dirinya sendiri.

(Riwayat: Al Bukhari)

Semua orang-orang Islam adalah saudara kita. Allah sendiri mengiktirafkan ini dengan firman-Nya yang bermaksud:

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara.

(Al Hujurat: 10)

Sebagai saudara hendaklah kasih-mengasihi dan cinta menyintai. Jangan ada hasad dengki dan buruk sangka. Pandanglah manusia lain sebagaimana kita memandang diri kita sendiri. Kalau kita suka dihormati, orang lain juga suka begitu. Kalau kita tidak mahu dicaci-maki, orang lain juga tidak suka begitu.

Oleh itu hormatilah orang lain, dan usah dicari kekurangannya untuk diumpat dan dicaci. Kalau kita suka mencaci orang, orang lain pula akan suka mencaci kita, kerana sebenarnya kita pun ada kelemahan dan kekurangan sebagaimana orang lain juga ada kekurangan dan kelemahannya. Tidak ada seseorang pun daripada kita yang tidak bersalah. Oleh itu perlu apa caci-mencaci dan dengki-mendengki. Tidak ada sedikit pun kebaikan yang diperolehi, yang ada ialah bertambah-tambahnya kebencian dan kemurkaan Allah pada kita. Begitulah maksudnya yang disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW:

مَنْ لاَ يَرْحَمِ النَّاسَ لاَ يَرْحَمْهُ اللهُ

Terjemahan: Sesiapa yang tidak mengasihi sesama manusia, tidak akan dikasihi ia oleh Allah.
(Riwayat: At Tarmizi)

Dan kalau Allah tidak kasih, Nerakalah habuan kita. Apakah kita tidak takut dengan api Neraka lalu masih berani menggunakan mulut untuk mencaci-maki dan berhasad dengki pada hamba-hamba Allah yang lain? Sepatutnya kita memiliki hati yang sudi bergembira di atas kejayaan orang lain dan sanggup bersusah kerana bersama kesusahan orang lain. Itulah erti sahabat dalam pengertian yang sebenar. Tanda-tanda seseorang sahabat itu ada tiga:

1. Kalau kita salah, dinasihati penuh kasih sayang.
2. Kalau kita tegur kesalahannya pula, diterima dengan baik.
3. Semua kebaikan kita diikuti dan rahsia kita disimpan.

Dengan memenuhi tiga perkara di ataslah maka para Sahabat-Sahabat Rasulullah telah berjaya merakamkan sejarah gilang-gemilang yang patut kita banggakan hingga kini. Saya petik suatu kisah yang berlaku di zaman Sahabat semasa pemerintahan Sayidina Umar Ibnu Khattab; buat menunjukkan suasana hati manusia-manusia waktu itu dan bentuk kehidupan yang telah mereka lalui.

Seorang pemuda bernama Hassan keluar dari kampungnya dengan menunggang seekor unta untuk membuat satu perjalanan yang jauh. Setelah lama mcnunggang, dia keletihan lalu turun dari untanya dan bersandar di sebatang pokok lalu tertidur.

Setelah sedar dari tidumya didapati untanya tidak ada. Hassan lalu terburu-buru mencari untanya itu. Dalam keadaan cemas dan bimbang itu, Hassan terjumpa untanya, tetapi telah mati. Alangkah hairan dan marahnya Hassan.

"Pakcik yang membunuhnya," kata seorang tua yang ada di sisi bangkai unta itu, "Tetapi bukan sengaja," sambung orang tua itu lagi. "Ketika unta ini memakan tanaman pakcik, pakcik lontar dengan batu kecil. Kena betul-betul di kepalanya. Lepas itu ia berpusing-pusing dan jatuh'lalu mati." Orang tua itu bercerita menerangkan kejadian yang sebenamya.

Hassan dalam keadaan bingung kerana terkejut dari tidur dengan tiba-tiba mencabut pedangnya dan dihayun ke arah orang tua itu dan terpenggallah leher dari badan.

Hassan seakan-akan bar-u bermimpi tersedar dari kejadian itu dan menyesal yang amat sangat. Hassan lalu mencari keluarga si mati dan menceritakan segala-galanya.

Dua orang anak lelaki kepada orang tua itu terus membawa Hassan kepada Amirul Mukminin hari itu juga. Dan Hassan pun dihadapkan ke mahkamah pengadilan. Amirul Mukminin sendiri yang menjadi hakimnya. Dengan dihadiri oleh beberapa orang Sahabat, pembicaraan pun dijalankan.

Sayidina Umar selaku hakim setelah mendengar pengakuan Hassan sendiri, tclah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Hassan. Mendengar itu Hassan berkata:

"Demi Allah, saya lebih sanggup dibunuh di dunia daripada mendapat hukuman Neraka di Akhirat. Tapi, wahai Amirul Mukminin, saya minta ditangguhkan hukuman itu dalam bebcrapa hari kerana saya mohon untuk membcritahu ibu bapa saya, anak isteri dan saudara-mara tentang perkara ini. Mereka semua belum tahu dan kerana jauhnya dari sini tentu mereka tak akan tahu kalau saya tidak memberitahunya."

Sayidina Umar kerana tegas dan adilnya menjawab, "Tidak. Tiada jaminan bahawa engkau datang lagi untuk menjalani hukuman ini."

Hassan merayu lagi, "Kasihanilah saya tuan hakim. Semua orang yang mengasihi saya sedang menunggu kepulangan saya. Mereka tentu tertanya-tanya kalau saya tidak pulang memberitahu tentang perkara ini."

Sekali lagi Sayidina Umar menunjukkan ketegasan dan keadilanny.a, "Tidak," katanya.

Kali ketiga Hassan merayu, tiba-tiba salah seorang Sahabat bangun dan berkata, "Sekalipun saya tidak kenal saudara Hassan, namun atas nama Sahabat Rasulullah, saya minta tuan hakim memperkenankan permohonan Hassan. Jika sekiranya Hassan tidak datang pada hari akan dijatuhkan hukuman, maka biarlah saya yang dihukum."

Dengan jaminan yang diberikan oleh Sahabat itu (Abu Zar), Sayidina Umar pun membenarkan hukuman itu ditangguhkan. Dan Hassan pun dibenarkan pulang setelah menentukan tarikh akan datang.

Sesampai di rumah, Hassan terus memberitahu keluarganya tentang apa yang berlaku dan berkata, "Biar saya jalani hukuman di dunia dari hukuman di Akhirat."

Menangislah ibu bapa dan anak isterinya. Tetapi Hassan tidak lemah semangat terus dipacunya kuda menuju ke tem-

pat pengadilan. Dia lebih takut pada Allah daripada anak isteri. Dia lebih cintakan Akhirat daripada dunia.

Di pertengahan jalan tiba-tiba tali pacu kudanya putus. Hassan cemas kalau-kalau dengan itu dia terlewat sampai. Bagaimanapun dengan susah payah, Hassan dapat membetulkan tali kekang kudanya dan akhirnya dapat meneruskan perjalanannya. Tetapi sudah lewat.

Di padang tempat hukuman hcndak dijalankan kerana kelewatan Hassan semua yang menanti sangat cemas. Mereka cemaskan Abu Zar yang terpaksa menggantikan tempat Hassan.

Dalam suasana kecemasan yang memuncak, tiba-tiba berbalam-balam di kejauhan semua yang hadir nampak kuda pacuan berlari kencang menuju ke tempat itu. Setelah yakin Hassan yang datang mereka bertempik: *"Allahu Akbar! Allahu Akbar!"*

Suasana tiba-tiba bertukar menjadi sedih dan terharu. Betapa jujumya anak muda Hassan memegang janjinya sekalipun nyawanya akan melayang.

Sebaik sahaja turun dari kudanya, Hassan menghadap tuan hakim dan berkata, "Demi Allah, saya tidak bemiat untuk menempah kelewatan ini. Tali kuda saya putus di tengah padang pasir. Puas saya usahakan mencari tali untuk menyambungnya. Alhamdulillah, saya dapat dan selamat tiba ke sini, tuan hakim." Kemudian katanya lagi, "Sebelum saya dibunuh, izinkan saya bersembahyang dua rakaat."

Sayidina Umar pun membenarkan. Dalam doa akhimya, Hassan berdoa: "Ya Allah, ampunkan keterlanjuranku di dunia dan di Akhirat."

Selesai menyapu muka, Hassan pun menghadap menyerahkan dirinya untuk menjalani hukuman bunuh. Tetapi, pada saat yang genting itu tiba-tiba kedua beradik anak si mati menghadap tuan hakim dan berkata:

"Kami telah menyaksikan kejujuran dan keikhlasan saudara Hassan dan telah kami saksikan juga keberanian dan kasih sayang saudara Abu Zar. Juga telah kami saksikan

ketegasan dan keadilan Amirul Mukminin menjalankan hukuman Tuhan. Hasilnya, kami memperolehi kekuatan untuk meredhakan kematian ayah kami dengan memaafkan saudara kami Hassan. Lepaskanlah saudara Hassan daripada hukuman, wahai Amirul Mukminin."

Mendengar itu sekali lagi padang itu bergema dcngan laungan: '*Allahu Akbar! Allahu Akbar!*"

Mereka semua bersyukur kerana terampunnya seorang saudara mereka dari hukuman di dunia dan di Akhirat. Insya Allah.

Banyak yang dapat kita pelajari dari peristiwa bersejarah itu. Dari seorang tua yang berani mengaku salah hingga menemui kematian. Kemudian Hassan yang lebih berani mengakui kesalahannya dan menyerahkan diri untuk dibunuh. Kemudian Abu Zar yang berjiwa "sahabat" dan sanggup mati kerananya. Tuan hakim yang tegas dan adil. Akhir sekali dua beradik yang berhati mulia merela dan memaafkan pembunuh ayah mereka.

Dengan hati yang beriman dan berkasih sayang manusia di zaman Sahabat telah menempah satu sejarah yang agung. Dan dengan hati-hati yang beriman, mereka telah berjaya mengangkat Islam setinggi-tingginya sesuai sebagai sifatnya.

Dengan itu mereka bukan sahaja telah menguasai dunia, tetapi sedang menikmati di Alam Barzakh dan akan Allah anugerahkan Syurga. Itulah nasib orang yang bernama mukmin yang sebenar. Sekarang Allah takdirkan giliran kita untuk menentukan nasib dan maruah diri.

Semoga peluang ini kita gunakan sebaik-baiknya untuk menurut jejak langkah mereka yang mulia lagi diredhai untuk turut menikmati kejayaan dan kenikmatan yang telah dan sedang mereka kecapi.

Terlalu banyak Hadis-Hadis yang menunjukkan pada kita segala ciri-ciri manusia mukmin yang sebenar. Saya kira kalau semua Hadis itu hendak disalin dan dibincangkan di sini, tentulah pula tidak sesuai dengan tajuk buku ini. Oleh

itu biar saya ringkaskan maksud sebahagian daripada hadis-Hadis itu.

Rasulullah SAW mengajarkan:

- Hubungkan tali persaudaraan kalau saudaramu itu memutuskannya. Berlaku baikl.ah terhadap orang yang tidak menyukaimu. Kata-katamu hendaklah sentiasa benar, kalau diam, diammu itu hendaklah berfikir, memikirkan Tuhanmu dan apa yang telah diciptakan-Nya.

- Hendaklah manusia itu hidup dengan usaha sendiri, berniaga atau bertukang dan lain-lain. Nabi pemah berkata pada seorang peminta sedekah supaya ia pergi mencari kayu di hutan dan dijualnya datipada ia meminta-minta hingga hilang maruah kemanusia-annya.

- Tuhan akan memberi berkat-Nya pada sesiapa yang bersungguh-sungguh, dan di Akhirat akan diberi-Nya pahala, terutama pada orang yang berjuang menegakkan kebenaran agama-Nya.

- Menuntut ilmu pengetahuan yang hak adalah jihad, memperkatakannya adalah zikir, membincangkannya adalah khusyuk pada Tuhan dan mengajamya adalah derma dan pengorbanan. Sebab ilmu pengetahuan adalah alat yang boleh melepaskan manusia dari keragu-raguan, yang dapat mendekatkan manusia dengan Allah.

- Katakanlah yang benar sekalipun mengenai diri sen-diri. Tepatilah janji kalau engkau berjanji. Pulangkan amanah pada yang empunyanya, jangan sekali-kali khianat. Lawanlah keinginanmu kalau ia mengajak menyimpang dari syariat. Jangan hasad dengki, cuci-lah mulut dan tanganmu dari kekotoran hasad deng-

ki dan penganiayaan sesama manusia. Haram bagimu menyiarkan cacat saudaramu, haram juga mencungkil-cungkil rahsia dan noda yang dilakukan oleh orang lain.

- Gembirakanlah orang yang dukacita. Bantulah orang yang kesusahan. Ringankanlah orang yang berhutang. Kerana orang yang meringankan berat saudaranya Tuhan akan meringankannya di Hari Qiamat.
- Manusia yang dicintai Allah ialah orang yang banyak memberi kebaikan pada orang lain. Sebab dalam pandangan Allah, manusia ini sama sahaja kecuali orang-orang yang taqwa dan lebih kebaktiannya sesama manusia. Berilah makan orang yang lapar. Berilah minum orang yang kehausan. Ziarahilah orang yang sakit dan maut. Dan beradab sopanlah dengan semua lapisan manusia.
- Segala amalan yang baik adalah derma dan sedckah. Memberi senyuman pada manusia adalah sedekah. Nasihat yang baik adalah hadiah. Menunjukkan jalan pada yang tidak tahu adalah pengorbanan. Dan membuang duri daripada jalan adalah pemberian yang mahal.

Itulah ringkasan sebahagian dari maksud sabda Rasulullah SAW. Semuanya adalah tunjuk ajar yang baik, yang mana kalau ada orang yang dapat melaksanakan semua ajaran baginda itu, akan jadilah dia mukmin yang sebenar. Dan kalau apa yang dikehendaki oleh baginda Rasulullah SAW ini dapat diamalkan dalam sebuah keluarga maka jadilah keluarga itu keluarga mukmin. Seterusnya kalau ajaran Rasulullah ini dapat diserapkan ke dalam masyarakat, akan jadilah masyarakat yang mukmin. Individu, keluarga **atau** masyarakat yang mukmin adalah manusia-manusia yang sempurna, yang akan berjaya dan bahagia di dunia dan

Akhirat. Menilik ke dalam diri sendiri dan anggota masyarakat manusia kini, kita tentu belum menjadi mukmin sebagai yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya.

Oleh itu perlulah diusahakan agar kita dapat mencapainya dengan cara-cara dan langkah-langkah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah, yang mana serba sedikit telah saya bentangkan dalam buku ini, sebelum tajuk ini. Semoga Allah merestui usaha kita itu dan semoga diizinkan-Nya untuk kita mencapai apa yang diperintahkan-Nya.

9

Penutup

MASA beredar detik demi detik, tidak pernah berhenti. Satu detik yang ditinggalkan bererti satu detik umur kita hilang. Satu detik berlalu bermakna satu detik juga bertambah dekatnya kita dengan kematian.

Mati ialah perpindahan kita dari alam dunia ke Alam Barzakh. Di sana Allah akan lanjutkan hidup kita. Kehidupan di sana ialah balasan kepada cara hidup di dunia. Andaikata yang kita pilih di dunia ialah kehidupan beriman dan beramal baik maka di Barzakh kita akan menerima ganjaran kebaikannya. Sebaliknya kalau di dunia kita kufur dan beramal jahat, maka di Alam Barzakh Allah akan balasi kita dengan balasan yang setimpal, akan kekallah kita begitu, hingga tibanya Hari Qiamat, di mana Allah akan sempurnakan pembalasan kepada hamba-hamba-Nya.

Firman Allah SWT:

﴿١٠﴾ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتْ ﴿١١﴾ وَإِذَا ٱلْجَحِيمُ سُعِّرَتْ ﴿١٢﴾ وَإِذَا ٱلْجَنَّةُ
أُزْلِفَتْ ﴿١٣﴾ عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّآ أَحْضَرَتْ ﴿١٤﴾

Terjemahan: Kalau matahari digulung. Dan apabila bintang berguguran. Dan apabila gunung-gunung dihancurkan. Dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan. Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan. Dan apabila lautan dijadikan meluap Dan apabila roh-roh dipertemukan dengan tubuh. Dan apabila bayi-bayi perempuan yang dikubur hidup-hidup ditanya, tentang dosa apakah dia dibunuh. Dan apabila catatan amal manusia dibuka. Dan apabila langit dilenyapkan. Dan apabila Neraka Jahim dinyalakan. Dan Syurga didekat. Maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan.

(At Takwir: I-14)

Di Hari Qiamat akan bangkitlah manusia dari Alam Barzakh dalam bentuk sepertimana yang diwarisi semasa hidup di dunia. Orang yang beriman adalah golongan yang berjaya. Allah memberitahu khabar gembira ini dengan firman-Nya:

Terjemahan: (Pada Hari Qiamat) banyak muka pada hari itu berseri-seri. Merasa senang kerana

usahanya. Dalam Syurga yang tinggi. Tidak kamu dengar di dalamnya perkataan yang tidak berguna. Di dalamnya ada mata air yang mengalir. Di dalamnya ada takhta-takhta yang ditinggikan. Dan gelas-gelas yang terletak. Dan bantal-bantal sandaran yang tersusun. Dan permaidani-permaidani yang terhampar.

(Al Ghaasiyah: 8-16)

Sebaliknya orang-orang yang ingkar dan menderhaka kepada Allah, adalah golongan yang gagal dan menderita. Fir-man Allah:

Terjemahan: Banyak muka pada hari itu tunduk terhina. Bekerja keras lagi kepayahan. Memasuki api yang sangat panas. Diberi minum (air) dari sumber yang sangat panas. Mereka tiada memperolehi makanan selain dari pohon yang berduri. Yang tidak menggemukkan dan tidak menghilangkan lapar.

(Al Ghaasiyah: 2-7)

Di Hari Qiamat manusia dikelaskan hanya dua kelas; iman atau kafir. Tidak ada kelas ketiga. Siapa yang dapat masuk ke kelas iman, berbahagialah dia dalam Syurga selamanya. Siapa yang terpaksa masuk kelas kafir, menderitalah dia dalam Neraka selamanya.

Siapakah dari kita yang mahu dan sanggup menerima penderitaan? Diuji dengan sedikit kesusahan di dunia ini pun

kita sudah keluh-kesah dan tidak sabar, apalagi kalau selamanya dibenamkan di dalam api, dengan segala penyeksaan dan penghinaan yang dahsyat. Sesungguhnya tidak akan ada siapa pun yang mahu.

Kalau begitu kita tidak ada pilihan lain selain beriman. Dalam peluang hidup yang masih ada ini, kita masih berpelua untuk memilih. Maka pilihlah jalan hidup beriman. Jalan yang telah diterokai oleh nabi dan rasul. Jalan yang telah ditunjukkan oleh Al Quran dan Sunnah. Jalan yang lurus, yang kita pohon setiap kali mendirikan sembahyang:

Tunjukilah kami (ya Allah) jalan lurus.
Jalan mereka yang Engkau beri nikmat.
Bukan jalan mereka yang Engkau murkai.
Tidak juga *jalan mereka yang sesat.*

Jalan itu adalah kehidupan yang diasaskan atas rasa cinta pada Tuhan, rindukan Syurga dan takutkan Neraka di Akhirat. Dengan tiga bentuk perasaan itu, mereka sentiasa berperang dengan hawa nafsu dan syaitan. Mereka sentiasa melebihkan kepentingan Akhirat dari kepentingan dunia mereka. Sifat-sifat mereka Allah cantumkan dalarn Al Quran dengan fir-man-Nya:

Terjemahan: Adapun orang yang takut pada kebesaran Tuhannya, dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya Syurgalah tempat tinggalnya.

(An Naaziat: 40-41)

Tidak pernah berniat untuk menderhaka kepada Allah sebaliknya mereka sentiasa merancang dan bersedia untuk berbakti pada Allah.

Sudah menjadi Sunnatullah bahawa jalan-Nya ini adalah susah dan payah. Menempuhnya bererti menyusahkan diri dengan segala pengorbanan yang besar-besar. Bagaimanapun ia adalah paling mulia. Jalan inilah yang telah ditempuh oleh para *anbia* dan *mursalin*, orang-orang *muqarrobin* dan orang-orang *solehin*. Mereka itu semuanya telah berjaya sampai ke hujung dan sekarang sedang menghadapi nikmat-nya. Kita yang masih tinggal, jalanilah terus. Usah ragu dan bimbang. Kepayahan yang sedang kita tanggung sebenarnya ialah harga kebahagiaan yang akan kita terima nanti. Insya-Allah.

Semoga Allah memandu kita dengan taufik dan hida-yah-Nya, agar kita tetap di atas jalan-Nya. Semoga umur yang masih diizinkan ada pada kita, dapat kita pergunakan sepenuhnya untuk berbakti kepada-Nya. Amin. Amin. Amin ya Rabbal 'Alamin.